

## **RASUAH POLITIK**

**Chedet.co.cc**

**August 11, 2008**

**by Dr. Mahathir Mohamad**

- 1) Di waktu kita pinda perlembagaan Umno supaya sesiapa yang ingin bertanding jawatan Presiden perlu mendapat pencalonan 30% daripada bahagian atau 60 bahagian, tujuan kita ialah untuk jawatan itu tidak ditandingi oleh orang yang tidak serius dan juga supaya wang tidak dapat disogok kepada jumlah bahagian yang begitu banyak.
- 2) Syarat ini dipercayai tidak akan menghalang mereka yang betul-betul berbakat untuk melayakkan mereka bertanding.
- 3) Sebelum ini dalam pertandingan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden walaupun saya sendiri dapat pencalonan daripada bahagian amat banyak tetapi undi yang saya dapat di Perhimpunan Agong amat kecil. Hanya 43 sahaja lebih daripada lawan saya. Dipercayai ada sesuatu yang berlaku kepada wakil-wakil setelah sampai ke Perhimpunan Agong. Pindaan telah dibuat kepada Perlembagaan supaya sesiapa yang dicalonkan oleh bahagian akan dapat 10 undi bonus. Peruntukan ini tidak berkesan. Justeru itu diperkenal sistem kuota seperti yang terdapat sekarang.
- 4) Kita tidak sangka yang syarat ini pun boleh disalahgunakan dengan cara lain. Amat malang bagi Umno dan orang Melayu. Kita lihat sekarang bagaimana syarat ini diguna untuk menghalang sebarang cabaran terhadap Presiden semasa, dengan tujuan supaya Presiden dan juga Timbalan Presiden tidak ditandingi sama sekali.
- 5) Cara yang digunakan amatlah kotor. Jauh daripada menunjuk teladan yang baik bagi pemimpin-pemimpin lain dan ahli-ahli Umno, Presiden sendiri yang mula menggunakan wang dan salahguna kuasa untuk mendapat pencalonan bagi diri sendiri dan menghalang pencalonan bagi orang lain. Tidak ada guna menafikan yang semua ini berlaku kerana terlalu ramai yang terlibat dalam kegiatan ini dan terlalu ramai yang bercakap berkenaannya.
- 6) Sekarang kita dengar aduan daripada seorang Ketua Bahagian kepada Setiausaha Agong Umno. Aduan ini menyatakan bahawa sementara Ibu Pejabat Umno melarang cawangan dan bahagian daripada berkempen untuk apa-apa jawatan di peringkat cawangan dan bahagian, Presiden sendiri giat berkempen untuk dirinya dicalonkan sebagai Presiden.
- 7) Kempen ini seperti disebut diatas disertai dengan hadiah kain, sejadah dan wang tunai sebanyak 50 hingga 100 Ringgit, sementara semua perbelanjaan perjalanan daripada bahagian-bahagian seluruh negara, penginapan di hotel mewah dan makan minum selama berada di KL ditanggung.
- 8) Dalam pada itu Presiden memujuk Timbalan Presiden, Dato Seri Najib Razak, supaya tidak melawannya bertanding Presiden pada Disember ini, dengan menawar hadiah jawatan Presiden dan Perdana Menteri kepada Dato Seri Najib pada Jun 2010. Ini jelas satu jenis rasuah politik yang tidak harus dilakukan oleh Presiden Umno yang melarang sebarang jenis rasuah dalam pemilihan ketua-ketua cawangan dan bahagian dan Majlis Tertinggi Umno.
- 9) Perbuatan Presiden tidak terhad kepada memanggil pemimpin cawangan sahaja. Ada bukti yang gula-gula dan ugutan dibuat supaya semua ketua bahagian dan jawatankuasa bahagian ikut telunjuk Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi dan akan calon hanya dia seorang untuk jawatan Presiden dan Dato Seri Najib untuk Timbalan Presiden. Dengan mengguna rasuah, ugutan dan pelbagai cara tekanan, bahagian-bahagian tidak akan calon sesiapa lain. Sudah tentu calon-calon lain tidak akan dapat cukup bilangan pencalonan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.
- 10) Bahawa rasuah dan tekanan diguna dilaporkan oleh ramai, tetapi tidak ada sesiapa yang berani mendakwa secara terbuka kerana takut tindakan diambil terhadap mereka. Lagipun mereka yang dahulu

melapor bahawa mereka telah disogok dengan wang mendapati Jawatan Kuasa Disiplin Parti menolak "tuduhan" itu bulat-bulat. Bahkan laporan kepada BPR (Badan Pencegah Rasuah) kes rasuah yang melibatkan seorang Timbalan Menteri didapati "tidak berasas" kerana yang dikatakan memberi wang rasuah menafi demikian. Justeru itu tidak ada yang sanggup membuat laporan lagi.

11) Sebab itu surat daripada Kapt. (B) Dato Zahar Hashim, Ketua Bahagian Umno Petaling Jaya Selatan yang jelas mendakwa Dato Seri Abdullah melakukan "rasuah politik yang besar" amatlah berani dan luarbiasa. Didalamnya diceritakan bagaimana Dato Seri Abdullah berkempen untuk dirinya dan menyogok wang dan kain pelikat kepada pemimpin cawangan yang dibawa khas ke KL. Wang yang diguna adalah wang kerajaan iaitu peruntukan untuk JASA (Bahagian Khas) Kementerian Penerangan.

12) Tawaran oleh Dato Seri Abdullah dan penerimaan oleh Dato Seri Najib yang Dato Seri Najib tidak akan tanding jawatan Presiden lawan Dato Seri Abdullah dan dengan itu Dato Seri Abdullah akan beri jawatan Perdana Menteri pada Dato Seri Najib menjelang pertengahan tahun 2010 ditafsir dan ditakrif sebagai rasuah politik yang amat besar.

13) Kapt. (B) Zahar hanya meminta supaya pekeliling melarang kempen ditarik balik oleh ibu pejabat sehingga lepas pemilihan pada Disember 2008.

14) Tetapi veteran Umno dan bekas Ahli J.K. Pemuda (Dato' Mazlan Harun), berasas pada surat Kapt. (B) Zahar telah buat laporan kepada BPR bahawa Dato Seri Abdullah dan Dato Seri Najib telah melakukan rasuah politik dan salahguna kuasa kerajaan.

15) Saya percaya akhirnya surat dan laporan kepada BPR tidak akan menghasilkan apa-apa kerana ada sahaja alasan dan penjelasan yang akan diberi oleh kedua-dua pemimpin tertinggi Umno ini untuk "cover-up".

16) Pada pemilihan bulan Disember perwakilan Umno tetap akan akur dan pilih Presiden dan Timbalan Presiden seperti yang ditunjuk oleh Dato Seri Abdullah.

17) Tetapi rakyat Malaysia akan bertambah jelek dengan Umno dan pemimpin-pemimpinnya. Ini bukan lagi parti kebangsaan Melayu. Ini sudah jadi parti untuk orang-orang tertentu mendapat jawatan dan wang bagi diri mereka.

18) Dato Seri Abdullah, Dato Seri Najib dan lain-lain pemimpin Umno mungkin kekal dengan jawatan mereka dan akan terus jadi Menteri dan sebagainya tetapi ingat apa telah jadi kepada Tajol Rosli, Mahadzir Khalid dan Khir Toyo.

19) Apa telah jadi pada Awang Adek dan Annuar Musa dan ramai lagi pemimpin Umno yang lain.

20) Jawatan-jawatan mereka dalam parti mungkin kekal tetapi apabila rakyat tolak parti yang rasuah yang bergantung pada sogokan duit dan tekanan, ugutan dan salahguna kuasa, semua jawatan ini tidak berguna lagi.

21) Presiden tidak akan jadi Perdana Menteri, Timbalan Presiden tidak akan jadi Timbalan Perdana Menteri. Ahli-ahli Majlis Tertinggi Umno jika menang pilihanraya pun akan jadi pembangkang seperti di Selangor, Perak dan Kedah.

22) Apabila parti sudah kalah ia akan hancur. Mereka yang tamak yang menggunakan cara yang haram untuk mengetuai parti akan dikutuk bukan sahaja oleh orang Melayu yang terima padahnya sekarang tetapi juga oleh pengasas-pengasas Umno yang sudah meninggal.

23) Ahli-ahli Umno yang mencari kesenangan, yang mengharap gula-gula dan kedudukan tertentu dan sanggup merestui perbuatan yang salah, perbuatan yang merosakkan parti, mereka akan menerima padahnya.

24) Hari ini pun kita sedang melihat bagaimana orang Melayu berada dalam keadaan tidak tentu arah, terancam, terpaksa menubuh badan-badan lain untuk mempertahankan hak mereka, berpecah dan bercempera dan umumnya hilang haluan.

25) Mereka ditohmah dan dipermainkan seolah-olah mereka menumpang di negeri orang.

26) Semua ini disebabkan oleh kepimpinan Umno yang rasuah dan ahli-ahli Umno yang tidak berani menegur, jauh sekali bertindak.

### 309 Comments

By MyMalaysia on August 11, 2008 4:22 PM

Bosan nak baca Utusan ngan tengok TV3 sekarang!  
By azlan80Author Profile Page on August 11, 2008 4:23 PM

true , Im NO ONE.  
By Abdul Rashid BasarAuthor Profile Page on August 11, 2008 4:23 PM

Tuah kah benar atau Jebat kah benar...ARB Dagang  
By pa\_an on August 11, 2008 4:24 PM

kami rakyat malaysia sama2 sokong che det...ha.ha..hamba orang pertama komen kali ini plak.  
By mlss on August 11, 2008 4:26 PM

Selamat petang Tun,

Perwakilan kali perlu lebih berani dan terbuka.  
Ini satu cabaran yang perlu dihadapi oleh perwakilan..

Perwakilan perlu menggunakan kuasa yang ada untuk membawa perubahan yang diharapkan sangat oleh rakyat Malaysia..  
By ddasmaraAuthor Profile Page on August 11, 2008 4:27 PM

assalamualaikom tun dr. M

semoga Allah merahmati Tun sekeluarga..  
i like to read ur comment about the 'majlis peguam' agenda if u write it..  
y must they touch about islam n malay..?  
nape kerajaan xbertindak slm forum diadakan..??  
nape baru bertindak semase forum diadakan..??

lastly, u r the best leader in the world  
By azlela on August 11, 2008 4:27 PM

Salam Tun and fellow warga chedet,

It is very disheartening to hear the reality of UMNO now. Pak Lah is clearly a very poor leader who must be replaced NOW before the impending doom...

When Tun was the President, you were a very good leader who knows how to solve the problems.. not only those in UMNO, but other BN parties as well... that was why BN was strong.. look at the present leader.. very weak and all other parties (not only UMNO) are beginning to disintegrate... and the benificairy of this is no doubt the opposition...  
By buntat on August 11, 2008 4:28 PM

salam ayahanda yang dihormati

Jika tiada juga perubahan dalam UMNO selepas pemilihan disember ini maka tunggu sajalah saat kehancuran UMNO itu dan yang menjahanamkan UMNO itu sendiri adalah Presiden Parti tu sendiri. Gula-gula? Rasuah dan politik wang hanya akan menghanyutkan lagi pemimpin2 UMNO. Tiada ulasan panjang lebar dari saya, cuma.. tolonglah berubah demi agama, bangsa dan negara. Saya bukan benci UMNO, Saya benci dan meluat kepimpinan dan budak tingkat 4 yang menjadi petualang negara.

By nadzri Author Profile Page on August 11, 2008 4:29 PM

Bila UMNO hendak bersih dari rasuah?

<http://nadzrikamsin.blogspot.com/>

By IZZ on August 11, 2008 4:29 PM

tun, saya dah daftar jd ahli umno sebanyak dua kali tp setiap kali buat semakan (kali terakhir semasa nak dekat pilihanraya umum tahun ni), nama saya tak ada dalam senarai ahli umno.. susah sgt ke org2 muda mcm saya ni nak join party umno?

By moyabira on August 11, 2008 4:30 PM

Assalamualaikum Tun,  
tak sabar membaca tulisan tun yang bernas tu

By tina on August 11, 2008 4:32 PM

assalamualaikum Tun,

saya sangat bersetuju dgn pendapat tun... saya tidak tahu apa yang akan terjadi pada masa hadapan jikalau pihak pembangkang menjadi kerajaan..

saya doakan agar Tun sentiasa sihat agar dapat menyelamatkan negara tercinta kita...

By nuriman on August 11, 2008 4:37 PM

Salam Tun,

An interesting issue and a good one to air. Seems that the form of bribery these days has diversify. From that of a straight forward form of giving cash to that of the camouflaged form of giving aids, so to say.

How creative our leaders are.

Such a shame that millions of ringits are bein wasted in such immoral activities. Ain't it good if the money is being channeled to a much more good cause such as subsidising fuel price? But then that could also be interpreted as bribery, or could it? God knows.

By threesixtynine on August 11, 2008 4:37 PM

salam che det

sebab itu, islam berdiri sendiri & tidak boleh dicampur aduk dengan mana-mana sistem selainnya hanya dengan implementasi islam sepenuhnya maka akan ada kejayaan yang Allah s.w.t boleh berikan bukan sahaja dunia, malah kejayaan akhirat yang kekal selama-lamanya

nak faham bukan senang, & umat pilih jalan senang untuk tidak faham akibatnya akhlak runtuh, iman pudar, hijrah ke akhirat tanpa kalimah

Allah maha kuasa, makhluk tiada kuasa

By samburu on August 11, 2008 4:39 PM

Salam Tun,

ingat lagi mula2 Pak Lah naik jadi PM, agenda utama yang beliau ingin hapuskan adalah rasuah....

Findingnya.....Pak Lah je tau...

By max\_klg on August 11, 2008 4:39 PM

Salam Tun,

1. Orang tua tu nampak mcm berani tapi sebenarnya penakut... main taktik kotor
2. Orang tua tu nampak mcm pandai tapi bodo...
3. Orang tua tu nampak mcm warak tapi bila orang usik agama dia... langsung takde bunyi...

Cuba teka sapa orang tua tu???

By azari on August 11, 2008 4:44 PM

kpd negarawan

tiada apa yg kekal ..tapi jangan lah dipendek kan umurnya..  
itu lah TDM sebut yg masih sy ingat..

UMNO telah rusak ...hampeh....

sedikit ttg penggunaan bahasa inggeris ..sy yakin klu TDM yg menjadi pilot mungkin tidak seteruk kes ini...

penggunaan bahasa inggeris kurang mantap..bukan tidak berjaya..

dari pelajar boleh buat maths...lansung tidak boleh..sekurang2nya kalau bahasa malaysia..mereka masih mampu jawab soalan...tapi ini lansung tidak boleh jawab soalan...

TAPI bukan salah TDM...100%..

tengok la ni merdeka..konsert indonesia pun buat bulan merdeka..panggil pulak penjajah omputeh apanama AVIL buat konsert..

konsert zaman chedet takle seterok ini.buat kayu TUN la ni semua ...

Tun dah buat keje Tun...Tun x boleh buat hape dah...kami2 ni la tanggung akibatnya..apa saja boleh asal jadi wang Tun...cara haram pun takpe (Tun faham kot..) janji menang..

UMNO is abt utk dimasukkan dalam muzium dah TUN...

apalah nasib Malaysia kini..ada negarawan ulung pun dinilai oleh pengkhianat hanya RM200...

harap negarawan terus sehat-AMIN

By nmjnhAuthor Profile Page on August 11, 2008 4:46 PM

Its true what you said. But then it's seems a bit too late to mention this as you should have been doing something before you resign last time. Afterall, the quota was established during your era.

I would call this as a cause and effect of your previous management. Some are good and some are bad. This quota system is just a good example of failure to execute a good procedure by some corrupted UMNO leaders. The bad thing is its like domino effect from President to Branch Leader. No UMNO leader would like to jeopardise his position by allowing a contest of his position by manipulating the Malays Unity issue. As a result, many become corrupted to uphold their position.

Its better late than sorry, lets have all level contest, and drop the quota system!!!

<http://globalbreakingnews.blogspot.com/2008/08/society-are-loosing-trust-in.html>  
By thebigdipper on August 11, 2008 4:46 PM

YABHG Tun.

Memang benar segala apa yang Tun katakan. Dan kerana itu orang melayu rata-rata berasa amat cemas. Tetapi bagi orang melayu yang menyokong parti pembangkang mereka semakin bertambah meluat. Jika UMNO hanya sibuk dengan hal ehwal UMNO dan bukan lagi sibuk memperjuangkan nasib orang melayu, alamat UMNO akan menjadi tidak relevan lagi.

By sarb on August 11, 2008 4:46 PM

Salam Yang Berbahgia Tun,

Setuju, Setuju, Setuju. Paham, Paham, Paham. Tapi nak buat macam mana, yang degil tetap degil. Tak kisah kaum dia di ketawakan, dia tau hanya dia dan keluarga serta kuncu2 saja. Tak juga kisah nyawa UMNO mungkin tinggal nyawa2 ikan saja. Kalau ada lagi masa bolih buat duit serta masih berkuasa dia tunggu saja. Selfish betul

Salam/Baftim

By moyabira on August 11, 2008 4:47 PM

Salam Tun,

1. Pemerintahan sekarang bukannya mengharapkan GULA-GULA tapi sekarang ni dah kena serang penyakit KENCING MANIS peringkat 4 (TERLEBIH GULA), yang mana sepatutnya dah kena potong kaki atau tangan.

2. Silap haribulan, kena penyakit jantung atau buah pinggang, jalan terus. UMNO terus berkubur. Itu lah pemimpin yang tiada wawasan untuk bangsa dan negara.

By TAMHAR on August 11, 2008 4:48 PM

Ybhg ayahanda Tun

I am a voter at Permatang Pauh and always be UMNO supporter although i'm not a member and this will be my 3rd times voting at PP. I'm a Johorean and has voted in , PJ, K T'gganu, JB, and Melaka in the past.

But this time around having problem to choose, diluah mati emak ditelan mati bapak. Nak protes undi pun must be given to credible candidate, and to ensure both parties don't use our votes as a sign of support from rakyat.

Since you are no longer an UMNO member, why not you become the independence candidate for permatang pauh. By winning the PP seat at least you don't have to buy the MP to be re-elected as PM, they sure lompat at you termasuk si katak tu.

Salam hormat to you and wife. The country needs you

By Lagos69Author Profile Page on August 11, 2008 4:49 PM

Salam Sejahtera Tun,

Saya amat-amat bersetuju dengan kenyataan Tun pada para ini:

17) rakyat Malaysia akan bertambah jelek dengan Umno dan pemimpin-pemimpinnya. Ini bukan lagi parti kebangsaan Melayu. Ini sudah jadi parti untuk orang-orang tertentu mendapat jawatan dan wang bagi diri mereka.

Benar...la Menjemukan....Meluat...Jelek dan bermacam-macam lagi....dengan kerenah kepimpinan UMNO yang penuh dengan rasuah, gila kuasa dan ahli-ahli UMNO yang tidak berani menegur pemimpin

mereka jauh sekali bertindak menentang kesalahan yang berlaku.

Tahniah Tun kerana sudah sedar akan kepincangan Parti UMNO semoga Allah memberi rahmat kepada Tun Sekeluarga....

<http://impianrakyat.blogspot.com>

By norly on August 11, 2008 4:49 PM

Salam Tun

What has happened to Malaysia now? Really wish all your comments here were read by those politicians out there..

By hapib0yAuthor Profile Page on August 11, 2008 4:49 PM

Dr. Mahathir Mohamad:

may i know are you gonna take any further action for that issue?

By Amar Makruf on August 11, 2008 4:50 PM

>.

Abdullah Badawi adalah manusia yang paling korap dengan amalan rasuah di tahap tertinggi diabad ini. Yang pastinya Abdullah mendapat balasan dari Allah. Kemungkinan Abdullah lari ke Australia untuk menyelamatkan diri nya nanti...

By SizegeneticsAuthor Profile Page on August 11, 2008 4:50 PM

Dato Zahar Hashim is a brave man, salute! We need more man like him around, with guts.

sizegenetics

By LKO on August 11, 2008 4:50 PM

What happens in UMNO affect the country. A leader that is corrupted in the party will lead the country to more corruption.

By Kay OwnAuthor Profile Page on August 11, 2008 4:52 PM

Assalamualaikum YABhg Tun,

Masalah penakut pemimpin janganlah dibiarkan lagi. Di cawangan jangan ada ahli yang tak berani. Keberanian dan semangat sebenar perjuangan UMNO bukan lagi di peringkat bahagian. Bahagian dah busuk dan berkulat. Semangat sebenar UMNO masih ada lagi di cawangan, itupun kalau ahli tak meninggalkan UMNO (macam saya).

Lihat aje apa yang dilakukan oleh UMNO Cawangan Sungai Buloh Country Resort pada Sabtu lepas. Itu baru berani. Jangan mengharap pada mana2 pucuk pimpinan UMNO bahagian atau cawangan ... "if it meant to be, it's up to members". Kebanyakan pucuk pimpinan bahagian dan cawangan dah dibeli (dan kadang2 dengan harga yang amat rendah nilainya).

By penukulAuthor Profile Page on August 11, 2008 4:52 PM

assalamualaikum,

dear all,

**HATI SEMAKIN SAKIT BILA PM BUAT RASUAH POLITIK.  
BPR KUASA DIBATASKAN OLEH PM.MUSTAHIL BPR NAK SIASAT PM.  
APA TANGKAL YG PM PAKAI BUAT SEMUA ORANG UMNO TAKUT.**

WASSALAM.

AKU DAH MENYAMPAH

By Ayoj on August 11, 2008 4:54 PM

Assalamualaikum Tun dan semua pembaca...

Knyataan terbaru Tun memang tepat. Saya lebih tertarik membaca kenyataan Tun semalam untuk berhijrah ke negara lain seandainya DSAI menjadi PM. Saya sebenarnya telah menimbangkan perkara ini lama dahulu sewaktu kelemahan AAB menjadi semakin ketara dan menjadi sumpahan rakyat setiap masa...

Terima Kasih kerana Tun sebenarnya berfikiran seperti itu..  
Teruskan perjuangan mu Tun..

I'll standby you..

Wasallam

By asam jawa on August 11, 2008 4:55 PM

Assalamualaikum YABhg. Tun

Terima kasih diatas ulasan YABhg. Tun mengenai realiti kepimpinan UMNO sekarang.

Kemerosotan kekuatan politik UMNO sukar dinafikan. Kaum bukan melayu telah mengambil kesempatan untuk mempersoalkan pertuanan Melayu dan yang paling tragis Majlis Peguam mempersoalkan Hak Melayu dan Islam menurut Perlembagaan. PAS dan PKR pandai ambil kesempatan untuk menagih populariti. Manakala Menteri Kehakiman membisu.

Pemimpin UMNO takut bertindak terhadap salahlaku HINDRAF dan Majlis Peguam. Mereka asyik memikirkan jawatan dalam parti sedangkan UMNO semakin senget dan mungkin akan karam.

Sekarang semakin jelas akronim RISDA dan MARA iaitu Rasuah Itu Suatu Amalan manakala Menteri Angkuh Rakyat Angan-angan semakin berleluasa.

Ramai dikalangan rakyat sekarang berpendapat bahawa tindakan terbaik yang boleh dibuat oleh DSAAB untuk menyelamatkan Malaysia, Melayu dan Islam ialah dengan meletak jawatan dengan segera. Malangnya beliau tidak berupaya membaca hasrat rakyat.

Kita berdoa semoga Allah tidak menurunkan bala yang tidak mampu kita menanggungnya disebabkan dosa yang dilakukan oleh pemimpin yang rasuah.

Semoga YABhg. Tun sekeluarga dirahmati Allah.

By leviathan80 on August 11, 2008 4:56 PM

Saya ambil berat pasal Umno walau saya bukan ahli

By Azhar Md.Noh on August 11, 2008 4:56 PM

Tun,

Saya tak rasa ada kesedaran pemimpin peringkat tertinggi UMNO (secara majoritinya) untuk merubah tradisi yang 'tersembunyi' sejak berdekad-dekad lamanya. Permainan rasuah dalam politik untuk mendapatkan kuasa telah berlaku dan terus berlaku. Pekara ini mungkin dapat dibendung bila:

1. Terdapat barisan pemimpin yang benar-benar layak dan berwibawa memimpin UMNO dan negara. Mereka yang mampu menelan 'permasalahan' peribadi dan bercita-cita tinggi untuk melihat bangsa dan agama disegani di bumi sendiri.
2. Pemilih dan pengundi juga bijak memainkan peranan dengan berfikiran lebih 'waras' tanpa dipengaruhi

wang dan 'gula-gula'.

Kedua-dua faktor di atas mestilah ujud sekali gus.

Rasuah wang dalam politik mencerminkan keperibadian pemimpin dan pemilih yang juga kebanyakkan mereka mejawat jawatan-jawatan penting diperingkat kementerian. Tidak hairanlah kebanyakan dasar-dasar yang digubal untuk kepentingan Melayu, yang melibatkan hak pemilikan tanah, perniagaan, aset-aset penting boleh digubal secara tidak resmi dan menguntungkan kaum lain ... hanya dengan sedikit sogokkan wang dan 'gula-gula'.

Kita akan terus terhina akibat perangai kita sendiri. Kejayaan sesuatu bangsa bukan dari faktor luaran tetapi datang dari faktor dalaman individu. Program menjatikan diri dan undang-undang boleh digubal untuk membentuk masyarakat yang jitu dan wibawa, tetapi masih tidak dapat memberi hasil jika individu gagal mengubah persepsi pemikiran.

Perubahan pemikiran harus berlaku secara menyeluruh. Selagi bangsa ini memilih untuk bertindak secara peribadi selagi itulah kita tidak mampu mengglobalisasikan agenda ekonomi dan sosial kita.

AZHAR MD.NOH

By Cucu Tok Det on August 11, 2008 5:02 PM

salam tok det,

orang dahulu sanggup gadai harta benda untuk umno, orang sekarang masuk umno untuk harta benda..

ada kajian yang dijalankan dan daripada sumber buku, jika semua perwakilan diberi rm 10 ribu seorang untuk memilih presiden dan naib presiden, maka jumlah duit yang diperlukan hanya lebih kurang USD6 juta.. dengan 6 juta itu kita boleh tentukan kerajaan, perdana menteri dan timbalan perdana menteri boneka.. apa akan jadi dengan kita semua? apa akan jadi dengan anak cucu kita bila kita mempunyai pemimpin boneka? apa akan jadi dengan bangsa kita? kita semakin hari semakin di pijak.. akibat dari...?

renungkanlah.. (terutamanya untuk perwakilan semua)

By pondok labu on August 11, 2008 5:02 PM

Salam Tun dan semua warga chedet,

Apa pun yang di tulis oleh Tun dahulunya dan yang ini (terbaru) berhubung dengan masalah dalaman dan luaran UMNO, mereka2 yang duduk di atas tu masih buat macam tak baca dan tak dengar je. Ketua2 cawangan yang tegar paklah ni pun 2x5 je nampaknya. Menyokong membabi buta, tak boleh di tegur, sentiasa menegakkan benang yang basah.. bodoh sombong. Ini semua kesan dari budaya 'anggu' yang amat segar dalam UMNO. Benar pun di anggap salah, kalau salah apa lagi.. semuanya macam catur, tiada kuasa nak bergerak sendiri, kena tunggu seseorang yang mengerakannya.. anda semua tahu siapa.

By JebatRomeo on August 11, 2008 5:02 PM

Salam Tun,

Saya Hairan bin Ajaib, melihat dengan terang lagi bersuloh, karenah PM dan DPM sekarang. Apa mereka tebal mukanya 20cm, tanpa apa2 perasaan menghalalkan yang haram. Apakah ni tokoh yang akan memberi contoh kepada bangsa dan negara? Sungguh memalukan!!! Yang menyedihkan lagi lain2 ahli2 MT, dok diam dan sama2 menghalalkan yang sudah jelas haram. Sungguh pengecut dan bachul ahli2 MT, termasuklah Ketua2 parti, ketua2 cawangan yang lain. Hishamuddin dan the gang pun dok lah diam2, makan burger satu dozen biao pewot kembung. Apakah kamu semua bakal menjadi ketua negara? Muka tak tau malu!!! Sungguh pengecut dan bachul langsung kamu semua, janganlah berangan menghunus keris, nak melambang wira bangsa dan negara, pooooo! aku ludah kat muka kamu satu2, pengecut dan bachul sudah terang dan jelas. Kamu langsung tidak ada watak dan jiwa seorang ketua dan wira, jadi badut boleh kot.

Kepada semua ahli2 UMNO yang lain, yang sungoh2 perihatin akan nasib bangsa dan Parti, marilah bersama mempertahankan maruah bangsa dan UMNO. Marilah jadi wira yang sejati. Buanglah jauh2 pengecut2, bachul2, badut2 dalam parti. Pilih ketua2 yang bermaruah, berhikmah, beriman, berbudi bahasa, yang sangat perihatin terhadap nasib bangsa, jujur, dan rajin dan kuat bekerja untok parti. Janganlah kamu sanggup menjual maruah kamu, maruah anak2 dan isteri kamu, maruah bangsa kamu hanya sekadar wang ringgit yang tak seberapa, wang haram kejadah yang akan membawa kamu ke neraka jahanam. Ingatlah kamu akan dipersoalkan nanti. Marilah ahli2 UMNO, jangan lah kamu sanggup jadi badut, jangan lah kamu sanggup diliwat oleh durjana2 dalam dan luar parti, janganlah kamu sanggup membiarkan nasib anak2 dan bangsa kamu diliwat oleh durjana2 yang bermaharajalela. Ayuh ahli2 UMNO, jangan biarkan bangsa kamu dihina dan dipermainkan oleh bangsa2 lain. Kamu mesti berani menegakan maruah diri kamu, anak2 dan bangsa kamu sekarang. Lakukanlah sekarang, sebelum nasi menjadi bubor, tangisan darah sekalipun tak guna lagi.

Wassalam

Hidup UMNO, Hidup Melayu, Hidup Tun

By asm on August 11, 2008 5:04 PM

Salam Tun!

I believe in an old Chinese proverb that says ' a fish rots from the head'. I guess that applies in this case. Just hope it isn't too late.

Salam and take care of yourself and family.

By zaidi suhaimi gilongAuthor Profile Page on August 11, 2008 5:05 PM

Salam Tun.

Rasuah itu sangat merbahaya dan jika tidak ditangani dengan betul maka akan mengakibatkan diri binasa.

Bagi saya adalah penting jika komunikasi dua hala dilaksanakan secara bijaksana dan terbaik kerana jika asyik berpihak pada sebelah pihak sahaja maka akan membinasakan diri sendiri.

Setiap antara kita berusaha demi negara tercinta ini akan tetapi apakah kita mampu untuk berubah sekiranya asyik dihalang oleh anasir-anasir yang mementingkan diri dan berpihak pada pihak yang salah?

Kita harus tanya pada diri kita sendiri apakah kita sudah puas atau kita masih mahu lagi seperti yang pernah berlaku sebelum ini atau kita sudah sedar dan mahu kembali ke pangkal jalan.

Kita harus mencari jalan baru untuk memastikan kehidupan dapat dijalankan secara aman dan bahagia tanpa sebarang permasalahan yang rumit kerana acap kali berusaha menuju ke jalan yang benar ada saja simpang yang tidak tentu-tentu.

Jika kita berjaya tangani rasuah maka kita berjaya tangani penipuan yang semakin berleluasa.

Doakan kejayaan kami.

Salam Tun. Stay healthy okay ^\_~!

By bustamam on August 11, 2008 5:05 PM

1. Pemberian/Penerimaan rasuah (termasuk tuntutan palsu dan salah guna kuasa) jika tidak dibendung akan mengakibatkan banyak masalah sosial kerana undang-undang tidak akan dipatuhi dengan sepenuhnya, maka kegiatan jenayah dan ketidakadilan akan berleluasa.

2. Sampai bila kita sanggup membiarkan amalan rasuah bermaharajalela di tanahair kita?

3. Marilah kita bersatu membanteras apa jua bentuk rasuah daripada hidup subur di minda rakyat.  
By jamallyna on August 11, 2008 5:06 PM

Salam Tun dan rakan2 blogger,

Dalam fikiran saya yg kurang arif dari segi percaturan politik, salah satu sebab kenaikan harga minyak adalah nak menampung peruntukan perbelanjaan "utk rasuah politik" for party election.

Dulu masa pentadbiran Tun, negara berada dlm keadaan aman dan semua kaum hormati hak kaum masing2 tanpa prejudis, tetapi sekrng seperti yg Tun pernah katakan "kerajaan lemah adalah tidak sesuai utk negara berbilang kaum", maka hampir tiap2 hari ada saja pertikaian tentang berbagai2 isu yg dibangkitkan lebih2 lagi selepas "Malapetaka PRU12" kerana rakyat tidak lagi menghormati atau "takut" kepada kerajaan pemerintah sekarang...malangnya pemimpin atasan Barisan Nasional, khususnya UMNO "buat2 pekak badak+bodoh sombong"...

By sang\_tawal on August 11, 2008 5:07 PM

Inilah realiti UMNO sekarang. Kalau sesuatu tidak dilakukan dengan segera maka parti merdeka yang ditubuhkan dengan keringat dan darah orang2 melayu dahulu akan hanya tinggal sejarah dan cuma dipelajari dalam buku teks sekolah. Hai...sedarlah ahli UMNO jangan biarkan ini berlaku.

By justdoit on August 11, 2008 5:07 PM

salam TUN

To me your opinion are always right & second to nothing.....

You are the BEST

Regards

I KNOW !

By leadingAuthor Profile Page on August 11, 2008 5:08 PM

Tun,

We are more concern about the economy and your vision 2020.

But, may be, we just have got to wait, until 2010 ?

<http://www.leading.com.my>

By rossi on August 11, 2008 5:08 PM

Salam Tun,

Pak Lah memang seorang ketua yang lemah.

Benar kata TUN bahawa orang melayu sekarang tidak lagi dihormati. Isu-isu agama dan hak orang melayu secara terbuka dibincangkan. Memang tiada hormat kepada Pak Lah.

Haraplah Pak Lah turun dengan hormat sekarang. Tak perlu tunggu 2010.

Semoga Tun sihat selalu.

Love you Tun.

regards

By lufias\_eng on August 11, 2008 5:09 PM

Tun,

1. DSAAB had given very sweet 'gula-gula' to all from top to the grassroots. It is surprisingly to accept the fact that the leaders are all corrupted from top to the bottom.
2. Malaysia situation lately seem completely disorder. Great disturbances happened all over the country. All can simply list down the political imbalance events lately, e.g unexpected petrol price rate hike, losing Batu Puteh, Bar Council open interference in Islamic matters, Anwar chaotic and etc. It really showed us the weak of unqualified leadership of DSAAB.
3. Malay survival also seems faded in UMNO mission. The leaders nowadays keep talking nothing unless competing in UMNO election from higher level positions to the grassroots.
4. More sadly, our top leader also recently stated not believe firmly of reaching Vision 2020. That clearly showed how Malaysia now was governed by uncompetence leader.
5. I pray to Allah that the true competent leader will emerge out the soonest and save Malaysia.
6. Hopefully Tun will always pray to Allah asking the goodness and guide the next leader to bring up successful Malaysia.

By genius on August 11, 2008 5:10 PM

Salam,  
Dear Tun and readers,

Kasih dan hormat pada tun tak pernah pudar.

Just my question....

Do u have any idea why Pak Lah macam tu? Very zero.  
Sakitnya hati rakyat semua...

All muslims marilah berdoa;  
"Ya Allah ya tuhanku selamatkanlah agamaku, bangsaku, dan negaraku!"  
Satukanlah kami...

Amin.

By AloQStAQAuthor Profile Page on August 11, 2008 5:10 PM

RASUAH boleh menghancurkan UMNO,  
RASUAH boleh menghancurkan PARTI,  
RASUAH boleh menghancurkan BANGSA,  
RASUAH boleh menghancurkan NEGARA.  
By Captain on August 11, 2008 5:11 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun yang tercinta,

Please Tun, we the rakyat which are not the UMNO members, what shall we do at this point of time as we don't want to see our beloved country been looted by this criminals.....

PLEASE HELP US AYAHANDA.....

By tha-bAuthor Profile Page on August 11, 2008 5:15 PM

Assalamualaikum Tun Mahathir,

Maaf jika ini tiada kena mengena dengan tajuk blog ini.

Bolehkah Tun siarkan tulisan berkenaan FTA USA-Malaysia. Kerana Saya ada terbaca di majalah Milenia Muslim yang baru dibeli di 7Eleven. FTA USA-Malaysia sudah dibincangkan lama dahulu tapi belum diputuskan oleh kerajaan. Jika ditandatangani, rakyat akan seksa untuk mendapatkan ubatan.

Sekian,

Shahrane

By pakpinpanjangAuthor Profile Page on August 11, 2008 5:15 PM

Salam Tun,

Saya berpendapat orang Melayu perlu dibiarkan sahaja jadi hamba di negara sendiri. hanya dengan itu sahaja mereka akan kembali bangun bersungguh seperti orang Cina datang ke Tanah Melayu suatu masa adahulu.

Itulah harga yang perlu dibayar sebab ramai yang tidak mendengar nasihat Tun.

Bukan pemimpin sahaja. Itu satu hal yang tidak boleh disaggah lagi. Tetati.. Banyak lagi 'silent majoriti' yang takut. Mana letak 'tel\*\*\*' kita semua?

By sdahenanAuthor Profile Page on August 11, 2008 5:15 PM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HI TAALA WABAROKATUH

Yang di hormati lagi di sayangi Ayahanda Tun dan onda Siti Hasmah

Satu ulasan yang cukup jelas bagi sesiapa yang mahu memahaminya. Apa yang ayahanda lakukan adalah untuk kebaikan semua pihak akan tetapi bagi pihak2 yang selalu membangkang, yang mempunyai kepentingan dan maksud2 peribadi akan tetap menyalahkan ayahanda Tun. Tetapi lama kelamaan orang akan tahu kebenaran yang sebenarnya.

Telah benarlah seperti apa yang telah di sabdakan oleh Junjungan kita Rasulullah SAW : "JANGAN KAMU BERIKAN SESUATU JAWATAN ITU KEPADA ORANG YANG MEMINTA NYA KERANA KELAK ORANG ITU TIDAK AKAN MAMPU UNTUK MELAKSANAKAN TUGAS NYA ATAU AKAN BERKHIANAT"

Telah terlihat lah di mata kita betapa kotor nya permainan politik Pak Lah. APA YANG INGIN DI PERTAHANKAN NYA? -JAWATAN?- HARTA?-ANAK PINAK? - KULLU NAFSIN ZA IQATUL MAUT. semakin banyak harta semakin teruklah pertanyaan di kubur nanti -SEMUA ORANG TAHU TENTANG SOALAN DI KUBUR - EVEN THE MOST STUPID IDIOT.

Najib pula - WHY YOU CHICKEN OUT? - MANA DIA DARAH KEPAPHLAWANAN MELAYU/RAWA/BUGIS YANG ADA DALAM DIRI KAMU ITU? Percaya lah pada diri sendiri. Kalau rasa bersalah dan takut orang membongkarkan kesalahan kamu, tidak takutkah apa yang nak di jawab di hadapan ALLH SWT nanti. Percayalah -orang ramai akan lebih menyukai kamu yang bersalah tetapi BERDIRI DI ATAS KEBENARAN DARIPADA ORANG YANG NAMPAK TIDAK BERSALAH TETAPI MUNAFIK, PEMBOHONG, PENIPU, PEMBELIT DAN MACAM2 LAGI.

Apa yang Ayahanda Tun nyatakan adalah satu kebenaran walaupun amat pahit.

Semoga Ayahanda Tun dan Bonda selalu di dalam limpahan rahmat ALLAH SWT.

Alif Lam Mim

WASSALLAM.

By rezalfahmi on August 11, 2008 5:16 PM

Tun,

Pada hemat saya Pak Lah ingin terus berkuasa. Beliau seolah-olah tidak mempedulikan apa yang berlaku kepada UMNO mutakhir ini. Dua pihak yang boleh menggugat penguasaan beliau adalah Najib dan Anwar. Najib seakan-akan sudah berhenti mengorak langkah untuk mara dengan segala retorik yang dilemparkan kepadanya. Umum sedia maklum siapa yang bertanggungjawab dalam hal memburukkan Najib. Sekarang tiba pula giliran Anwar. Cabaran ini lebih sukar berbanding cabaran pertama. Tetapi Pak Lah tetap ingin terus berkuasa.

Pak Lah perlu sedar bahawasanya segala kepincangan yang berlaku pada hari ini adalah disebabkan oleh kesilapan dan kelemahan beliau. Malangnya beliau seolah-olah tidak sedar. Hari ini dasar Perumahan dan tanah di Penang ada ura-ura digubal. Jawatan Datuk SUK Penang juga ada ura-ura akan diberikan kepada bangsa asing. Ini amatlah merugikan bangsa Melayu. Dengan ini ramailah wakil-wakil rakyat berbangsa asing menyertai Pakatan kerana kesamarataan ini. Minta Tun huraikan dengan lebih mendalam dalam tulisan, apa akan jadi jika ANWAR jadi PM?

By JimmyHillhead on August 11, 2008 5:16 PM

Sir,

I am already WORRIED about our future with this new saga. What will be the future for my children and your grandchildren? Will the Malays become second class citizen in Malaysia or become pariah at their own country? This matter is happening at RimauPura and this is not a laughing matter.

I am suggesting for Mageran to take over the country NOW, before it is too late.

I don't think I can trust DSAAB, DSMNR & certainly NOT DSAI.

I am suggesting for you to talk to UMNO's heavyweight & try to influence them to nominate TSMY & DSRV to be the President & Deputy President. Think that need somebody to become the HERO & the rest will follows. As you are aware, the UMNO need people to take the lead, otherwise they will keep waiting.

What do you think of that, Sir?

Cheerio

By Lee on August 11, 2008 5:17 PM

Jikalau mereka yang mahu sangat kedudukan mereka di UMNO, saya rasa mereka telahpun ada sesuatu rancangan untuk kebaikan negara yang cuma belum lagi dilaksanakan.

Saya rasa rakyat-rakyat Malaysia tak mahu pemimpin-pemimpin yang hanya tahu mekukuhkan kedudukan mereka tetapi tidak tahu menghasilkan keputusan selain daripada itu.

By zulQarnain on August 11, 2008 5:18 PM

Dear Tun,

Semoga sentiasa dibawah barakah Ilahi.

Semakin hari, semakin terancam kedudukan kita, laksana menumpang ditanah seberang gambarnya..

Yang berkuasa enggan berundur dan mereka-mereka yang mengelilinginya membentuk kubu berlapis, mana mungkin ditembusi orang kebiasaan seperti kami semua..

Semakin hari semakin malap pelita melayu, kehabisan minyak, kekurangan sumbu..

Semakin hari semakin berkecamburan buih penyatuan, dioleng ombak, dipancar arus..

Kita menggelek persis digelek, bila kelak digelek, akan pasti hancur luluhlah semuanya..

By syarimann Author Profile Page on August 11, 2008 5:21 PM

pemimpin tinggi yang bijak pasti sudah tahu apa yang perlu dilakukan, tetapi apabila kepentingan peribadi melebihi kepentingan umum, seseorang itu tidak layak untuk menjadi pemimpin tertinggi lebih-lebih lagi memimpin negara malaysia yang unik ini. kita perlu menarik pemimpin seperti ini untuk turun ke bawah melihat sengsara dan kehendak rakyat, mustahil, tapi kalau kita bersatu pasti berjaya. orang melayu terlalu berkompromi entah sampai bila, terlalu hormat pemimpin entah sampai bila, mungkin mahu menjadi seperti 'palestin'. sejarah palestin perlu kita hayati dan diambil pengajaran. ramai yang sedih dan kecewa dengan situasi semasa tetapi masing-masing mungkin takut atau kurang bermaya, kurang bersemangat, tidak cukup kekuatan.....mungkin juga sudah sifat orang melayu perlukan seseorang yang berwibawa untuk melawan arus. siapakah orangnya, hanya Tuhan Yang Maha Esa Maha Mengetahui. saya berdoa sekiranya Allah panjangkan umur Tun dan memberi kekuatan pada Tun, sudilah.....

By chesom Author Profile Page on August 11, 2008 5:22 PM

Assalamualaikum TUN yang di kasihi.

kita lihat nanti kesannya di permatang pauh nanti. kalau BN menang besar kepala lagi la dia, sahampun maikn naik lagi. kalau kalah dia kata dah tahu memang akan kalahpun.

bagaimanapun saya tak sanggup melihat tanahair air saya tergedai begitu sahaja.

Ya Allah selamatkanlah tanahair tercinta ku ini dari mahluk perosak ini.

love u TUN always.

By dospenang on August 11, 2008 5:24 PM

SALAM TUN,

KEPADA PENYOKONG KUAT ANWAR!!

Baru-baru ini TUN BUAT SATU KENYATAAN tidak akan menginap di Malaysia jika Anwar menjadi PM Malaysia.

Soalnya saya tak nak ulas kenyataan TUN sama sekali, mungkin juga hal peribadi antara dua pemimpin.

Tapi buat SEMUA CERDIK PANDAI BLOGGERS chedet.com, saya nak cakap sikit pasal 'BUDI'!!

Pepatah Melayu ada berkata,

Orang memberi kita merasa  
Orang ber'BUDI' kita berbahasa.

HAKIKATNYA, pada hari ini setiap budi bukan hanya untuk dirasa lebih daripada itu 'SETIAP BUDI HARUS DIBAYAR BALIK'.

Perjuangan Anwar menjadi PM Malaysia telah mendapat sokongan banyak pihak dari luar negara dan juga dari dalam negara. Ini termasuklah orang Cina, Hindu (Hindraf), pertubuhan NGO dalam negara juga luar negara, yang nyata lagi jelas media alternatif Malaysiakini, juga lebih besar sokongan proksi Barat dari pemimpin-pemimpin seteru Anwar.

Jadi sokongan kepada Anwar adalah 'BUDI' yang semuanya IKHLAS ataupun perlu DIBALAS????

Jika hidup terlampau banyak BUDI yang kita terima sekeliling pinggang, MAKA apabila senang, kitalah perlu membayar BUDI orang kembali.

#### UNTUK KES ANWAR

Relevannya, tidak mungkin semuanya percuma.

Jadi pada setiap BUDI yang diberi pasti ada HADIAH yang perlu dibayar balik.

1. Kepada penyokong kuat dari Cina terutamanya DAP.....

'HADIAH'nya kemungkinan besar adalah TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA, setelah Anwar pernah berkata "Apa salahnya TPM bukan dari orang Melayu....."(TPM salah satu misi perjuangan DAP)

2. Kepada penyokong kuat orang Hindu terutamanya dari HINDRAF dan PKR...

'HADIAH'nya mungkin adalah MENTERI KEWANGAN atau MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA setelah Anwar juga menyokong pendapat Hindraf berlaku penghapusan etnik Hindu di negara Malaysia apabila Anwar mengiringi mereka ke mahkamah atas kes demonstrasi beberapa bulan sebelum pilihan raya.

3. Kepada penyokong kuat dari media alternatif seperti MalaysiaKini.....

'HADIAH'nya mungkin juga besar seperti hak penyiaran ke televisyen, akhbar Harian utama negara, juga media alternatif utama rujukan negara, setelah berbulan MalaysiaKini memaparkan rentetan Anwar menjadi PM Malaysia sebagai berita perdana.

4. Kepada proksi BARAT terutamanya USA.....

'HADIAH'nya kemungkinan besar adalah campurtangan lebih luas dalam sistem ekonomi politik dan sosial negara, peluang perniagaan US dan mungkin juga hadiah terbesar iaitu pangkalan tentera USA di Labuan setelah Rice dan AIGore menyokong perjuangan Anwar serta laman web yahoo dan msn Malaysia hampir setiap hari memaparkan perjalanan Anwar menjadi PM Malaysia(dalam tidak sedar)

5. Kepada seteru Anwar dari pemimpin Yahudi.....

'HADIAH'nya kemungkinan besar adalah buat pertama kalinya dasar luar Israel dan Malaysia dibuka yang membolehkan ruang berpolitik, ekonomi dan sosial untuk kedua-dua negara. Ini kerana kenalan Anwar Paul Wolfowitz adalah neo-konservatif Yahudi dan Jerusalem Post menyiarkan artikel bertajuk 'Anwar : Malaysia PM in waiting' sebelum PRU yang lepas.

6. Dah cukup lima, mungkin anda dapat cari HADIAH seterusnya.....

Saya tulis pada semua point keMUNGKINan HADIAHnya.... Kerana hanya keMUNGKINANan Anwar akan jadi PM MALAYSIA.

Soal BUDI yang Anwar terima, anda semua boleh cari dalam internet ataupun akhbar maklumlah semuakan BLOGGERS.....

Penulis: HADIAH untuk orang MELAYU hapuskan DEB!!

TERUSKAN MENGUNDI MENDESAK PAK LAH SUPAYA MELETAK JAWATAN:

<http://www.PetitionOnline.com/PakLah/>

VOTE SEGERA DEMI MALAYSIA!!!!!!!!!!!!!!

WASALAM

By nass on August 11, 2008 5:24 PM

dah lama tak tengok berita tv1, tv2, tv3, ntv7, tv8 & tv9. bosan sungguh.  
By "My Way" on August 11, 2008 5:25 PM

Dear Tun and everybody,

Looking at the rate that UMNO is going rite now it is wounding itself slowly to a sure death. The UMNO grassroots are getting frustrated, but unfortunately those who are occupying the top positions are just day-dreaming and hoping to get a 2/3 in the next election, like they wish!

It is sad really that the party that majority of Malays and even Malaysians used to admire is going to die surely, if nothing is done NOW.

For the first time, BN is no longer stable as before. Again, totally agree that the top CEO is still daydreaming and believing that Malaysians today is understanding and happy, yeah rite dream- on! Good point Tun, today there seems to be many Malay NGOs that is now fighting for Malay rights and where is UMNO on this? Pathetic thinking of the answer.

True, for the sake of all Malaysians, UMNO must change and that change must start from the TOP then only BN as a whole can regain the respect and dignity it deserves.

God Bless Malaysia!

By ikanbilismoh on August 11, 2008 5:28 PM

MEMANG BENAR TUN....RATA-RATA SEKARANG NIE...DIMANA-MANA SAYA JUMPA ORANG MELAYU....SEMUANYA DAH MUAQ, JELEK, BOSAN DENGAN UMNO SEKARANG NIE....

BAIK DI MANA SAHAJA SAYA BERTANYA DAN MEMBUKA CERITA TENTANG UMNO SEMUANYA DAH TAK MAHU MENDENGAR CERITA-CERITA UMNO YANG DAH MELENCONG DARI TUJUAN ASALNYA...

BANYAK YANG MEMBERI PENDAPAT TAK AKAN MENGUNDI DAN AKAN MEMBUAT UNDI ROSAK ATAUPUN JIKA TERPAKSA MEREKA AKAN UNDI PARTI LAIN....SEPERTI PARTI PAS ....

SAYA PUN DAH FEED UP TUN...TAPI BILAKAH KITA NAK DAPAT JALAN PENYELESAIANNYA.....TUN BERILAH KAMI PANDUAN BAGAIMAN HENDAK MENYEDARKAN MEREKA-MEREKA YG DAH TAK SEDAR DIRI INI...

ITULAH TUN....MELAYU MUDAH LUPA....

By Tauke Kedai on August 11, 2008 5:29 PM

1) Mahathir Memberi Mandat Moga Melayu Mengembang Maju.

2) Di saat ini, saya dapati orang-orang Melayu sudah mula tidak mengharapkan UMNO dan kerajaan untuk membela nasib mereka. Ini merupakan satu petunjuk bahawa mereka sudah mula sedar untuk berdikari dalam erti kata yang sebenarnya. Ini adalah sesuatu yang mulia. 'Every war breeds creation'.

3) Usaha pemimpin veteran UMNO hendaklah di ambil sebagai contoh oleh ahli-ahli UMNO yang lain. Adakah maruah Melayu itu sama nilai dengan kain pelikat, sejadah dan wang RM50-RM100? Tidakkah kamu berasa malu atas perbuatan kamu yang mementingkan diri sendiri?

4) Memperoleh kemerdekaan 51 tahun dahulu adalah sesuatu yang sukar. Mempertahankan kemerdekaan adalah sesuatu yang lebih sukar.

5) AAB dan kroni rakus, tamak haloba. Rakyat parah tidak terbela. Lebih kuat kamu canang slogan untuk membela nasib Melayu, lebih banyak kamu rompak harta orang Melayu.

6) AAB - Perjuanganmu sudah selesai. Berundurlah.

By John on August 11, 2008 5:30 PM

Siapa berani tegur ketua gangster yang seolah-olah general tentera tu? Siapa lagi berani membongkar



Tun,

Kita tidak mahu pemimpin yang rasuah dan corrupted dalam UMNO.  
Tetapi kita juga tidak mahu pengkhianat bangsa dan agama dalam pembangkang terutama PKR.

Kesan penulisan ini akan menguntungkan pembangkang.

Jadi bagaimana? Masa semakin suntuk.

Jika ditumbangkan kerajaan BN, kerajaan DAP n PKR pula yg akan berkuasa.  
Jika dikekalkan kerajaan Pak Lah, tak habis2 syok sendiri.  
Ramai yg menyokong Tun. Tetapi Tun hanya mempunyai pengaruh yg sgt besar tetapi bukan pengaruh eksekutif.

Inilah yg sedang mengelirukan saya sbg rakyat Malaysia.  
Apa yg harus dilakukan?

Sekadar 'sending a message' sudah tidak cukup.  
By apiescharlie on August 11, 2008 5:33 PM

Salam Tun,  
Sampai bila yang berkuasa terus menghancurkan negara dan bangsa, sedangkan kuasa dikurnia untuk mengurus dan membela..

Sampai bila kebiaksanaan yang dikurnia disalah guna, alangkah baiknya jika manfaatnya tersalur pada negara, bukan sekadar keluarga..  
Bantu kami, Ayahanda Tun  
By Noor Faiza on August 11, 2008 5:33 PM

Salam Tun,

Saya terkilan dengan point no 16) Pada pemilihan bulan Disember perwakilan Umno tetap akan akur dan pilih Presiden dan Timbalan Presiden seperti yang ditunjuk oleh Dato Seri Abdullah.

Saya sebagai rakyat masih menyimpan sedikit harapan bahawa Abdullah akan kalah pada Disember ini.

Saya harap Tun salah dalam hal ini kerana saya tak sanggup lagi dengan Abdullah dan Najib.

Kalau Abdullah masih jadi Presiden lepas Disember ini, ramai orang Melayu akan memberontak.

Rakyat Malaysia, sama-samalah kita usahakan supaya Abdullah kalah Disember ini. Peluang masih ada!  
By Ir. Syahrizan on August 11, 2008 5:34 PM

Asalamualaikum and Hello,

The wheel of time is spinning again... UMNO-BN dying fate will be sealed very soon... Unless a savior willing to stand-up and save the country.

Please don't blame Tun Dr. Mahathir for not returning to politics. He has served us before, in fact he is still serving and surfing the net as well. Let the old guy enjoy his last retiring moments. In fact we are lucky Tun Dr. Mahathir willing to set-up a blog to keep in touch with the rest of Malaysia and the world. While most old folks spending whatever that is left of their precious lifetime; by going for a World Tour, Golf, Sleeping, reading Al-Quran, Praying or Ceramah (which are all good), but our dear Tun instead, decided to use his extra time to fix-up the situation and use whatever tools he has (the internet) to fight. No "weapons" doesn't mean you're defeated, not yet Tun Dr. Mahathir. A good example of a survivor and a fighter. This shows his love and passion for the country will never die. I salute you Tun Dr. Mahathir,

when the time comes, you can count on me "Syahrizan" to support you all the way.

If Tun Dr. Mahathir plans to return to politics; I will be there to support you all the way. "Insyallah, dengan izin Allah S.W.T. Kebathilan akan dimusnahkan oleh Nur Kebaikan". Time to stand up and count me in as a part of the new generation. Amin Ya Rabil Alamin!

By lebaikudin on August 11, 2008 5:37 PM

Salam Tun & fellow bloggers,

- 1.Kita diajar rasuah sejak kecik2 lagi.bapak suruh gi kedai beli rokok,baki buat beli gula2
- 2.Kat sekolah cikgu kasi rasuah utuk anak murid buat kerja-boleh balik awal,ada yang kasi duit
- 3.Tutup rahsia dapat ganjaran.'cover line' la tu
- 4.Anak2 tengok bapak bagi rasuah kat polis trafik

Itulah antaranya asas yang ditanamkan dalam diri orang melayu..yang semakin layu  
Wassalam

By KersaniAuthor Profile Page on August 11, 2008 5:38 PM

Sir,

Umno is no longer even a shadow of what it once was. Younger people from those in the early 20s to those in their mid 30s are sickened of the goings on in UMNO. They see that only the ones who make a living of rent-seeking and picking up crumbs from the leaders they blindly follow are the ones who thrive in UMNO. Genuine people interested in ideals and doing the right thing have no place.

When one has no money, one has no hope making headway in UMNO even at the branch and divisional level, let alone at the national level. So no matter how good you are, no matter what ideas you may have that may benefit the Malays and in the long run the whole country, it doesn't matter. You can't make headway until you make money.

So how then do you make money?...you see what others in UMNO do and then you follow. Invariably, you get sucked into the system and you become one of them. The vicious circle continues at the expense of idealism and perjuangan and sincerity.

In the end UMNO becomes a party of pirates and thugs that nobody likes or respects.

You did the right thing in leaving UMNO sir. Because this NOT the UMNO of Dr. Mahathir Mohamad. Nor is it the UMNO of Dato Onn Jafar or Tunku Abd Rahman or Tun Razak.

For me this is not the party I signed up for back in 1998. Back then I knew what I was fighting for and I knew that I believed in the Party President and I believed in the vision he had for Malays and Malaysians.

today I don't know whether we are coming or going or just running around chasing our own tails. UMNO is in crisis. But those who have the power to do something about it are completely oblivious.

It breaks my heart to say it. But I really do feel that we are witnessing the last days of UMNO in power.

By langsuyor on August 11, 2008 5:41 PM

Salam Tun,

Jelaskan nanah UMNO semakin membusuk, dihurungi lalat dan langau, menunggu masa untuk mati sahaja.

By zali lampai on August 11, 2008 5:42 PM

Assalamualaikum Tun,

saya ada wat posting sikit pasal ni

<http://anakmalaysia81.blogspot.com/2008/08/jangan-belas-kasih-kepada-perosak.html>

By izzat2200 on August 11, 2008 5:42 PM

my first comment :))

By ThienWu on August 11, 2008 5:43 PM

Ya Allah...

Selamatkan lah agama ku

Selamatkan lah bangsa ku

Selamatkan lah negara ku

amin

By iamcloudkeeper on August 11, 2008 5:45 PM

aslmkum TUN...

untuk makluman saya adalah ahli UMNO yang berdaftar.

Pada hemat saya kuasa terletak di tangan perwakilan.

Sebanyak manapun hendak disogok jika para perwakilan nanti

tahu untuk menjalankan tanggungjawab mereka sesuatu pasti terjadi dan mungkin akan berlaku

sedikit/banyak perubahan didalam UMNO itu sendiri.

Jika Maruah mereka tidak boleh dibeli, Presiden dan Timb. Presiden tak mampu buat ape2.

"Hidup Melayu Bersatu"

"Ketenangan yang membuat kita terlena mungkin lebih merbahaya dari ribut yang membuat kita terjaga"

Sekian Wassalam.....

By muarif on August 11, 2008 5:47 PM

Salam untuk Tun sekeluarga,

Tun, bukan Tun sahaja tertipu dengan Pak Lah ni, malah majoriti rakyat Malaysia turut tertipu di mana

2004 ramai beria dan menaruh harapan tinggi terhadap Pak Lah. Jelas Pak Lah telah mengkhianati

amanah majoriti rakyat Malaysia dan juga pemimpin terdahulunya walaupun yang sudah meninggal.

Betul kata Tun mereka yang telah pergi (meninggal) pun melihat pengkhinatan Pak Lah terhadap Bangsa

dan Agama. Pak Lah sendiri tahu ramai yang melihat, tapi nafsu dan kerakusan mengatasi segalanya.

Sememangnya beliau seorang yang lemah dan tak seperti Tun. Yang tinggal buat kami adalah

KATA-KATA SEMANGAT DARI TUN. HARAP MUKHRIZ AKAN SEHEBAT TUN KELAK. wassalam.

By OrangLama on August 11, 2008 5:49 PM

Salam Tun dan semua,

Tak ade ke peluang Tun, Dato Seri Abdullah, Dato Seri Anwar, dan Dato Hadi berbincang dalam meja sebulat berbincang masalah perpaduan Melayu dan Islam? Buang yang keruh ambil yang jernih.

Semua pihak kena saling memaafkan satu sama lain. Ikhlas kerana Allah berbincang, ikut yang mana lebih benar. Kasihan lah rakyat jelata.

By normal citizen on August 11, 2008 5:50 PM

Think about it all perwakilan UMNO.

UMNO akan hancur kerana rakyat akan tolak sepenuhnya parti yang rasuah dan tiada perubahan selama ini.

Rakyat tiada pilihan tetapi terpaksa berfikir bahawa "mungkin" parti pembangkang lebih baik pentadbirannya.

Lebih-lebih lagi esok akan turun harga minyak :)  
By abangchiqAuthor Profile Page on August 11, 2008 5:55 PM

POLITIC IS DIRTY.....

<http://abangchiq.blogspot.com/>  
By warisanpang5Author Profile Page on August 11, 2008 5:56 PM

Assalamualaikum YABhg Tun,

Hakikatnya UMNO kini bukan lagi wadah untuk memperjuangkan kedaulatan bangsa, agama dan negara, tetapi lebih kepada perjuangan untuk menunjukkan kekuasaan seseorang pemimpin yang memiliki dana peribadi yang melebihi satu di antara yang lain. 'A person who has the power & wealth is the KING!' Bayangkan jika seseorang itu merupakan PM dan Presiden sesebuah parti peneraju kerajaan, bagaimana kekuatannya, apatah lagi perbendaharaan nya!! Hiraki ini juga pasti berlaku dengan pusingan yang sama di peringkat negeri, bahagian serta cawangan. Di manakah kedudukan akar umbi yang sebenarnya kehidupan mereka yang perlu diperjuangkan..?

YABhg Tun, pada masa kini dari segi pra-sarana, jika kita bukan dari kalangan pucuk pimpinan, ahli-ahli yang berhormat atau kroni-kroni pemimpin tertentu, dapatkah kita berdaya saing di bidang perniagaan? Sebagai contoh, walau sebagai seorang kontraktor kelas 'F' sekalipun, di manakah kedudukan mereka-mereka ini yang merupakan 'genuine businessman' dan tidak menganggotai mana-mana parti politik?? Berjaya kah mereka memperolehi kerja-kerja tanpa ada campurtangan politik??

Perubahan pada UMNO ini perlu di inisiatifkan sendiri oleh akar umbi, tentang bagaimana cara agar pucuk pimpinan harus tunduk kepada 'suara besar akar umbi'. Demi menjaga maruah bangsa agar tidak dicap sebagai bangsa yang boleh dijual beli di mata pihak lain, perkara sogokan politik ini wajib disanggah. Cegah sebelum bertambah parah!! Jika arus perjalanan politik ini dapat kita ubah, mungkin selepas itu kita cadangkan agar ahli-ahli yang berhormat tidak dibenarkan bertanding jawatan timbalan ketua bahagian, naib ketua bahagian dll, agar UMNO dapat memberi ruang kepada pemimpin lain yang berkebolehan untuk sama-sama merencana agenda perjuangan parti agar lebih demokrasi, kolektif kerana UMNO tidak ketandusan pemimpin pelapis, dan ini juga untuk mengelakkan salah guna kuasa serta perebutan jawatan tertinggi yang ketika ini lebih memihak kepada pemimpin yang bergelar 'YB'..... Renung-renung kan ...

Apa2 pun, gelanggang bakal tersedia...pertembungan di antara 'political survivor' atau 'political fighter'.. yang mana kita PILIH? Tepuk dada tanya selera !!!

Wslm.

By Bey on August 11, 2008 5:59 PM

Tun,

Saya setuju dengan pandangan Tun mengenai Rasuah Politik ini. Malah sepupu saya yang juga merupakan ketua cawangan UMNO telah disogok dengan kain pelikat ketika perjumpaan dengan DSAAB baru baru ini.

UMNO nampaknya merupakan parti rasuah dan ini pasti akan merosakkan parti percayalah.

Sungguh jijik sikap pemimpin kita sekarang ini.  
By ashari on August 11, 2008 6:01 PM

TUN

NAMA RASUAH; TAK KIRA RASUAH POLITIK ; IANYA TETAP RASUAH

PEMBERI DAN PENERIMA HARUS DI HUKUM...!!!

APA LAGI RASUAH POLITK.....MERUSAKNKAN NEGARA.

TOLAK RASUH POLITIK, ATAU TERIMA AJA HUKUMAN NYA.

PALING TIDAK DI LAKNAT ALLAH!!!!

<http://isteri-mamak-tua.blogspot.com>

salam perjuangan

\_ashar\_

Angkatan Lancang Kuning Nusantara  
By Che Man on August 11, 2008 6:02 PM

Salam Tun,

Hamba sudah jemu dan muak hendak perkatakan tentang perkara ini. Selagi para pemimpin UMNO tidak ikhlas berjuang untuk kepentingan agama Islam dan bangsa Melayu...UMNO akan hancur. Selagi pemimpin UMNO hanya gila kuasa dan wang dan kedudukan...UMNO akan hancur. Apa susah sangat kah untuk melepaskan jawatan kalau tidak kerana impaknya hilang kuasa dan kepentingan peribadi (dan kroni)? Jika benar-benar ikhlas berjuang untuk kepentingan agama dan bangsa, jika seseorang pemimpin itu rasa dirinya tidak mampu lagi memimpin...dia akan lepas jawatan tanpa ada apa-apa syarat pun.

Zaman dahulu kala, tiada siapa hendak berebut untuk menjadi pemimpin, kerana sedar bahawa tugas pemimpin itu berat. Pemimpin akan disoal siasat di Akhirat kelak tentang kepimpinannya. Zaman sekarang semua orang hendak jadi pemimpin, bukan kerana kemampuan dan amanah, tetapi untuk kepentingan peribadi, kuasa, dan kekayaan. Ramai pemimpin zaman sekarang seolah-olah lupa (atau tidak percaya?) bahawa hari pembalasan Akhirat itu wujud.

UMNO....kata Tan Sri Muhyiddin, berada dalam zon bahaya sekarang ini. Hamba rasa dia benar....UMNO hendak berubah atau hendak musnah? Ahli UMNO sendiri ada jawabannya.  
By sujini on August 11, 2008 6:02 PM

Salam Dr Mahathir,

Rakyat sudah lama tahu UMNO praktis rasuah.  
Bukan sahaja UMNO, bahkan Agensi-Ageni Kerajaan,  
GLCs pun sama teruknya.

Keadaan sekarang lebih teruk daripada zaman Dr Mahathir yang dulu mereka menggelar DR Mahazalim , Mahafiraun dan berkuku besi.

Ketua BPR pun ikut perintah orang no.1.  
Mereka hanya selidik jika orang no.1 perintah suruh selidik.

Sekarang ini nampak macam semua pemimpin kita dibawah pengaruh hitam yang kuat.

Pengaruh ini telah menular dan berkuasa hari demi hari.  
Lambat laun Malaysia dibawah kuasa mereka.  
Orang-orang Melayu pada masa itu akan berputih mata.

Rakyat yang cintakan agama, bangsa dan negara sahaja yang dapat menyelamatkan Malaysia sekarang ini.  
Pemimpin-pemimpin semua dah tak boleh harap.

By wn on August 11, 2008 6:03 PM

If we ever want to be a developed country by 2020 then the main political parties must be the first one to be modernised and not one that has changed very little for almost half a century.

Why can't we adopt a system where anyone from the party can become a Leader and if that party wins in the General Election, then he/she will become the Prime Minister. Party members can still practise democracy by going for the party post but there is no such thing that a party President has to be the Prime Minister.

This will avoid money politics and encourage the bright and capable ones to come forward to offer his/her party leadership. Imagine if a party has an incapable President then the whole country will have to suffer because the present system in most political parties will not be able to weed off the President (hence Prime Minister) unless he/she chooses to step down. Party members are too chicken out to opt for vote of no confidence.

It is time for political parties in Malaysia to wake up and adapt and adopt what developed countries are doing if we ever want to become a developed nation.

I am sure Tun will have a brighter idea as the 2020 Vision for Malaysia to become a developed country is none other but Tun's very own brainchild.

By AloQStaQAuthor Profile Page on August 11, 2008 6:04 PM

Assalamualaikum Ayahanda & Bonda : TUN BERDUA,

Semoga Ayahanda dan Bonda senantiasa sihat dan ceria.

Gejala rasuah dalam parti UMNO kini jelas kelihatan sudah pasti tidak dapat dibendung kerana pucuk pimpinan yang lemah dan takut menghadapi kenyataan menjunamnya kepopularitian diri ... justeru, dia sendiri terpaksa menggunakan skil yang ada pada dirinya dan anak pinaknya (baca: menantu kesayangan), melanggar etika parti yang dipimpinnya - dengan menggunakan saluran syaitan (baca : RASUAH yang terlaknat!) ...

Rasuah boleh menghancurkan sebuah dinasti! ... Adakah tahun 2008 adalah tahun terakhir UMNO sebagai parti pemerintah sejak zaman Merdeka dulu? Jawapannya : MUNGKIN YA! Kerana UMNO dihancurkan dari luar serta dalam parti sendiri ...

Pembangkok saban hari menimbulkan isu-isu membakar semangat rakyat bencikan UMNO/BN ... dalam masa yang sama, kepimpinan dalam UMNO sendiri kini tampak dengan begitu jelas dan nyata

menghancurkan (dari dalam) sebuah parti keramat bangsa Melayu ini dengan menaburkan wang sebanyak-banyaknya sebagai umpan membeli pengaruh diri. Langsung tanpa memikirkan kebinasaan parti!

Luar dan dalam sama-sama bekerjasama melingkupkan parti ini. Sungguh durjana mereka-mereka ini!

Pelik sungguh apabila kepimpinan sendiri menyalahgunakan kuasa untuk mendapatkan kembali populariti (seperti yang beliau kecapai tahun PRU11 - 2004 dulu), di mana pengaruh dan kepopularitiannya itu (2004) telah memadam seketika kehebatan 22 tahun PM terdahulu! ... Riak dan angkuhnya waktu itu, hanya Allah yang tahu, dan rakyat sahaja dapat menilainya ... Pengaruh yang dikecapinya, seakan-akan tiada tolok bandingan dan itu menyebabkan PM 2004 - 2008 sudah lupa diri ... hanyut.

Popularitinya sah! merosot amat teruk sekali ...

Populariti ala-ala 2004, tidak kembali dengan mudah jika dirinya sudah terpalit pelbagai kelemahan terutamanya kekalahan teruk PRU12 - 2008. Jadi, apa yang terlintas di benak dan kepala lututnya serta menantunya adalah : populariti harus dibeli! pengaruh harus diperdagangkan! ...

Jadi, pemilihan 2008 UMNO menyerlahkan "perdagangan" maruah parti ! UMNO kelihatan amat jelik dan songsang apabila 'kerusi teratas' telah memperdagangkan parti! ... Serangan peluru-peluru berasaskan matawang RM di peringkat Bahagian mula dirasai. Terjahan demi terjahan peluru ini mengakibatkan mata-hati menjadi buta lalu menerima dengan hati yang terbuka "KAMI SOKONG TANPA BERBELAH BAHAGI" ... "TITAH TUANKU (Presiden) PATEK (Ahli-Ahli Bahagian) JUNJUNG" ...

Selama ini UMNO unggul. UMNO dihormati dan disanjung oleh rakan-rakan komponen. Kini, bukan rakan-rakan komponen sahaja yang kurang rasa hormat, ahli-ahli UMNO sendiri pun dah mula rasa meluat.

Kepimpinan harus ditukar. SEGERA! ... Bukan Jun 2010 yang rakyat/ahli UMNO dambakan perubahan kepimpinan, tetapi SEKARANG adalah masanya, segalanya patut berubah. Berubah demi kebaikan dan pemulihan dalaman parti. Supaya UMNO dan ahlinya mempunyai masa yang cukup untuk kembali bertenaga menentang terjahan dari luar parti ... Rasuah akan terhenti, jika perubahan dilakukan dengan ikhlas oleh pucuk pimpinan. Jangan tunggu sampai UMNO hancur dan tidak dapat dicantumkan kembali ikatannya.

AloQStaQ

<http://AloQStaQblog.blogspot.com>

-SAYA SAYANG TUN BERDUA-

By kedahanAuthor Profile Page on August 11, 2008 6:06 PM

politik tidak dapat lari dari rasuah. Politik Islam sahaja yang saya akui tidak melibatkan rasuah.

[www.politictoday.com](http://www.politictoday.com)

By Tauke Kedai on August 11, 2008 6:07 PM

Tun,

'Standard' ataupun 'benchmark' yang Tun telah tinggalkan semasa Tun melepaskan jawatan adalah amat tinggi dan amat sukar untuk AAB untuk menandinginya. AAB ada dua pilihan semasa dia mengambil alih jawatan iaitu, 1) Teruskan usaha yang Tun telah rancang dan 2) Buat rancangan sendiri. Saya pasti dia telah berjanji dengan Tun untuk meneruskan projek-projek yang telah Tun luluskan dalam Rancangan Malaysia terdahulu. Dia mungkir janji.

Tun,

Perjuanganmu belum selesai.

By shahnaz on August 11, 2008 6:07 PM

Salam Tun Dr. Mahathir Mohamad,

Saya sangat meminati Tun dan ape yang tun sampaikan sangat bernas.

Terima kasih kerana menjadi PM selama 21 tahun.

Semoga Tun Sekeluarga panjang umur .

shahnaz

By pujangga7Author Profile Page on August 11, 2008 6:08 PM

A'kum Tun & pembaca2 blog chedet,

Nampaknya "peralihan kuasa" adalah key word terbaru UMNO sehingga jawatan ketua wanita pun kena mempunyai "peralihan kuasa". Ini membuatkan rakyat tertanya2 adakah jawatan2 di dalam UMNO dikhaskan untuk sekelompok elit dan UMNO dimiliki oleh satu dinasti? Di mana kah demokrasi? Adakah ahli2 UMNO mempunyai suara untuk menentukan pucuk pimpinan parti? Hanya satu cara untuk melupuskan politik wang dari UMNO ialah dengan membuat perubahan perlembagaan - jawatan presiden UMNO & lain2 jawatan penting dipilih secara langsung oleh ahli UMNO.

PRU12 telah berlalu tetapi apakah iktibar yang telah diambil oleh kepimpinan negara? Sebenarnya setelah 50 tahun negara merdeka, rakyat berbilang kaum ingin melihat Malaysia lebih progressive seperti di zaman Tun dan juga lebih keterbukaan. Seperti contoh, kepimpinan negeri tidak semestinya berdasarkan kepada dominasi parti tertentu. MB atau Ketua Menteri patut diberikan kepada pemimpin parti komponen yang berkaliber. Barulah rakyat dapat menghargai BN sebagai parti berbilang bangsa.

Regards,

By kroolaznizam on August 11, 2008 6:21 PM

Salam Tokdet...

Saya sedih tok, UMNO sekarang sudah tidak mampu mempertahankan hak-hak orang Melayu lagi, kita umpama menumpang di tanah orang..

UMNO kini sudah parah, rasuah politik sebenarnya berleluasa di sana sini, mesyuarat cawangan pun di hijack agar orang-orang mereka yang di pilih...

Sudah hilang pemimpin2 melayu yang sejati, yang menawarkan diri kerana benar-benar berjuang demi bangsa, agama dan negara...

Semuanya ada agenda peribadi demi mengkayakan poket masing-masing...

Semakin lama Abg Dol memegang kuasa, semakin meluat dan menyampah orang-orang Melayu terhadap UMNO tok..

Akhirnya, masa depan Negara dan bangsa yang jadi taruhan...

Bila Majlis Peguam buat forum terbuka pasal Islam dan Melayu, mana dia Abg Dol?? Penghulu Hadhari Karut!!

Mana dia Zaid Ibrahim?? Menteri Kehakiman yang hebat sangat tu??

Mana?? Mana??  
Sampai la ni duk membisu!!

Pengampu dan pembodek merata-rata... tension! tension!  
sampai hari ni saya tertanya-tanya, atas dasar apa UNISEL lantik Bini Abg Dol ni sebagai Chancellor...  
ATAS DASAR APA?? DASAR BODEK??

Ish, dah hilang sabar... sekian tok...

Salam..  
By kroolaznizam on August 11, 2008 6:26 PM

Salam TOk,

Lupa satu lagi, nak tahu apa pandangan Tok pasal pembelian BII oleh Maybank, kenapa Maybank sanggup bayar 4.7 Billion untuk beli saham BII daripada Temasek Holding, sedangkan masa Temasek beli tahun lepas dengan harga RM765 juta je....

Mula-mula kata nak beli, lepas tu cancel pulak... dengar kata dah bayar deposit RM478 juta, so?? Lebur la deposit tu kot?? Duit rakyat tu, senang-senang je diaorang belanja macam duit mak bapak dia....

Apa kata Tok??

Salam Tok....  
By semut selatan on August 11, 2008 6:32 PM

salam buat tun,

Betui cakap tun. Awat tun tunggu lama sangat nak komen pasal hal ini. Terasa jugak no...  
walau macam mana pun keadaan kita time nie dah agak parah. Mampuih.... tak takut langsung dgn  
dosa. Harap tun tolong sound dgn depa.  
Tun pls take care.

semut selatan  
By Faris HassaniAuthor Profile Page on August 11, 2008 6:33 PM

Dear Sir,

Rasanya, sudah sampai waktu dan ketikanya untuk UMNO membuat revolusi dalam perlembagaan...  
dengan membubarkan konsep perwakilan cawangan ke bahagian atau perwakilan bahagian ke  
persidangan agung. Oh ya, kuota pun patut dimansuhkan.

However we want to look at it... perwakilan does not and will never represent the true aspiration of the  
grassroots.

Instead, kita kena beri hak pengundian untuk memilih pemimpin di peringkat bahagian dan pusat to the  
whole UMNO members seakan-akan mini pilihanraya yang hanya akan melibatkan 3 juta lebih ahli  
sahaja.

By Bey on August 11, 2008 6:37 PM

Tun,

Saya amat takut dengan keadaan politik negara kita sekarang ini. Namapaknya tiada lagi pemimpin  
UMNO yang boleh dipercayai lagi.

By RAJA MarzuqiAuthor Profile Page on August 11, 2008 6:44 PM

## ERTI KEMERDEKAAN

Merdeka bukan ertinya boleh buat apa sahaja  
Dengan tidak memikirkan halal dan haramnya  
Merdeka bukan bermakna membina dan mencetuskan apa sahaja  
Dengan tidak memikirkan pantang-larang Tuhannya  
Merdeka bukan ertinya boleh melakukan apa sahaja yang dikehendak oleh nafsu  
Dengan tidak memikirkan syariat Tuhannya  
Merdeka bukan ertinya bebas tanpa batas  
Merdeka kita bebas dari penjajah  
Tapi tidak bebas di dalam semua hal dengan Tuhannya  
Tiadanya penjajah kita bebas memilih identiti kita sendiri  
Kita bebas untuk rujuk kepada Tuhan  
Kita bebas memilih cara hidup Sunnah Nabi  
Kalau bebas membuat apa sahaja  
Ertinya manusia yang telah hilang kemanusiaannya  
Nafsu telah bermaharajalela, syaitan telah menjadi kawan  
Apa akan jadi kepada dunia  
Kalau manusia berperangai syaitan dan haiwan  
By janjan on August 11, 2008 6:48 PM

Tun

Entahlah, saya tidak pernah menjadi ahli mana parti pun, tapi masa Tun berucap dalam perhimpunan UMNO dulu saya mesti mengadap tv tapi sekarang tidak lagi dan saya sudah tidak minat lagi untuk ambil tahu semua itu.

Tetapi saya mengundi tiap kali pilihanraya.  
By orbee007Author Profile Page on August 11, 2008 6:49 PM

Salam Tun & Keluarga,

UMNO sudah hancur. Kalau rakyat tidak lagi menghormati ketua yang memimpin, maka masalah anasir2 jahat dari dalam & disokong pula dari luar. Orang boleh dan sudah mual mencabar kempimpinan Melayu/Islam, Bar Council mula tunjuk belang, hindraf sebuah organisasi haram pun dibiarkan bermaharajalela membuat ugutan. DSAI dah beberapa kali mengacau untuk menubuhkan kerajaan baru. tarikhnya pun telah diberitahu. Sayang, Pak Lah masih membisu sahaja. Sedih, kerana ada ramai pemimpin2 UMNO masih memainkan lagu lama,"hanya UMNO sahaja dapat mempertahankan bangsa Melayu dan olih itu Melayu mesti sokong UMNO. Melayu terhutang budi kepada kerajaan pimpinan UMNO", seolah2 Malaysia hak UMNO bukan hak rakyat. Ini adalah sedikit acaman2 dari dalam. Banyak lagi akan menyusur kalau Pak Lah masih membisu.

Hilang Batu Putih, Pak Lah diam juga, Sekarang dengar2 Pulau Pisang juga akan menerima nasib yang sama. Tapi apa strategi Malaysia? Hapak pun tak dengar. Hanya berbincang di kedai kopi dan media dan mengharap kepada siapa saya pun tak tahu. Apa dah jadi. Pada 2011 kalau tak silap saya, perjanjian air pertama akan tamat. Soal air dengan Singapura ini kalau tak diselesaikan dengan bijaksana, Malaysia sekali lagi rugi dan mungkin akan dihukum olih "dunia". Sebab? PMnya baru2 ini telah menyatakan krisis dunia baru yang akan timbul ialah kerana air. Pak Lah tak dengar ke? AS pun mula campur tangan dan tunjuk kuasanya. Syed hamid cakap AS sebagai ketam nak ajar anaknya jalan lurus(Dia bukan paham peribahasa Melayu). AS tak kisah pun. Apa kita bolih buat? Nak mengadu kepada PBB? Apa mereka bolih buat? Bukan kita tak tahu siapa control PBB. Mereka nak hancurkan negara Islam dengan berbagai2 cara. Kita patut sudah paham tapi kita sahaja masih mengharap denagan Islam Hadarinya, AS akan menerima kita. Kesian Pak Rais Yatim, tekial2 nak menyelamatkan keadaan. Dah tu Pegawai2 Mission kita di luar negeri pun lemah, nampaknya masih tidur. Sebab masih tunggu "saya yang mengikut perintah" mentaliti ke?

Malaysia makmur & aman damai dulu adalah disebabkan credibility dan pengorbanan pemimpin2nya.

Jauh bezanya pemimpin2 sekarang. Sekarang harta dunia dan kuasa menjadi rebutan utk peribadi & keluarga. Tak boleh dipercayai lagi. DSAI pun tak boleh dipercayai. Maklumlah nak mas AS.

Hanya kepada Allah saja yang dapat kita meminta pertolongan dan perlindungan. semoga Allah dapat membuka hati Tun untuk membuat sesuatu dengan izinnya, semoga kita dapat bersatu atas pimpinan Tun untuk kita mempertahankan, bangsa, ugama & negara, Inshaallah. kita ketandusan pemimpin yang berkebolihan.

By Oumono on August 11, 2008 6:50 PM

Sampai bila bangkai gajah nak ditutup tudung saji..baunya da terlampau busuk..kenapa la orang-orang besar UMNO sanggup tahan bau bangkai busuk ni hanya semata-mata nak dapat ulat-ulat bangkai.

Teruskan perjuangan Tun.Tiupkan semangat patriotik kepada semua rakyat malaysia.

By acai on August 11, 2008 6:56 PM

Tun,

Saya dah hilang kepercayaan langsung dengan pemimpin UMNO (PRU-12 saya TAK MENGUNDI Langsung). Mereka terlalu EGO, BERLAGAK, TAMAK HALOBA dan hanya fikirkan diri mereka dan generasi mereka sahaja. Mereka memperbodoh-bodohkan rakyat. Berapa banyak duit yang mereka mahu himpulkan didunia ini. Ingatlah sikit hari akhirat.Ramai yang hidup menderita, cuba lihat Siri Bersama Mu, kalau saya lah saya, malu menjadi Menteri. Anak isteri, kaum kerabat kita kenyang tetapi masih ada rakyat yang merempat, kais pagi makan pagi.

Mereka kata kita tak boleh kikis minyak, nanti habis, kena ingat anak cucu kita, wah!!! bukan baiknya depa cakap, anak cucu saya tak akan merasa secara langsung hasil minyak tu sebab tak berpeluang jadi Menteri.Tapi sebenarnya nak simpan untuk anak cucu mereka. kalau habis minyak diperut bumi/dasar lautan maka kiamatlah dunia ini.Depa ingat kita tak tahu pasal Geologi ke? Janganlah perbodohkan rakyat dengan 'STUPID STATEMENT' kamu wahai Menteri-menteri.

Saya amat kagum dengan Tun, Tun ikhlas di dalam memperjuangkan nasib Rakyat.Semasa di Luar Negara dulu apabila sebut sahaja Malaysia, mereka terus sebut MAHATHIR, sekarang ni nak sebut nama Malaysia pun rasa .....Jadi Pengerusi OIC pun tak ada suara, harap duduk atas kerusi aje lah. Dasar Luar entah ke mana, macamana nak sentuh pasal Dasar Luar, dalam negeri pun Kelam Kabut. Kami susah sekarang!!!!!!!!!!!!!!

Semoga YBhg Tun dipanjangkan usia untuk terus berjasa kepada rakyat terbanyak.

Salam Penuh Hormat

Acai

By roshah007 on August 11, 2008 6:56 PM

Assalamualaikum ayahanda Tun dan rakan-rakan blogger

Semoga dirahmati Allah serta dilindungi Allah di samping keluarga tercinta.

Pada dasarnya rasuah ada di mana-mana. Sama ada kecil atau besar.

Yang sengaja atau tidak disengajakan. Yang jelas atau yang tidak jelas (kelabu asap. Namun, apabila ketua pemimpin negara yang melakukannya maka BPR tak lut (mungkin ada ilmu kebal atau ilmu halimunan). Tak apa kalau di dunia terselamat tapi di akhirat...tunggulah ya. Oleh itu kita sama-samalah berdoa agar yang nampak "Mr Clean" ditunjukkan "dirty"nya. Walaupun gunakan kuasa Biozip, Breeza, Detol, dan macam-macam ubat pencuci namun kalau dah banyak "dirty" terutama dicelah-celah tu... pasti tak boleh hilangnya. Kecuali dimusnahkan terus...macam mana ok tak idea ini?? Mungkin ayahanda Tun tahu cara yang paling mudah. Kami yang setia pada UMNO lama (parti turun-temurun datuk nenek dan ayah emak saya)akan sentiasa menyokong ayahanda Tun.

Satu lagi soalan yang memeningkan kepala saya yang bukannya terlalu kuat politik ini, iaitu dalam

barisan Kabinet sekarang ramai pemimpin yang kalah dalam pilihanraya telah dilantik jadi YB menteri penuh atau Timbalan Menteri. Sedangkan yang menang langsung tak dipilih, sedangkan majoriti rakyat telah mengundi kemenangan mereka. Di samping itu, ada juga muka-muka yang dah tak berapa pakai kerana latar belakang yang banyak kontrovesi dulu juga dilantik. Jadi ini rasuah politik juga ke?? Atau dah tak ada pemimpin yang layak "diicucuk hidung" oleh pemimpin kini...Macam-macam dunia politik ini ya. Siapa yang "dirty"? Politik? atau "Mr Clean"?

Walau bagaimanapun teruskan tulisanmu ayahanda Tun, tuliskan dengan kebenaran agar rakyat tahu siapa "clean" dan siapa "dirty"

Salam buat bonda Tun Dr Siti Hasmah I miss her...  
By azmiey on August 11, 2008 7:02 PM

Assalamualaikum.....

Ayahanda yang dikasehi,

It's really funny with this UMNO politics nowadays, whatever you have said, whatever ideas that you have formulated then, the term and condition that you have laid, even to the extent of putting the most stringent requirement of wanting to be nominated at precise level, yet all these are then been used against you.

Somehow seeing all this Ministers and the other members who are professionals in attire in the UMNO, they do not at all able too provide another new set of thinking that might overrule what had been place during your tenure. They are now using yours without the slightest embarrassment in safe-guarding their position and at the same time blaming and accusing you of making such set obligatory and no way out of it.

Those terms and condition are set accordingly at that point of time and it need be changed as times require it. It is not something of mandatory and permanent in nature. What are they actually, uncreative lots or are they not creative at all or they are merely followers in essence. Unfortunately they are so creative in pinning you down.

Ayahanda, I said this with melancholy, if at all that you had done are still been perceived as an advantage to your self-purpose be it in politics and economics they are just another blind heart creature who would not only cried for their self-destruction but also their children's children .

You have experienced what it is been colonized, most of us have never gone through such stage. And you have seen who these "peoples" that had invited this Aryan dictating our soul's yet again the same "peoples" only that now their status is more of common belonging but they are following the footsteps of this one time look upon as the "Mongol's" of the peoples.

Melancholy again I am, halfway seeing how you fought and struggle for the people's welfare in general and worst still in search of the real Malay's soul that really could uplift the Malay's mentality. Their souls are more prone to the demand and supply of materialism. Come what may, and disregard to anything else their souls is always about what I can actually have!

And Ayahanda yang dikasehi, please don't ever feel sorry to yourself just feel sorry to those who can't see with their mind's and soul's eyes.

Again I wish to quote from Pramoedya Ananta Toer novel – "ARUS BALIK"

"Bulan purnama begini. Semua indah. Hanya anjing-anjing pada menangis. Bulan itu takkan menanggapi mereka. Sejak dahulu pun tidak. Tapi bulan penuh, menua dan hilang. Bulan purnama sekarang, tapi bukan untuk kalian. Untuk kita. Kita sedang tenggelam."

"Kita belum pernah tenggelam, Rama," protes seorang gadis

ditengah-tengah hadirin.

“Kau belum pernah tenggelam, gadis. Kau pun belum pernah terbit. Kita-kita pernah terbit, dan sekarang sedang tenggelam. Lihat, sebagai bayi aku dilahirkan disini. Kalian semua belum lagi lahir. Hutan dan alang-alang masih berjabat-jabatan. Sawah belum ada. Hanya huma, gadis. Dulu desa ini dinamai Sumber Raja.....: Tiba-tiba suaranya terangkat naik, melengking.

“Kalian biarkan desa ini dihina oleh orang kota, dan kalian sendiri setuju dengan nama Awis Krambil.” Ia tertawa sengit.

“Bukan begitu Rama Guru,” bantah kepala desa gopoh-gapah dan menebarkan pandangan minta sokongan hadirin. “Nama itu diberikan sebagai ucapan ikut prihatin terhadap sulitnya kelapa disini. Lama-lama jadi sebutan resmi di Tuban. Kami hanya mengikuti, Rama.”

“Apa saja kalian kerjakan dalam tujuh tahun ini maka sebuah desa biasa kekurangan Kelapa?” orang tua itu tak menoleh pada kepala desa. “Apakah di mandala kalian sudah tak pernah diajarkan tentang kelapa dan tentang desa, bahawa kesejahteraan desa Nampak dari puncak-puncak pohon kelapanya?”

Para hadirin berhenti mengunyah sirih mendengar perselisihan sudah dimulai itu. “ Dengarkan kata-kata Rama Cluring ini,” orang tua itu meneruskan dengan tubuh tetap tidak bergerak dalam silanya. “Desa yang kekurangan kelapa...adalah kerana ada apa-apa kecuali kelapa didalam Kepala-kepala desanya. Ingat-ingat itu! Ada apa-apa kecuali kelapa”

“ Apakah apa-apa dalam kepalaku, Rama Guru?” Tanya kepala desa tersiksa.

“Bukankah kau tahu juga dari orangtuamu, desa ini dahulu mencukupi buat semua? Memang lain. Dahulu penduduk desa masih punya harga diri. Namanya tetap Sumber Raja sebagaimana diberikan oleh leluhur para pendiri. Sekarang, bukan karena kelapa itu tidak tumbuh, cipta kalian yang merosot sampai ke telapak kaki. Maka kelapa pun tak kunjung berbiak, tinggal hanya peninggalan nenek-moyang. “Nenek-moyang kalian tidak sebebak kalian sekarang”.

Mohon agar Allah S.W.T sentiasa memelihara kesihatan dan ketenangan  
AYAHANDA sekeluarga hendaknya.

Wassalam

Thank you.

By natta.chai4 on August 11, 2008 7:05 PM

assalamualaikum tun,

no disrespect meant,but the sistem was forged during tun's time.it worked then.now pak lah's benefiting and we the rakyat are suffering.i'm not blaming tun 100%.we all have our hiccups.you will alway be the champion of Malaysian in my book.

when will the rest of umno realise the mammoth mistake thats been made and rectify it.any man in the right state of mind can see it coming.a lay man can understand the scenerio..but our so called umno leaders of today,just seem to be blind,deaf or just stupid to the obvious.

bless kapt(b)dato zahar hashim for his courage.guess it's in his blood to defend the country,being an army officer and all.let's pray more and more true defenders of Malaysia appear.Malaysia really needs you'll now.

to those who are in power and ere capable to defend Malaysia,when is it enough?what amount is enough?when will you all realise?when Malaysia has withered and died?congratulation and i hope this years MERDEKA celebration brings true meaning to all of us.

MERDEKA

MERDEKA

MERDEKA

By JobsBroadway.comAuthor Profile Page on August 11, 2008 7:15 PM

Siapa RASUAH, kita hukum dia

Siapa TIPU, tuhan hukum dia  
Siapa cari kerja , tuhan bagi rezeki  
By MamatOversea on August 11, 2008 7:17 PM

Ass"lum Ayahnda Tun

RASUAH POLITIK UMNO ini telah lama berlaku semenjak dari zaman Pemimpin Ayahnda Tun lagi. Tetapi hanya dibuat berbagai-bagai cara ,salahsatunya seperti membuat lawatan percuma tanggung beres ke luar negara kepada orang-orang UMNO.

Sekarang ini Rasuah Politik UMNO ini lagi terbuka kerana melibatkan orang-orang yang berkuasa dan mempunyai jawatan didalam kerajaan. Ada kalanya mereka menggunakan jentera kerajaan untuk kepentingan kedudukan mereka.

Bila UMNO telah jatuh, orang-orang melayu mula masuk parti lain ingin dapat pembelaan nasib mereka pada masa hadapan nanti.

Lama-lama Parti UMNO jadi bahan sejarah dan menjadi mata pelajaran sejarah sekolah.

Begini lah nasib orang melayu..kuasa ekonomi tak ada, kuasa politik pun tak ada..lama2 hilang melayu didunia.

Allah selamatkan Kami...Orang-orang UMNO yang kerdil ini.  
By azlash on August 11, 2008 7:18 PM

Salam Tun

Hanya keluhan, rintihan, kekecewaan dan kerunsingan yang ada di fikiran rakyat.....we are helpless.  
Come what may....

Semuga kita semua di pelihara ALLAH.  
By nusams on August 11, 2008 7:19 PM

Assalamualaikum Tun,  
Saya dapat merasakan kemarahan dan kekecewaan Tun apabila membaca blog diatas. Ironinya, orang melayu sedang melaungkan ketuanan melayu. Sedarkah melayu bahawa ketuanan melayu sudah mula lenyap. Lenyapnya ketuanan melayu bukan dek tindak tanduk bangsa-bangsa lain. Ketuanan melayu hilang apabila melayu menggadai prinsip dan maruahnya. Orang melayu terkenal dengan nilai kemelayuan yang murni, sebab itu amat mudah bagi orang melayu dahulu memeluk Islam. Hari ini melayu akan musnah bukan sebab oleh bangsa asing tetapi disebabkan rasuah, pecah amanah, penyalahgunaan dadah, seks bebas, buang anak, murtad dan sebagainya. Oleh itu tiada gunanya orang melayu berdemonstrasi seperti di dalam kes forum menganut islam ditaja oleh majlis peguam. Mereka cuma menanggung di air keruh. Pergilah bersuara dan berkata yang benar kepada Pak Lah yang menjadi salah satu punca utama kejatuhan melayu. Kenapa PM berdiam diri dikala bangsa dan agama dihina?? Dan kita sendiri juga mesti dipersalahkan. Adakah murtadnya orang seperti Lina Joy salah anasir luar. Percayalah lemahnya keimanan berpunca dari diri sendiri. Lemahnya keimanan membawa kepada segala pintu kemusnahan, termasuk pemimpin tidak amanah.

Ya Allah Ya Rahman Ampunkanlah dosa kami, rahmatilah kami agar kembali ke siratulmustaqim dan kurniakanlah dikalangan kami pemimpin yang bertakwa.  
Ameen

Tun take care  
By Roy on August 11, 2008 7:22 PM

Tun,

Rata-rata orang Melayu dah tengok UMNO jadi irrelevant. Sedih sungguh kami. Baru tadi saya bercakap dengan seorang ahli tua UMNO. Kalau dulu dia kata darah yang mengalir di tubuh-nya adalah darah UMNO, hari ini dia menangis mengatakan pemimpin UMNO dah hancurkan UMNO. Rasa kasih kepada UMNO sudah hilang. Dulu dia bekerja kuat untuk UMNO (demi anak-cucu, katanya), sekarang dia cuma mampu mengucap, Pak Lah dah hancurkan UMNO. Sebak hati saya mendengarnya. Kalau orang tua yang sungguh sehati dengan UMNO dahulu, apa kan lagi generasi muda yang tidak sangat mengetahui jasa-jasa UMNO.

Saya rasa sekarang kita patut memikirkan bagaimanakah orang Melayu dapat berjuang tanpa UMNO. UMNO tidak lagi akan memerintah selepas pilihanraya akan datang. Biarlah pemimpin UMNO sekarang sibuk berpolitik. Orang Melayu memaki-hamun mereka pun, mereka buat tak tahu saja. Pemimpin UMNO sekarang adalah pengkhianat bangsa. Pak Lah adalah pengkhianat bangsa Melayu.  
By tokwanAuthor Profile Page on August 11, 2008 7:25 PM

tindakan berani oleh Kapt. (B) Zahar untuk menegur tak kira siapa yg melakukan kesilapan. tapi adakah ada tindakan susulan selepas ini dari pihak yg berwajib? senyap???

By RAJA MarzuqiAuthor Profile Page on August 11, 2008 7:28 PM

Bertindaklah sama-sama memperbaiki masyarakat atas dasar sebagai seorang muslim, yang diwajibkan oleh Allah, bukan atas dasar tugas kerja semata-mata, atau kalau tidak dibuat nanti, apa orang kata atau kerana mencari pengaruh, agar Allah akan membantunya.

By Pointman on August 11, 2008 7:30 PM

1) Saya rasa tidak patut di pinda perlembagaan Umno waktu itu. Sebaliknya parti patut ketatkan syarat politik wang dengan kuasa memecat atau membatalkan pencalonan jika terbau pun politik wang. Pencalonan minima 30% itu membawa risiko besar boleh disalahgunakan, seperti jelas sekarang.

2) UMNO selalu ada ramai orang yang betul berbakat bertanding, tetapi syarat ini menghalang ahli biasa dan bahagian mencalonkan orang seperti itu. Semua orang takut kena gam.

3) Di negara terkebelakang seperti Filipina pun pengundian dibuat secara automatik dengan menggunakan komputer. Kita harus gunakan cara moden ini. maka semua ahli boleh memilih presiden, dan bukan saja 2000 perwakilan bahagian.

4) Jika semua 3 juta ahli parti terlibat dalam memilih presiden, maka sangat susah untuk menyalahgunakan proses pemilihan parti.

5) Presiden UMNO menggunakan wang dan salahguna kuasa untuk mendapat pencalonan bagi diri sendiri dan menghalang pencalonan bagi orang lain. So what? Ahli UMNO dan orang Melayu keseluruhannya penakut dan pengecut. Mereka semua bacul. Seperti juga Dato Najib yg Tun sendiri sebut. Semuanya penakut. Orang yang penakut akhir sekali akan kerugian semuanya juga. Mereka penakut sebab takut duit akan hilang. Duit lebih penting daripada masa depan negara. Yang sedihnya UMNO telah mendidik ahlinya menjadi penakut.

By alongmeli on August 11, 2008 7:33 PM

Salam YABhg Tun,

Saya setuju sangat 'tawaran' Paklah pada Dato Najib tentang peralihan kuasa 2010 itu SATU RASUAH.

By nookvillage on August 11, 2008 7:34 PM

Tun,

It is quite common among people who rise to power in a simple way to introduce new "ethical

approaches" to make difficult for others to replace them.  
By tharieg.dhiyauddin on August 11, 2008 7:35 PM

Salam Tun,

Tun bertandinglah di PP... saya akan jadi ahli parti bebas...  
By Neil on August 11, 2008 7:37 PM

Tun, the gov't of today are just recycling you garbage.  
By shazrimAuthor Profile Page on August 11, 2008 7:40 PM

salam

saya menentang hingga ke akhir jikalau ada desakan supaya UiTM dibuka kepada kaum lain walaupun 10%. MB Selangor, tolong fikirkan kesan jangka panjang, kami tak nak nanti anak cucu kami sumpah kepimpinan sekarang kerana desakan dan keputusan yang hanya untuk mnyedapkan sesetengah pihak sahaja

Shazrim Sharif  
UiTM Kedah  
By fiq211 on August 11, 2008 7:45 PM

Tun yg dikasihi,

1. Masalah 'corrupt' berlaku sejak awal zaman lagi, cuma yg membezakannya adalah samada ianya melibatkan duit atau dalam bentuk kebendaan untuk mendapatkan sesuatu demi kepentingan individu yg terbabit.
2. Sekarang ini, keadaan jauh berubah dimana keadaan bertambah buruk malah pada zaman Tun lagi telah ada usaha di buat untuk menangani masalah ini. Ianya berlaku di mana2.
3. Sukar utk membendung masalah ini selagi tiada usaha yg betul2 sesuai bagi menyedarkan masyarakat selain dari apa yg dilakukan sekarang.
4. Sekiranya ada slot yang menyerupai kelas bimbingan/kaunseling di peringkat awal persekolahan [mungkin] lagi sehingga ke peringkat tertinggi pengajian untuk menyedarkan generasi sekarang akan kesan buruk 'corrupt' tersebut...[sekadar cadangan-mungkin ada yg setuju]

Salam hormat.

fiq  
By SYAMiLLiON on August 11, 2008 7:46 PM

ACA will not do anything...they only act with AAB order...  
By luqman on August 11, 2008 7:58 PM

Salam Tun,

Prior to this, I was in the opinion that you should not involve yourself with politics anymore. But lately, my heart and mind keep on praying that you could make a turnaround. Tun, we need a new party fighting for the same course... to make our country peaceful as we had enjoyed for the past 49 years. The problem that we have is who should be our leader. In this short span of time, the only one that I could think of is you Tun or your son Mukhriz. Maybe the problem that we are now facing is 'a blessing in disguise'. We now know how the system works and what is the loopside of it. We can make it better. Any Kedah MP who is pro Mahathir, please vacant your seat so Tun can come back. Tun, I also hope that someone could be an Independant Nominee for Permatang Pauh Parlimentary Election to enable people like us (who believe in neither UMNO nor PKR) to vote.

Tun, we need you back in the limelight.

Thank you Tun

By Pok LelahAuthor Profile Page on August 11, 2008 8:00 PM

Point (8)- Terimalah hakikat inilah permainan politik yg paling kotor dalam sejarah Msia. Ini bukan surat tapi agenda yang tersirat. Apakah motif disebalik warwar peralihan kuasa PakLah pada Jun 2010. Kenapa perlu diwarwarkan sehingga terpaksa menunggu selama 22 bulan lagi?.Peralihan kuasa adalah merugikan. Apakah Paklah tidak terfikir bebanan besar yg perlu ditempuhi bukan sahaja faktor curahan wang ringgit malah keseluruhan jentera perlu digerakkan. Budaya asad & fitnah juga perlu ditangani tetapi yg paling dasyat sekali rasuah politik secara terang2an @ bersembunyi. Kredibiliti PakLah sekarang dipertikaikan. Apa perlu PakLah tangani semua ini sekiranya tempoh tamat sudah ditetapkan. Kalo orang yg dah nak pencen setahun lagi mereka sudah tak terfikir apa2 lagi sebab tahap motivasi mereka sudah menjunam serta produktiviti pula sudah menurun. Kalo boleh mereka lebih suka diberhentikan sertamerta sebab itu ramai yg mengambil pilihan bersara awal.

Tidakkah PakLah menyedari terlalu banyak musang berbulu ayam & api dalam sekam dari peringkat bahagian hingga tertinggi. Apa perlu lagi PakLah memikirkan semua ini jika penggantinya sudah berupaya menggalas beban yg sediaada. Apa yg Paklah perlu dirisaukan kerana soal peribadi perlu diketepikan kerana matlamat sebenar pengganti adalah mencanai semula masadepan Msia yg kini tak keruan. Rakyat boleh menilai ke arah mana pengganti membawa haluan kerana lambat laun hasilnya akan terserlah samada jaya @ gagal.

Apakah matlamat politik PakLah belum lagi kesampaian?.Apa yg PakLah perlu cari lagi kalo bukan harta bertimbun ?.Apakah budaya cemerlang, gemilang & terbilang sudah sinonim di minda rakyat Msia atau cemar mencemar & tikam menikam sudah menjalar di mana2. Bila berdepan dengan situasi gawat.

Paklah tidak dapat memikirkan waras & implikasi malah apabila harga minyak dinaikkan Paklah dengan mudah melemparkan subsidi supaya rakyat tidak memberontak. Ini juga bole dikatakan rasuah politik kerana taktik ini digunapakai semasa proses pemilihan di peringkat bahagian sehingga pencalonan. PakLah sebenarnya sedang bersandiwara dengan bayang2nya. Janganlah seperti anjing yang mengejar bayang2nya akhirnya anjing kecundang kedalam kolam bersama bayang2nya.....Bukalah mata & telinga inilah isyarat rakyat. ....HIDUP TUN MAHATHIR

By jassfidey on August 11, 2008 8:00 PM

semua cawangan umno harus berani seperti UMNO Cawangan Sungai Buloh Country Resort yang mahu presiden umno segera lepas jawatan, ini adalah betul2 gesaan dari akar umbi, kalau berani lagi ambil tindakan bubar cawangan keluar umno seperti Tun & ramai lagi termasuk saya, ugut mereka kalau tak letak jawatan semasa persidangan agung umno(pau) bubar cawangan. mana2 ketua bahagian yang masih tak faham hasrat cawangan cantas saja.

kalu tiada perubahan selepas pau saya & ramai lagi minta Tun tubuh satu parti baru, kali ini buat parti melayu yang betul2 mahu membela orang melayu & rakyat yang mahukan keharmonian & kestabilan. kita sama2 kerjakan hindraf & bar pkr council mereka ini pengkhianat yang terang2 mahukan permusuhan dengan orang melayu & islam.

kalau masa Tun dulu takkan ada forum yang menghina islam & orang melayu, ambiga pun mungkin dah pencen awal.

kalau orang melayu tak sedar2 lagi tak tahu lah!!!!

By rakyatengah on August 11, 2008 8:08 PM

Assalamualaikum,

Tun & all,

Ini masalah dalaman UMNO yang mula membuka pekung didadanya, samada Tun atau kami disini dan saya, tidak sedikit dapat berbuat apa-apa. Sebab ia terlalu dalam. Hanya sekarang bergantung kepada ketelusan dan kesungguhan BPR atau badan disiplin UMNO untuk bertindak.

Namun menjadi persoalan adakah Tun cukup telus untuk mengatakan bilakah perkara seperti ini telah bermula. Kerana untuk mencari jalan penyelesaian secara keseluruhan dan tidak mahu ia berlaku kita

haris mencari puncanya, bagaimana ia berlaku. Ramai orang-orang dikampung telah biasa dengan kebiadaban BN terhadap undang-undang rasuah. Sampaikan ke hari ini, ada yang terbiasa hingga ada yang bertanya kepada bakal-bakal YB, "mana bahagian ambo YB"

Nilai-nilai kemana telah politik ini telah membawa kita. Sedalam mana sejauh mana.

Hanya pendapat.

By sekhkarimAuthor Profile Page on August 11, 2008 8:11 PM

Salam hormat buat TUN dan keluarga

Komen demi komen kita telah luahkan dengan harapan pihak tertinggi atau pak menteri kita meluangkan masa bagi menatap sejenak akan segala rintihan rakyat jelata. Apa yang dapat kita lihat setakat ini tiada perubahan berlaku dikalangan pak menteri kita yang kat atas singgahsana tu....Kelihatannya semakin rakus melahap wang rakyat dengan menggunakannya kearah kepentingan peribadi mereka(spt TUN jelaskan). Memang sungguh kita kesali dgn apa yang mereka lakukan. Tetapi apalah yang dapat kita lakukan.... bila BPR sendiri kelihatan nya takut mengambil tindakan. Sedang bila pak menteri komen jer....lekas lekas BPR cari maklumat untuk menyalahkan. Apa punya pemerintahan lah sekarang ini. Pemimpin tertinggi tidak mahu lagi mengambil kira semangat kenegaraan atau kebangsaan kita. Yang penting bagi mereka ialah poket, power dan kedudukan dapat dikekalkan agar agenda peribadi mereka berjalan dgn lancar. Soal agama?..... tak payah cakap!sebab mereka mereka ini tak akan mengira berapa banyak dosa atau pahla yang mereka dapat. Yang dikira dapat ialah kekuasaan dan kekayaan melimpah..... itu yang dikiranya sangat.

ANIAYA?

Pada mereka tak ada erti perkataan aniaya....., Gula gula ditaburkan, sipemakan juga tidak mengira dosa atau pahla, salah atau betul.... yang penting, keselesaan mereka yang dirasa kan betul. Inilah pemerintahan yang cermerlang, gemilang dan terbilang, Mereka juga sedar apa yang mereka lakukan terhadap rakyat jelata. Dan Rakyat jelata senantiasa memerhati mereka..... Namun kekuasaan, kekayaan, keselesaan mereka juga yang dia nampak dan ambil kira. Pemimpin yang akan datang ....? boleh jalan dah. Yang jelasa sekarang aku dah duduk kat atas. Siapa yang tak nak ambil peluang ? sedang mata mereka telah digabui dgna semua ini. Yang lain lain hal tuuuu!!!.....pergi jahanam.

Kesian diri kita, terbit barbagai rasa dihati, marah ada!... benci ada!.... Cuna yang boleh kat kita melihat dan berharap agar orang orang yang kat atas tuuu!!!! sedarlah. Hidup ini bagai roda. Hari ini kamu duduk kat atas..... tak tahu esok lusa kamu akan kebawah juga. Bila yang jengkel, yang jelik, yang bermacam macam lagi sudah tidak dapat dikawal lagi, dan rakyat pon sudah jelak dengan apa yang berlaku dan inginkan sesuatu yang baik dan baru..... maka masa itu ..... sudah terlambat merubahnya. Jangan jadi sampai macam 13mei sudahlah. Rakyat akan jadi bertambah susah..... yang kat atas tu akan susah juga.....

Hai manusia durjana! sedarlah kamu.... dimana kamu akan di tanya samaada semasa hidup atau sesudah kamu mati....., Bila bukti sudah didepan mata samaada hidup atau sudah mati.... kamu tidak akan dapat bercakap lagi,kebenaran itulah yang akan berkata kata nanti.  
"WAQUL JA ALHAQ QU, WAZAHAQAL BA TIL" maasudnya: "bila terbit kebenaran maka akan lenyaplah yang batil/yg salah".

Memerintah negara bukan macam memerintah keluarga. Semua kepentingan rakyat hendak dijaga. Maka kami semua melantik kamu berurusan dgnnya.Jika salah hendaklah diperbetulkan segera, Jika benar biarlah ia memberi menafaat. Jika untung biar semua rakyat merasa, jika aman biar semua rakyat selesa,

Dan ingatlah, jika yang salah berlarutan, akhirnya darah jugalah yg jadi lautan, jika tidak benar tak ambil kira, kelak kamu juga akan dilaknat sama, dikala untung tak terasa kelak kamu juga yang akan binasa, dan dikala tidak aman dalam negara, kamu juga tidak akan merasa selesa. Bila hancur harapan negara, hancurlah juga selogan yang popular.....,

Katanya nak hapuskan rasuah, tapi kat dia no1 ianya berbuah. Katanya >CERMERLANG> >GEMILANG> TERBILANG> yang dibawanya ilmu jembalang, dah tak sedar dah pecahnya tembelang, akan sampai juga nasib yang malang, masa tu paku dan buah keras akan dipulang, Akhirnya tak tahu mana satu, nak balik ker nak pulang. Jangan sampai macam SULTAN MAHMUD MANGKAT DIJULANG, sebab manusia sekarang ..... jahat nya bukan kepalang, kecik2 tak hormat pak long, pak ngah ker atau pak lang, Tengah berjalan kaki kita lalu disilang, inikan pula, jatuh tersungkur,,,, begitulah nasib nya malang.

Jadi?

Apalah daya kita sebagai manusia dan rakyat yang kecil kedudukannya..... siapalah kita? Yang boleh cuma melihat dan berdoa disamping memberi komen dan komen dan komen dan komen dan komen sahaja. Hasil nya ? Kesedihan juga yang kita dapati..... lebih jauh lagi meletakkan sebuah harapan agar kita semua terbela.

Kepada nya jualah kita hadapkan diri, agar segalanya dapat disadari, dapat juga kita tumpang tuah nya diri, dan akhir nya saya mengundurkan diri....

Salam selamat buat TUN dan semua keluarga chedet.com kita...

By akiko on August 11, 2008 8:14 PM

salam... TUN & KELUARGA agar dirahmati....

Biasanya... siapa yang cakap lebih tu... dia yang buat.. Sama dengan pak lah... cakap nak PERANG rasuah... sekarang apa dah jadi...????

Sekarang... anak2 & mereka yang lahir dari NEP... telah berusaha bersungguh2.... last2 mereka yang CLOSE je yang dapat CLOSE business.. Dah tak tau apa nak jadi kat MALAYSIA yang tercinta...

AKU DAH BOSAN.... BOSAN.....BOSAN.....

Bagi coklat kat najib.... najib sambut je.... macam budak2...

Tak de orang lain yang berani.... NAJIB... lawan la kalu berani...

sure menang punya... jadi... apa takut...?????

By ixora on August 11, 2008 8:22 PM

Salams Tun.

Di dalam Al Quran, Allah telah menyatakan bahawa Ia akan memusnahkan bangsa yang telah melupakan ajarannya. Kita dah nampak bahawa yang mempunyai jawatan di dalam UMNO tidak berani bertindak kerana menjaga periuk masing-masing. Perbuatan yang salah iaitu rasuah dianggap sebagai satu perkara biasa, they worship money and Pak Lah instead of Allah..thus sedikit demi sedikit bangsa Melayu akan terhapus di Tanah Melayu. Saya tak faham kenapa masjid-masjid atau surau-sarau tidak mengadakan sembahyang hajat meminta Allah menghapuskan pemimpin-pemimpin ini. Right now only Allah can help us. If we wish for good things, I am very sure Allah will help us.

By sam on August 11, 2008 8:24 PM

Salam Tun,

11. Jika semuanya sudah selesai, parti alternatif bolehlah dibubarkan dan yang kekal hanyalah UMNO.

12. Jika Tun hendak mengundurkan diri pastikan pengganti adalah yang betul-betul berwibawa bukannya yang senang terjerumus didalam rasuah mahupun wang ataupun politik.

By Patek1472 Author Profile Page on August 11, 2008 11:35 PM

Q9. Corruption is a fact of life and should be tolerated. (Fact or Fiction)  
Korupsi adalah fakta kehidupan dan perlu toleransi. (Fakta atau Rekaan)

Q22. Only Barisan Nasional (BN) can govern Malaysia. (Fact or Fiction)  
Cuma Barisan Nasional (BN) boleh mentadbir/memerintah Malaysia. (Fakta atau Rekaan)

Q23. Only UMNO can take care of Malaysian Malay's and other Bumiputeras interest. (Fact or Fiction)  
Cuma UMNO boleh menjaga kepentingan rakyat Melayu Malaysia dan lain-lain Bumiputera. (Fakta atau Rekaan)

Q40. Only Barisan Nasional can preserve the Constitutional Monarchy. True or False).  
Cuma Barisan Nasional boleh mempertahankan KeSultanan dan Raja berperlembagaan. (Betul atau Salah)

Q49. Race and Religious supremacy are preached by satans. (True or False)  
Ketuanan bangsa dan ugama adalah dikutbah oleh syaitan. (Betul atau Salah)

Q50. Malaysian politicians are typical Jeyklls and Hydes. (True or False)  
Ahli politik Malaysia melambangkan personality Jeyklls dan Hydes. (Betul atau Salah)

Answers at <http://patek1472.wordpress.com>  
Jawapan di <http://patek1472.wordpress.com>  
By kedah youngster on August 11, 2008 11:36 PM

Salam Sejahtera Tun,

Inilah punca atau penyebab utama negara kita haru biru sekarang. Ianya bermula dari kelemahan pimpinan UMNO yang menyebabkan parti keramat ini tidak berpengaruh dan tidak relevan lagi.

Saya begitu sedih melihat nasib UMNO sekarang. Pemimpin-pemimpin atasan hanya pandai menjaga kedudukan sendiri masing-masing. Mereka tidak hiraukan lagi nasib ahli-ahli yang sebenarnya lebih bersemangat kemelayuan dari mereka. Lama-kelamaan, di dalam UMNO tiada lagi melahirkan pemimpin-pemimpin yang betul-betul berjuang untuk Agama, Bangsa & Negara.

Wahai Paklah,

- 1) Sedarlah diri kamu bahawa rakyat sudah tidak suka kamu lagi. Majoriti ahli UMNO sekarang sudah tidak suka kamu lagi. Sedarlah bahawa, ahli-ahli yang menyokong kamu hanyalah mereka yang pentingkan diri sendiri sahaja.
- 2) Tidak malu kah kamu, bahawa sekarang sudah banyak cawangan UMNO yang berani membuat usul mendesak kamu letak jawatan? Sebelum ini, belum pernah dalam sejarah ada cawangan yang berani membuat usul kepada presiden.
- 3) Tidak malu kah kamu, melihat parti PAS sudah membuka kelab penyokong PAS kepada bangsa cina & india? Ini menunjukkan bukan hanya melayu, malah bangsa-bangsa lain pun sudah tidak suka dengan kamu.

Wahai Ayahanda Tun,

1) InsyaAllah kami akan pastikan Tun kembali menjadi ahli UMNO Disember ini kerana Paklah bukan lagi Presiden UMNO. Kami di dalam UMNO masih perlukan khidmat nasihat Tun.

2) InsyaAllah kami juga akan pastikan Dato' Mukhriz sebagai ketua pemuda UMNO.

By dakjam on August 11, 2008 11:48 PM

Assalamualaikum....

a. bila nak pemilihan, kita dapat lihat ramai yang datang mesyuarat. Mereka beriya-iyanya nak bertanding untuk menjadi perwakilan ke bahagian, kenapa? Jawapannya, lu pikirlah sendiri...!

b. Apabila pemilihan UMNO ini, ramai yang nak bertanding jawatan. Sedangkan jika mereka ukur baju ikut badan sendiri, mereka tahu jawatan yang nak ditandingi itu tak setara pun dengan kelayakan akademik masing-masing. Tapi ini yang berlaku, kan?. Jadi tak hairanlah mereka tak tahu hendak letakkan kuasa bangsa Melayu dan kuasa agama Islam di tempatnya.... Tengok sahaja apabila selesai mengundi, ramai keluar berborak dan merokok sedangkan agenda yang penting, iaitu membahaskan usul dibiarkan sahaja. Sepatutnya, pada agenda membahaskan cadangan usul digunakan untuk membentangkan cadangan dasar-dasar untuk bangsa, agama dan negara. Kau baca Jadinya... konon slogannya nak jadi pejuang bangsa, agama dan negara. Akhirnya, jadi petualang besar pada bangsa, agama dan negara pula.

c. Mereka yang sibuk nak bertanding kena ingat dan tahu, ramai penjawat awam kumpulan A tak boleh aktif dalam politik tapi mereka memerhati dan menganalisis. Jadi.... pilihanraya suara mereka diperlihatkan. Baik jaga-jaga bang. Dulu suruh sekolah malas bebeno. Ni nak jadi pemimpin pulak. Ada ke logik, SRP pun fail nak suruh ajar orang yang lulus STPM, Diploma dan Ijazah. Sifir sekolah pun salah baca, ni dio orang nak baca sifir salah lagi... nampak sangat tak tahu lepas ini ada pilihanraya.

heeeee geli hati!, kata arwah Tompel

By IQIN on August 11, 2008 11:50 PM

Salam tun,

Saya tak minat politik. But I like to read your writing. Its easy to understand and really make sense. Tun can explain a very complex things in a very simple way. I would like to know your opinion about "kemahiran insaniah" or what we called as generic skills or soft skills. This is what people around us talk nowadays. TQ Tun

By asoka on August 11, 2008 11:55 PM

Dear TUN

Wishes and wish your best of Health.

Why only now Tun Realise that Corruption is high , heavy and serious in this country. ????? . You not going to win this battle against those who are corrupted. They are not Hard Disk that can be reformat again. They are human , money suckers.

Let me point to you, Rules can be amended but Vision and Policy is set to follow. YOUR VISION 2020 IS amended to 2050. Cant you see that TUN lost the grip here. When your vision was amended , why all those who were with you in the previous cabinet never object to keep your 2020. Where are your loyal UMNO Ministers,

Why they fail to object, To start the Vision 2020, the government ( at your time) must have spent alot of cash to promote this Vision, so now again money will be spent for Vision 2050. Then suppose if another person comes, he will set 2080 for his wish. PLEASE DONT FORGET GOD IS WATCHING EVERY ACTION. This happens because of your ' MALAYSIA BOLEH" theme . ANYTHING is possible in Malaysia.

Please TUN rather than writing in this blog, please spent your time in reality with the people who want to see a change in this country .Your blog will soon create hatred among Malaysians. I can see that because there are some sensitive issues allowed to be posted which is seriously not healthy in this multi racial country.

Dont create any drama in this country .  
By joehoneyAuthor Profile Page on August 11, 2008 11:58 PM

Salam buat Tun serta Keluarga,

Pagi 11hb, cari Tun kat mmu cyber jaya, tapi Tun tak datang. Tun Dr Siti Hasmah aja. Nak salam tak dapat. Tapi kira ok la.

Hidup Tun!  
By artmart on August 12, 2008 12:03 AM

Tun,

Now i don't blame PakLah & Najib alone. I believe they know your concern but all of them remain silent sebab takut hilang jawatan, kontrak, permit, lesen &.... They don't really go to the ground and try to find the real reason. Semua dok syok sendiri. Kalau buat PRU skrg BN akan kalah teruk dan masa itu nasi sudah menjadi bubur.

Sebagai seorang pejuang sanggupkah Tun melihat melayu terus terpinggir di bumi sendiri. Bertindaklah Tun... Hanya Tun sajalah yang kami harapkan untuk menyelamatkan bangsa. Anwar juga pejuang tapi perjuangannya sudah mula kabur kerana terlalu berkompromi demi meraih sokongan pelbagai kaum sehingga mengorbankan hak keistimewaan orang melayu.

Sekarang ni orang bukan melayu tidak lagi pedulikan kontrak sosial. Mereka berani mencabar hak keistimewaan orang melayu, hak agama islam, institusi raja dan macam-macam lagi. Punca bukannya dasar kerajaan tapi kelemahan kepimpinan.

Kami sendiri org melayu dah menyampah dengan pucuk pimpinan UMNO dan Ahli MT...  
By mydd on August 12, 2008 12:06 AM

dear tun yang amat disanjung,  
saya dilahirkan dan dibesarkan dizaman tun memerintah,dan saya amat berterima kasih kerana menjadi perdana menteri yang tiada tandingannya,saya amat kesal dengan sikap pemimpin umno sekarang yang seperti kacang lupakan kulit,bagi saya bukan senang mencari pemimpin yang dapat menandingi kebijaksanaan tun yang dapat menjaga umno dan menjadikan umno parti keramat bagi orang melayu,tun juga berjaya menyatukan rakyat malaysia berbilang kaum,ini lah dinamakan pemimpin yang berjaya..walau apa pun saya dan rakyat malaysia akan sentiasa menyokong tun dari belakang.....HIDUP TUN DR.MAHATHIR,SEMOGA DIPANJANGKAN UMUR TUN,AMIN  
By Sekebung Bunga on August 12, 2008 12:07 AM

Salam buat Tun,

Sedih bila melihat perkembangan politik negara kita kini...caca-merba. Senario politik negara kita sekarang menjadi bahan gurauan dan ejekan negara-negara lain terutama sekali negara jiran. Malu...malu...sungguh malu.

Yang pelik bin ajaib, mengapa Pak Lah masih mahu mempertahankan jawatan Presiden parti sedangkan dia tahu yang rakyat sudah lama menolaknya.

Rakyat kini sudah bijak menilai yang mana intan...yang mana kaca. Yang mana pemimpin yang bekerja...yang mana pula pemimpin yang dicucuk hidung.

Pak Lah sedar yang dia tidak berkemampuan menjadi pemimpin yang baik jauh sekali digelar negarawan tetapi disebabkan sikap bodoh sombongnya, di samping mempunyai agenda-agenda yang lain diteruskan juga walaupun dia tahu air mukanya kini sudah jatuh. Adalah lebih afdhal sekiranya Pak Lah mengundur diri secara hormat daripada siang malam berhadapan dengan tohmahan rakyat yang semakin membencinya.

Pak Lah tahu kelemahan orang-orang Melayu. Bodek sikit...bagi duit sikit semuanya beres. Kebencian rakyat mengikut konsep Pak Lah dapat dibeli dengan wang ringgit, kain pelekat dan juga sejadah. Tapi Pak Lah mungkin lupa yang salah satu agenda utama ketika mula-mula menjadi PM adalah membanteras rasuah. Adakah pemimpin sebegini layak memimpin kita...PEMIMPIN CAKAP TAK SERUPA BIKIN. Tapi benar juga kata pepatah Melayu, RAMBUT SAMA HITAM, HATI LAIN-LAIN.

"Apabila sesuatu bangsa menghina dirinya, ketika itulah bangsa lain turut menghinaanya."

-Meng Tze (300SM)

"Mabuk kekuasaan dan mabuk kemegahan kadang-kadang harus diakui menjadi sebab timbulnya hal-hal yang tidak diingini."

- Politikus

Semoga Tun dan keluarga dirahmati Allah.  
By AloQStaQAuthor Profile Page on August 12, 2008 12:11 AM

Assalamualaikum Ayahanda & Bonda : TUN BERDUA,

Semoga Ayahanda dan Bonda senantiasa sihat dan ceria.

Gejala rasuah dalam parti UMNO kini jelas kelihatan sudah pasti tidak dapat dibendung kerana pucuk pimpinan yang lemah dan takut menghadapi kenyataan menjunamnya kepopularitan diri ... justeru, dia sendiri terpaksa menggunakan skil yang ada pada dirinya dan anak pinaknya (baca: menantu), melanggar etika parti yang dipimpin - dengan menggunakan saluran durjana (baca : RASUAH yang terkutuk!) ...

Rasuah boleh menghancurkan sebuah dinasti! ... Adakah tahun 2008 adalah tahun terakhir UMNO sebagai parti pemerintah sejak zaman Merdeka dulu? Jawapannya : MUNGKIN YA! Kerana UMNO dihancurkan dari luar serta dalam parti sendiri ...

Pembangkang saban hari menimbulkan isu-isu membakar semangat rakyat bencikan UMNO/BN ... dalam masa yang sama, kepimpinan dalam UMNO sendiri kini tampak dengan begitu jelas dan nyata menghancurkan (dari dalam) sebuah parti keramat bangsa Melayu ini dengan menaburkan wang sebanyak-banyaknya sebagai umpan membeli pengaruh diri. Langsung tanpa memikirkan kebinasaan parti!

Luar dan dalam sama-sama bekerjasama melingkupkan parti ini. Sungguh durjana mereka-mereka ini!

Pelik sungguh apabila kepimpinan sendiri menyalahgunakan kuasa untuk mendapatkan kembali populariti (seperti yang beliau kecapi tahun PRU11 - 2004 dulu), di mana pengaruh dan kepopularitiannya itu (2004) telah memadam seketika kehebatan 22 tahun PM terdahulu! ... Riak dan angkuhnya waktu itu, hanya Allah yang tahu, dan rakyat sahaja dapat menilainya ... Pengaruh yang dikecapinya, seakan-akan tiada tolok bandingan dan itu menyebabkan PM 2004 - 2008 sudah lupa diri ... hanyut.

Popularitinya sah! merosot amat teruk sekali ...

Populariti ala-ala 2004, tidak kembali dengan mudah jika dirinya sudah terpalit pelbagai kelemahan terutamanya kekalahan teruk PRU12 - 2008. Jadi, apa yang terlintas di benak dan kepala lututnya serta menantunya adalah : populariti harus dibeli! pengaruh harus diperdagangkan! ...

Jadi, pemilihan 2008 UMNO menyerlahkan "perdagangan" maruah parti ! UMNO kelihatan amat jelik dan songsang apabila 'kerusi teratas' telah memperdagangkan parti! ... Serangan peluru-peluru berasaskan matawang RM di peringkat Bahagian mula dirasai. Terjahan demi terjahan peluru ini mengakibatkan mata-hati menjadi buta lalu menerima dengan hati yang terbuka "KAMI SOKONG TANPA BERBELAH BAHAGI" ... "TITAH TUANKU ( Tuan Presiden) PATEK (Ahli-Ahli Bahagian) JUNJUNG" ...

Selama ini UMNO unggul. UMNO dihormati dan disanjung oleh rakan-rakan komponen. Kini, bukan rakan-rakan komponen sahaja yang kurang rasa hormat, ahli-ahli UMNO sendiri pun dah mula rasa meluat.

Kepimpinan harus ditukar. SEGERA! ... Bukan Jun 2010 yang rakyat/ahli UMNO dambakan perubahan kepimpinan, tetapi SEKARANG adalah masanya, segalanya patut berubah. Berubah demi kebaikan dan pemulihan dalaman parti. Supaya UMNO dan ahlinya mempunyai masa yang cukup untuk kembali bertenaga menentang terjahan dari luar parti ... Rasuah akan terhenti, jika perubahan dilakukan dengan ikhlas oleh pucuk pimpinan. Jangan tunggu sampai UMNO hancur dan tidak dapat dicantumkan kembali ikatannya.

AloQStaQ

<http://AloQStaQblog.blogspot.com>

-SAYA SAYANG TUN BERDUA-  
By Semabok on August 12, 2008 12:12 AM

Pak Lah, i know you are reading this.

And also YOU!!! Yes! is you!!! Menteri Menteri, Dato Seri Dato Seri. Hey, what can YOU do with all these useless title that sounds so stupid? YES, shame on you to have this title and you know nothing about running a country.

Look at any other countries, they dont need any title but they are looking at us as third world country with third world leaders with boring batik and three wives.

GIVE ME A BREAK!

Tun, we need to study mathematics and science in english to clone you.  
By kancil putih on August 12, 2008 12:21 AM

Assalamualaikum Tun,

Saya pun merasa sangat sedih dengan apa yang berlaku di tanahair kita sekarang ni. saya lihat pak lah semakin bermaharajalela dengan kroni-kroninya. Najib pulak dah termakan sogokan pak lah, dah macam lembu ditarik hidung. Muhyidin pulak yang nampak dulunya gah, kini pun dah menyerah dek takutnya risiko kalah. Yang nampak betul-betul bersemangat hanyalah ku li. Pempimpin-pemimpin umno, semuanya penakut dan gila kuasa. Sebab nak kedudukan, semuanya sanggup digadaikan, walhal maruah dirinya sekalipun.

PERINGATAN BUAT PAK LAH!!! Ingatlah kau tidak akan sentiasa di atas. Setiap hari rakyat Malaysia mengutuk kau. rakyat tak lagi berdoa untuk kesejahteraan kau. Tidakkah kau perasan bahawa setiap

perancangan kau tidak menjadi oleh kerana tiadanya berkah dari Allah? Kau seorang yang berilmu agama tinggi, cucu seorang ulama. Tidakkah kau sedar azab yang lebih berat menanti kerana ilmu agama yang kau ada tidak kau amalkan? Adalah lebih mulia seorang kafir yang melakukan dosa kerana jahil dalam hal agama berbanding kau yang sudah tahu sesuatu itu salah di sisi agama tetapi kau tetap melakukannya.

Maaf tun kalau bahasa saya agak keras di atas ini. Saya tahu blog Tun sentiasa dipantau oleh konco-konco pak lah. Biarlah mereka baca.

Saya ada satu cadangan dan jika tun bersetuju, ianya boleh dilaksanakan. Apa kata kalau tun kumpul semua pemimpin-pemimpin umno yang menentang pak lah untuk bersatu menjadi suatu pasukan. Tidak kiralah jika pemimpin tersebut pernah melawan tun satu ketika dulu. Selepas itu, tetapkan siapa yang akan bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden sewaktu pemilihan agung nanti. Hal ini agar hanya terdapat satu calon sahaja yang menentang pak lah dan satu calon yang menentang najib agar nanti undi tidak pecah. Pemimpin-pemimpin yang menentang pak lah ini pasti ada pengikut-pengikutnya dan jadikanlah mereka jentera untuk berkempen demi meraih sokongan untuk pemilihan agung umno nanti. Tun juga boleh ikut berkempen memandangkan pengaruh tun masih sangat kuat di kalangan orang melayu.

Ada pepatah mengatakan bahawa, 'sebatang lidi amat mudah dipatahkan, tetapi jika lidi-lidi ini telah bergabung menjadi seikat, sangat sulit mematahkannya'. Sesungguhnya apabila seseorang pemimpin umno menentang pak lah, serangan tersebut sangat mudah dipatahkan oleh pak lah. Tetapi jika mereka bersatu, belum tentu pak lah boleh menang. Sekarang bukanlah masanya untuk kita melihat perbezaan pendapat kita atau perbalahan yang telah berlalu bertahun lamanya. Sekarang adalah masa untuk kita bersatu, demi kesejahteraan agama, bangsa dan tanahair kita yang tercinta ini!!

Mungkin cadangan saya masih sangat jauh dari sempurna, tetapi saya harap tun dapat mempertimbangkannya. Mungkin itu sahaja buat masa ini. Saya doakan tun sekeluarga diberkati dan dirahmati oleh Allah Yang Maha Esa.

~ La Motion C'Est La Vie ~

Wassalam...

By Din Investor on August 12, 2008 12:22 AM

Salam Tun,

Abdullah who has become very old with his inability to act and think should better retire gracefully and go for honeymoon with his newly wed wife and Malaysians will be more than happy to pray for them to have a child rather than for him to led this country which has been the result of blood and tears of previos leaders and ordinary Malaysians as well.

What for administering the country if that needs to be done with the support of bribe, those who are doing this will be condemned by future generation for destroying this country.

What is the value of RM50 or RM100 if this would result the country to break up and being slowly empowered by imperialist who are at bay wathching closely for the right moment to come in and seize the nations wealth by legal means?,eg. loss of Batu Putih is one, no surpise if others are also lost later.

What is the need to have coffer full with wealth, that won't come along to our grave,prayers of people and the future generation will be the one of used in grave not their curse.

Abdullah surely won't submit, the people in the UMNO must have some sense of integrity to work for the good of the nation without expecting any reward and topple Abdullah before he topples UMNO.

By rams609 on August 12, 2008 12:23 AM

Dear Tun,

"11) Sebab itu surat daripada Kapt. (B) Dato Zahar Hashim, Ketua Bahagian Umno Petaling Jaya Selatan

yang jelas mendakwa Dato Seri Abdullah melakukan "rasuah politik yang besar" amatlah berani dan luarbiasa. Didalamnya diceritakan bagaimana Dato Seri Abdullah berkempen untuk dirinya dan menyogok wang dan kain pelikat kepada pemimpin cawangan yang dibawa khas ke KL. Wang yang diguna adalah wang kerajaan iaitu peruntukan untuk JASA (Bahagian Khas) Kementerian Penerangan."

a) I salute Kapt. Dato Zahar for voicing out just as per his past training in the armed forces. A true pejuang!

b) Wang Kementerian Penerangan? Patut ler si Shaberry Cheek semangat sangat nak membela Perdana Menteri DIA tuh sampai berbuih-buih mulutnya. Bila nak resign Shaberry?

c) Tun, your successor is really a jumbo dumbo, pardon my French Sir. He raised the petrol price the other day only to give out all sort of subsidies for bikers, motorists, bus operators, taxi operators, farmers, fishermen, this and that. All in all, the amount probably is bigger than the original petrol subsidy. This, included his bribes to Terengganu, Sabah and so forth. What kind of no brainer advisors does that fella has Tun? Ini termasuk Shahrir yang dah tak boleh diharapkan lagi...

Take care Tun. Salam.

By aveous\_79 on August 12, 2008 12:26 AM

Assalamualaikum TUN,

Saya ingin MENCABAR TUN yang dikasihi untuk membuktikan bahawa TUN sayang pada AGAMA, BANGSA dan NEGARA dengan menubuhkan parti baru. Itu saja caranya TUN. Tolonglah kami semua. Saya tau TUN dah penat selama ni untuk memajukan MALAYSIA. Tapi tolonglah untuk kali ini.

Memang TUN telah menyatakan yang TUN tak akan kembali aktif. Tapi lupakan ini semua. Pilih Pembangkang Islam tergadai, Pilih BN hidup merempat... TIDAK Mengundi kami akan MATI. Apa pilihan yang kami ada sekarang TUN.

Kalau TUN ada belas ehsan, TUN fikirkanlah kata-kata saya ini.

Tolonglah TUN...

By dee54 on August 12, 2008 12:28 AM

salam TUN,

Saya sokong padangan TUN, Seseorang yang terlibat dengan politik wang (rasuah) mempunyai agenda yang tersendiri untuk kepentingan peribadi, pengaruh dan penyokong. Satelah mencapai matalamat mereka terutama sekali untuk memdapat kekayaan diri dengan cara mudah.

By abu sayab on August 12, 2008 12:32 AM

Malays at a crossroad?

Pilih Anwar - Jews agent

Pilih Pak Lah - Sleeping

Pilih Najib - Altantuya

Pilih Muhyiddin - He play safe

Pilih ku Li - Too old

.... tapi all the above pun rasuah.

Pilih \_\_\_ ??? MR. I DUNNO

By truthseeker on August 12, 2008 12:34 AM

Salam kepada YAB Tun dan rakan2 bloggers,

1. Tun marah dan kecewa kerana sistem yang diwujudkan untuk memastikan rasuah sukar berlaku (kerana melibatkan banyak bahagian) dan menghalang mereka yang tidak serius daripada bertanding telah digunakan dollah untuk menguatkan kedudukannya.
2. Dollah guna kelebihan sistem ini dan suku sakatnya menuduh Tun sebagai punca sistem ini wujud..kalau tidak bagus, kenapa tidak bersuara untuk tukarkannya? kerana takut hilang kuasa dan harta, itu saja.
3. Tun membuat sistem ini kerana yakin PM yang mengganti beliau juga bersemangat untuk tujuan seperti di para 1 atas, malangnya, dollah nampak peluang menjadi presiden umno lebih lama dengan salahguna sistem ini. Tun buat untuk memastikan UMNO mantap dan relevan. Tapi PRU12 sudah jelas UMNO mejadi sampah...dan akan terus menjadi sampah dengan rasuah yang berleluasa.
4. Buat pertama kali katanya rasuah berleluasa di peringkat cawangan lagi. kalau dulu katanya peringkat bahagian dan MT. ini bererti rasuah sudah menular dengan pantas dan meluas. Sebabnya? presiden UMNO menjadi model nombor satu!
5. Sungguh biadap menggunakan wang kerajaan, wang rakyat untuk meraih undi menjadi presiden. Dollah memang dari dulu nampak hapraknya. Masa down dulu, si Dollah sanggup ke parking lot berjumpa ahli UMNO untuk meraih undi. Agaknya itu sebabnya kera jantan, suku-sakatnya diberi restu membuat duit banyak, agaknya untuk menghujani wang kepada ahli2 di semua peringkat. Ahli2 yang tidak bermaruah jual harga diri untuk sehelai kain pekat dan beberapa ratus RM...anda dapat habuan yang tidak seberapa, tetapi menjual UMNO sebagai pelacur murahan!
6. Sudah jelas apa2 yang berlaku sekarang, termasuklah majlis peguam yang kurang ajar, golongan yang mendesak tentang keistemewaan melayu/Islam ada kaitan dengan UMNO yang tidak ada kekuatan...UMNO tidak ada gigi. Pemimpin UMNO tidak bermaruah...anda sudah kaya raya,kami tidak boleh buat apa2, tetapi sekarang bangunlah dan pertahankan maruah melayu dan agama Islam! Awak semua dan Dollah berdosa kepada tuhan dan rakyat yang ditindas.
7. Dollah dan AJK Disiplinnya menjadi hipokrit apabila menghalang ahli berkempen, menghadiri kenduri, tahlil, dll, seolah2 jujur tidak mahu rasuah politik. Tetapi seperti saya kata dahulu, si Dollah ada sakit mental...kata lain, buat lain, supaya kita tidak mengesyaki niat beliau. Untuk mengelak dituduh, Dollah cepat2 tunjuk jari kepada orang lain...sakit jiwa ni. Guna wang rakyat pula untuk merasuah ahli UMNO.
8. Jika Tun pernah buat kerja kotor seperti Dollah, saya yakin Tun tidak akan bawa isu ini dalam blog ini. Tun sudah terlalu marah kerana dollah dan suku-sakatnya sedang menghancurkan UMNO. Tidak cukup kah signal oleh orang ramai yang dilihat dalam PRU12? Lagi Dollah tambah kehinaan UMNO.
9. Sedar atau tidak, terdapat pihak2 yang menunjukkan polis sebagai tidak cekap, tidak amanah, rasuah, salahguna kuasa dll..sebenarnya golongan ini sedang menunjukkan bahawa polis tidak bagus, orang melayu ramai menjadi polis, maka orang melayulah yang tidak bagus, orang melayu tidak amanah, rasuah dll. Begitu juga dengan pegawai kerajaan tidak bagus, orang melayu yang ramai menjadi pegawai kerajaan, maka bangsa melayu memang tidak bagus. Saya sakit hati bila melihat keadaan ini, kerana bangsa lain juga corrupted, tetapi tidak ditonjolkan. Tetapi, sekarang terang-terangan parti UMNO melakukan perkara hina, tidak perlu bangsa lain kutuk kita, bangsa melayu sendiri yang menghina bangsanya sendiri( orang UMNO yang menghina Melayu kerana perbuatan terkutuk rasuah, dipimpin oleh Dollah). Ini yang saya geram dan Tun juga sakit hati!
10. susah payah Tun naikkan nama Melayu, agama Islam, begitu mudah Dollah dan suku-sakatnya

menjatuhkan maruah kita. Hanya kerana mahu kuasa yang mereka tidak layak. Ayuh kawan2, please do something in ur capacities! Whatever happens, Dollah and his goons, stupid advisors must be kicked out!

11. 'Ya Allah ya tuhanku, lindungilah UMNO daripada tangan2 yang akan mempergunakan UMNO untuk menghancurkan agama Islam, orang Melayu dan kaum2 lain di Malaysia. Ya Allah, lindungilah anak cucu kami daripada penghinaan ke atas agama dan bangsa kami..sedarkanlah semua pihak yang mempunyai suara untuk memertabatkan semula UMNO sebagai parti yang perjuangankan agama dan bangsa melayu, amin.'

Terima kasih Tun kerana meluahkan semuanya di sini untuk kami fahami. Kami dapat rasakan perasaan marah dan kecewa Tun kerana Tun genuinely percaya agama Islam dan sayang bangsa melayu.  
By senjakaAuthor Profile Page on August 12, 2008 12:40 AM

Assalamua'laikum Tun dan Keluarga.

Rasuah Politik

Telah pun di perkatakan dalam blog saya. Malah umpama mencurah air didaun keladi.

Yang menghairankan dalam Malaysiakini terbitan Bernama, Naib Pengerusi Umno boleh membuat kenyataan "membeli undi berleluasa dalam Umno."

Kenyataan ini pula ditambah lagi dengan tuntutan RM218 juta berhubung peralatan BN dan the great presiden "tai-chi" pada BN. Siapa pengerusi BN pula? Cuba Tun bayangkan pemimpin Umno sekarang. Bagaimana nak menang Permatang Pauh. Pilihanraya kecil dekat sangat benda yang bersifat negatif disiarkan ini mempekukuhkan lagi tanggapan rakyat yang Umno itu RASUAH. Anwar Ibrahim lagi lebarlah senyuman dia.

Apapun terjadi pada Umno,ia tidak merisaukan saya kerana saya serupa Tun juga bukan ahlinya malah lebih teruk lagi tak diterima semasa ingin memohon sedangkan ketika itu kempen menambah keahlian dilancarkan. Itu tak menjadi masalah.

Apa yang saya terkilan dan risau adalah saya orang melayu beragama Islam. Kalau Tun membaca pada sesetengah blog yang ada dan juga dalam Malaysiakini parti2 politik diMalaysia dan penyokong2 mereka dah mula menimbulkan keresahan dan yang paling ditakuti jika berterusan begini cita cita untuk membina perlembagaan akan tercapai entah2 pada PRU-13. Melayu sama melayu bercakaran bangsa lain memperkukuhkan monopolinya.

Adakah kita semua ingin huru hara berlaku lagi, kemudian terpaksa membangunkan negara semula.Malaysia ketika itu akan ketinggalan jauh kebelakang. Malaysia pada pemerintahn Tun(tak kira apa pun pendapat negatif orang lain) pada saya Malaysia telah pun didiiktiraf segai negara sedang membangun dirantau ini menuju status negara membangun.

Jika terjadi hura hara dan terpaksa membangun semula,silap2 ada akta yang lebih teruk dari sekarang, NEP (mungkin dengan nama lain) bukan untuk bumiputra tetapi sebaliknya.

Saya sarankan sekali lagi selain menulis dalam blog Tun ini, carilah semua cerdik pandai memikirkan sesuatu usaha mengamankan negara ini dan jangan sama sekali membuat kesilapan sekarang dan yang telah lalu.

Pesanan ini ditujukan pada saya dan semua pembaca jangan takbur, jangan taksab dan jangan riak. Apa yang saya boleh ingat kata kata yang saya sebut saperti diatas:-

1."saya adalah PM yang mempunyai majoriti terbanyak jika dibandingkan dengan PM2 yang lain.

2. "Dr.Mahathir boleh kata apapun saya adalah PM."

3. Jika hendak sembahyang pun tu biarlah kerana Allah dan janganlah biar pihak akhbar pampangkan dimuka depan bukankah dia PM.

Saya petikan kata2 kawan saya yang berbangsa cina," Itu kulit sudah ambil,saya isi sudah dia makan,tulang pun dia mahu,mana boleh tahan." Faham2lah maksudnya.

Wasalam

By Si Kurap WarisanAuthor Profile Page on August 12, 2008 12:42 AM

Salam Hormat buat YABhg. Tun dan Para Bloggers Che Det

Sebenarnya pada pandangan saya jelas Pak Lah dan kroninya bijaksana... manakan tidak.. sewaktu YABhg. Tun menyerahkan jawatan PM Tun samasekali tidak menyangka bahawa Pak Lah akan membiarkan dirinya ditadbir oleh keluarga dalam membuat keputusan penting untuk negara. Dari kekuasaan ahli mesyuarat 4K sehinggalah hari ini walaupun tinggal 3K.

Penyusunan strategi ini sebenarnya kemas dan teratur dari prespektif kuasa asing untuk mengalihkan kekuatan dan kesinambungan pentadbiran menerusi wadah bangsa iaitu UMNO. Matlamat dan tujuan untuk menghancurkan UMNO secara senyap dan licik dari dalam jelas berkesan sepertimana dakyah mereka menghancurkan pemerintahan Ottoman Empire. Dengan musnahnya UMNO maka musnahlah satu legasi yang dihormati diperingkat antarabangsa. Dengan kehancuran UMNO sudah tiada lagi gagasan suara Islam yang di hormati dan digeruni di rantau Asia Pasifik ini.

Kempen yang pernah dijalankan oleh British dan CIA jelas bertujuan untuk memporak perandakan rakyat semua kerana setelah sekian lama rakyat Malaysia aman makmur dan menghormati antara satu sama lain. Di samping itu nilai keagamaan yang moderate yang dipupuk oleh UMNO menyebabkan kita di hormati, walaupun oleh negara-negara Timur Tengah.

Orang yang kita sangkakan Tidor memang sedang tidor lena, teringat saya sewaktu ada usaha-usaha untuk menyekat YABhg. Tun berhenti dahulu telah dihentikan dan saya rasa sebenarnya kita semua merasa lega kerana YABhg. Tun berhenti jadi PM... kerana pada ketika itu kita menyangka bahawa YABhg. Tun adalah seorang Diktator yang gila kuasa... Akhirnya YABhg. Tun melepaskan jawatan dan calon yang sebenarnya kita harapkan ialah Pak Lah... Kemenangan majoriti dalam Pilihanraya Ke 11 tahun 2004 adalah kemenangan YABhg. Tun sebenarnya , bukan kemenangan Pak Lah. Sikap YABhg. Tun yang gentlemen lah yang menyebabkan rakyat yakin... Walaupun harapan YABhg. Tun agar Pak Lah mengikut acuan ekonomi yang ditetapkan sehingga 2020 nampaknya fail biru tu ada kat tepi tong sampah.. Amanat YABhg. Tun agar Pak Lah memberi fokus kepada Pembangunan Insan jelas diketepikan mentah-mentah oleh 4K, kerana ianya tidak menguntungkan mereka dan kroni.

Hari ini Tengku Nan dah jadi Setiausaha Agung... siapa berani nak lawan Pak Lah kerana semua orang tahu Ku Nan licik dan tak de prinsip. Dia boleh dibeli dan diugut siapa kenal dia tahu sangat benda nie... Oleh itu tak de siapa yang berani lawan atau nak bukak pencalonan... Bahagian dia tak hantar Borang 9 pun sikit punya baik dia gelecek.. cuba bahagian orang lain dah tentu kena gantung...

Ketua-ketua bahagian semua takut... samaada takut tidak berkuasa ataupun takut UMNO Bahagian terinaya... Inilah kelemahan orang Melayu bila di adu untuk bergaduh sesama sendiri... Cuba lihat Zaman Dato' Bahaman. Tok Janggut, Mat Kilau, Dato' Siamang Gagah kalau mereka ni semasa Inggeris hantar askar Gurka 300 ke 400 orang habis di sembelih mereka hanya dengan 5 ke 6 orang panglima je... Tapi Inggeris pandai di hantar orang melayu menentang orang melayu sendiri... akhirnya sampai mereka ni meninggal dunia sampai Tak Berkubur pun...

Justeru itu agar perkara ini menjadi kesedaran kepada pemimpin UMNO, kita hari ini berhadapan dengan siapa... Cuma satu perkara yang menggusarkan saya, pernah saya terbaca sepotong ayat dalam Al-Quran... Allah tidak akan mengubah sesuatu kaum sehingga kaum itu merubah cara hidup mereka

sendiri.. dan di Ayat yang lain Allah akan menurunkan laknatnya kepada satu-satu kawasan / negara kerana manusia membiarkan diri mereka di pimpin oleh orang yang fasik...

Janganlah sampai kita dilaknat oleh Allah semata-mata nak menjaga kepentingan satu-satu individu.... Biarlah kita mati ketika berjuang dari mati di atas tilam yang empuk dengan penuh kehinaan...

Sekadar Pandangan.... (Mohon Maaf YABhg. Tun Sebab Panjang Sangat)

www.titiwangsakini.blogspot.com  
By azienmat on August 12, 2008 12:46 AM

"Berani Buat Berani Tanggung' Berani Jawab..

Pemimpin - mesti Berani, mesti Tanggungjawab.

Karisma, Bijak, Peka, Petah tutur katanya sebahagian skil yang ada pada seorang pemimpin. Tapi jangan lupa, Rasuah juga adalah 'skil' terkini yang menjadi kriteria untuk menjadi seorang pemimpin pada masa kini.

Rasuah sungguh merimaskan. Sejak dari mula prosesnya rasuah ini amat memmenatkan, sehingga akhir proses pun (takkan habis pun..) hanya banyak menghabiskan masa aku tenaga dan wang yang tak sepatutnya disalurkan (sepatutnya free).. Dan yang paling penat bab ni bagaimana mahu menyembunyikan 'jenayah' ini supaya ianya berjalan secara elok, senyap, teratur dan terkawal, berjalan seperti biasa dan sediakala hendaknya. Susah tu.. Ini skil lah.

Rimas Penat dan Meloyakan. Maaf, lalu aku rasa nak muntah..(ini kurang zat namanya)  
By PiloI on August 12, 2008 12:46 AM

Assalamualaikum tun,

1. Nampak nya pak lah sudah tersepit...by his own doing..what should a man do in his condition to survive? He will use gula-gula in order to sustain...but the worst things those yang terkena gula-gula also had the diabetic....jadi the consequences will be slow and suffering death.....Thats what the DOCTOR used to said.
2. IF Pak Lah can redefine ISLAM by introducing the ISLAM HADARI..then he is saying ISLAM now not as good as ISLAM HADARI. Jadi tak hairanlah kalau sistem penamaan calon can be manipulated...for his own benefits.
- 3.Now PAK LAH is blaming DSAI on the economic performance so he is starting to pointing away the problems to others just like he use to do before...why do he start pointing to DSAI...now? so he can divert the attention to DSAI....I still don't understand this PAK LAH...WHY CAN HE JUST BLAH....
4. I think now I do know how those politician works....How they manipulate the media for political propaganda...too sad that they have use all resources just to have their objectives made...they are too much!!!!
5. TUN What did you think about the current issues? Where are these Bar Council is heading to? Are there any Intelligent support from outsider to create instability in the country? There are too many issues that crop up recently and creating too many diversion of focus..Is there a master plan to ....I wish to see the larger pictures of what is happening or developing and what will be the final objectives of these people....

Semoga sihat sejahtera selalu TUN.

By matbinggung on August 12, 2008 12:50 AM

matbinggung said,

Salam Tun,

Melihat kepada politik wang dalam UMNO, peluang Mukhriz tentunya agak tipis untuk rebut Ketua PEmuda. Semakin binggunglah rakyat jika Mukriz kalah bertanding.

By JAAFAR on August 12, 2008 1:10 AM

Salam to all.

Can we supporters of Tun and not the present UMNO and its leaders do something. Let the present UMNO be buried and sent its leaders to hell. In 1969 Penang fell to Gerakan which was formed not long before that. The people of Penang being unpredictable as they were (and still are) did sent the MCA to hell and the MCA never managed to Govern Penang until to-day due to one reason or another.

Now we have about 4-5 years to prepare for GE13 unless those jokers dissolve Parliament in two to three month's time.

Lets gather a few people to start cracking to form a NEW PARTY. We have got nothing to lose. We are the silent MAJORITY and the MAJORITY rules.

Tun has declared that he cannot live a day under DESAI's Premiership. Now the Malays are unpredictable, see what they have done at GE12. If they can do it then they can do it again at GE13.

Tun, why must you leave. This is OUR COUNTRY, we must die fighting, this is not his country alone (if he considers such, does he?)

His face never glows, his smiles never look sweet and even now a lot of jokers call him PM in waiting and he likes it. Oh god I just cannot stand it. He dragged innocent people into his battle. It doesn't matter if he drags his own equally opportunist supporters.

YABhg Tun and People, don't ponder anymore, let's do it and forget about them, they are just too much and don't deserve to get our respect and sweat!! and not worth dying for!!

By oldedwardian on August 12, 2008 1:25 AM

Asalamualaikum Tun

Semoga Allah merahmati Tun sekeluarga.

Saya bekas Ketua Cawangan dan Ahli Jawatan Kuasa Bahagian.

Malangnya Bahagian saya yang tinggal hanya parti politik sahaja, kedua dua Dewan Undangan Negeri jatuh ka tangan parti lawan PAS dan DAP.

Sedia maklum sekarang musim demam Mesyuarat Agung Cawangan dan akan berakhir dengan Perwakilan Bahagian UMNO,

Sibuk menawar diri di bermacam-macam jawatan, lobi melobi, jamuan tiap tiap malam, mesyuarat sulit, sponsor si polan lawan (langar) ketua cawangan yang tak sehaluan dan janji bermacam janji, tak ada perubahan walau pun Ibu pejabat UMNO telah mengeluarkan arahan dan larangan. Mereka ini terang terang langar arahan. Macam samseng.

Apa tujuan ingin menjadi Ketua Cawangan?? Pada hemat saya mestilah ingin menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang. Mereka mungkin menang pada pemilihan Ketua Bahagian. Apakah mereka akan menang pada Pilihan Raya Umum nanti?. Pada mereka yang penting menang di pemilihan UMNO. Walau pun calon calon ketua bahagian ini bermasalah. Apakah UMNO ketandusan pemimpin yang berwibawa?. Macam Pak Kadok menang sorak kampung tergadai. Berulang mimpi ngeri.

Ukur lah baju di badan sendiri, cermin cermin lah muka, Perbuatan mereka ini membuat orang meluat dan menambahkan kebencian yang memang sedia ada. Saya ulangi kebencian yang memang sedia ada.

Pemimpin pemimpin UMNO masih tidak sedar diri macam tak ada apa yang berlaku, dan tak ada rasa insaf dan ingin pulehkan keadaan .

Saya amat kecewa dan risau.

Ya Allah ya tuhan kami pelihara lah bangsa kami dan negara kami dari kehancoran, jauhilah kami dari mala petaka dan dugaan engkau Ya Allah. Amin Ya Rob Bila'lamin .

Salam saya kepada Tun dan Tun Dr Hasmah

OLD EDWARDIAN

By CSI Malaysia Author Profile Page on August 12, 2008 1:26 AM

Tun said: "Saya percaya akhirnya surat dan laporan kepada BPR tidak akan menghasilkan apa-apa kerana ada sahaja alasan dan penjelasan yang akan diberi oleh kedua-dua pemimpin tertinggi Umno ini untuk "cover-up". - Correct, correct and correct. Sistem "Cover - Up " telah diperelajari and diikuti of pemimpin2 UMNO sejak pertadbiran zaman Dr M seperti macam BMF skandal, Perwaja skandal, MAS skandal dll yang cukup cover-up dari kroni kroni Dr M dulu dulu lagi.

Tun said "Hari ini pun kita sedang melihat bagaimana orang Melayu berada dalam keadaan tidak tentu arah, terancam, terpaksa menubuh badan-badan lain untuk mempertahankan hak mereka, berpecah dan bercempera dan umumnya hilang haluan." Correct, correct, correct. Melayu akan hilang dibumi sendiri pasal pemimpin pemimpin UMNO sendiri yang hancurnya kerana nafsu rasuah, malas, sombong dan tamak dalam UMNO telah merampas semua harta rakyat berbilang kaum terutama hak tanah Melayu hilang dijual oleh pemimpin Melayu untuk memperkayakan diri, keluarga dan kroni kroni dalam UMNO. Sekarang orang bukan Melayu jadi alasan perkauman dan punching guni-guni untuk dikutuk oleh Melayu padahal pemimpin Melayu UMNO yang menindas dan mengkhainati bangsa sendiri. Sebagai bukti bahawa hak hak Ketuanan Melayu dan saham saham Melayu dalam Dasar Ekonomi Baru (NEP) telah di rampas and di tipu oleh ketua ketua bangsa sendiri.

Tun cakap "Semua ini disebabkan oleh kepimpinan Umno yang rasuah dan ahli-ahli Umno yang tidak berani menegur, jauh sekali bertindak." Correct, correct, correct. Wang Politik dan Sistem Rasuah dalam UMNO sudah jadi darah dalam daging dan duri dalam hati Melayu sendiri yang dibela oleh pemimpin UMNO yang sombong dan tamak. Oleh itu, zaman wang politik dan rasuah sudah wujud di zaman Dr M feudalisma selama 22 tahun bila di banding dalam zaman zaman Tun Razak, Tun Hussein Onn dan Tuanku AR dulu dulu.

Ketiga tiga agenda yang diperkatakan oleh Tun amat tetap sekalai kerana asal usul dalam sistem wang politik dan sistem rasuah dalam kedudukan UMNO sebagai super power dalam BN.

By mod on August 12, 2008 1:35 AM

Assalamualaikum Tun,

Rasuah, rasuah, rasuah...agaknye macam 'hantu raya', boleh berubah-ubah mengikut keadaan. Saya minta pengunjung blog ini renungkan bersama.

Adakah ini telah menjadi amalan kita...

- a. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'MARKA'
- b. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'TUNANG'
- c. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'ISTERI'
- d. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'MERTUA'
- e. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'PANGKAT'
- f. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'PROJEK'

- g. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'JAWATAN'
- h. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'KETUA'
- i. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'ADUN'
- j. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'MT'
- l. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'NAIB PRESIDEN'
- m. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'TIMBALAN PRESIDEN'
- n. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'PRESIDEN'
- o. Ketika berhajat mendapatkan bakal 'PRU'

Apakah semua di atas tidak memerlukan sesuatu pendorong untuk mendapatkan atau memenangnya?.

Tunggulah sehampir Disember 2008, Pak Lah akan memberikan sedikit 'manisan' buat rakyat. Apakah komen rakyat selepas itu. Kita tunggu dan lihat.

Wassalam

By AJ on August 12, 2008 1:36 AM

PERFORMANCE AND LEADERSHIP SHOULD EQUAL.

By dinturtle on August 12, 2008 2:01 AM

Tun, Rasuah politik berlaku dari peringkat tertinggi hinggalah ke peringkat JKKK. Sebagai orang luar, saya jijik melihat UMNO sekarang, tidak rela UMNO menjadi pembela Melayu. Kepada bos2 UMNO Terengganu, dekat2 bulan puasa ni, turunlah padang, tanyalah orang kampung cara2 pemilihan mereka yang layak menerima wang ehsan. Sedar atau tidak kenapa sesetengah kampung, UMNO tidak mendapat sambutan? selidiklah JKKK anda ! Mereka mewakili UMNO tapi merekalah yang merosakkan UMNO . Mungkin boleh dimulakan dengan Kampung Batu 6 Kuala Terengganu.....

By pahlawan on August 12, 2008 2:30 AM

Salam mualaikum semua, tolong dan marilah kita berkerja sama untuk ketuan Melayu. Masaalah rasuah? Kalau ada pun mungkin pandangan individu sahaja. Taklah kain sehalai atau tidak dapat kain pelikat undi dalam UMNO jadi pertarongan.

Saya rasa ini fitnah kalau pun ada yang dapat hadiah salahkah dikalangan sahabat andai memberi chandra hati? Saya teringat peristiwa lawatan pembesar negeri bertukar tukar hadiah. Orang yang dilantik saksi untuk upacara akat nikah pun di hadiah wang sagu hati. Juru nikah samastinya pun dapat hadiah daripada pihak pengnantin. Ada kah in rasuah?

Harap orang yang nak main politik bermuhasah dan jangan menabur fitnah terhadap pemimpin negara dan orang Melayu.

By sitinur on August 12, 2008 2:38 AM

Asalamualaikum bapak n mami hasmah.....

1 dollah bagi duit sejadah kain pelekat...amik jgn tak amik...  
masa pencalonan n undi bagi org lain JANGAN calon dollah...

2 setakat duit 50-100 hinggit tuh tetap nak calon dollah...benggong ke aper korang nih....

3 tak kisah kalo kiter sendrik yg malu JGN malukan mak bapak...  
ketua2 cawangan buat lah keje tuh betoi2...jgn sampai org2 di kawasan masing2 tak percaya korang...

4 kalo bapak berhijrah tmpt lain kami2 nih jadik yatim piatu lah ek...huhuhuhuuuuuu....

5 ceq takto politik..tapi suasana la ni makin panas3...masing2 nak tunjuk hero...hero taik kucing...dollah cuma berlagak alim...alim2 kucing....apa kata minta kapten yg berani (maaf kapten lupa lak nama..) bertanding kat pp....

6 takto nak cakap ape lagik dah...jemu jelak nak muntah seme dah...

7 ya Allah lindungi lah kami n bumi m'sia...amin..go2...  
By D.MANAuthor Profile Page on August 12, 2008 2:43 AM

Asalamualaikum Tun,  
DI MANA NAK KU CARI GANTI  
SERUPA DENGAN MU  
Kita kehilangan P.Ramli  
Sama-sama kita berdoa agar Allah lanjutkan usia Tun  
untuk memberi semangat perjuangan utk bangsa dan negara

Maaf nak tumpang sikit utk peringatan sahabat2 kita

Haiii... AHLI UMNO  
yang makan rasuah  
Tak takut pada Allah ke?  
Menangiskan pasir di depan Kaabah pun, Allah tak akan ampun.  
Sebab kami, rakyat takkan ampun.

Sembahyang dan puasa tak pernah miss,  
dah menunai haji untuk minta ampun makan wang rakyat.  
Balik mai, buat lagi.  
Semua orang tahu apa terjadi di sebalik tabir pada  
setiap malam pemilihan

Hari ni terima rasuah,  
esok jual Melayu dan Malaysia  
untuk memberi rasuah

Apabila dah tua dan dok saja,  
terkenang semasa dulu,  
menangis tak berlagu  
menyesal tak sudah  
hingga ke akhir hayat.

HAI UMNO, TOLONG JANGAN JUAL KAMI  
By sitinur on August 12, 2008 2:46 AM

heheheheee...luper lak...  
dah pun 5 juta pembaca....dah tentu ramai yg on/off blog bapak nih beberapa kali sehari...termasuk ceq  
lah...kalo tak baca mcm hilang sesuatu n paneh pungkoq org utara kata.....semuga Allah sentiasa  
memberi kesihatan pada bapak....terima kasih mami hasmah kerana sentiasa menjaga n menemani  
bapak...tapi taknak bapak letih..tapi takleh kalo tak baca post terbaru bapak...heheheheee....  
makasih bapak.....  
By mah on August 12, 2008 4:20 AM

Salam Tun,

Kita tahu bila sebut rasuah, kedua2 pihak, yg memberi dan yg menerima adalah salah.

Saya rasa rasuah ni ada di mana-mana. Samada malaysia ke, us ke uk ke singapore ke atau mana2 je  
lah kat dunia ni. Bezanya cume banyak ke sikit, mahal ke murah bayaran. Boleh kata semua org ada  
price nya.



sesuatu yang telah kecoh, barulah mereka nak sibuk2 tunjuk muka, contohnya bila kalangan ahli umno biasa membuat permintaan suruh letak jawatan secara senyap, mana ada orang peduli tapi bila dah jadi bahan berita tetiba saje meraka ini timbul dengan komen2 "cara inidalah salah kita ada cara yang betul, sepatutnya dia kenalah ikut cara yang betul" tapi tak pernah pulak mereka bagitau cara yang betullah adalah ??????????????

tapi bila dah buat cara yang kira fikir betul jawapan dia "sebagai seorang ahli kita perlulah patuh pada peraturan" tengoklah betapa mualnya kita dengan cara mereka. sayang seribu kali sayang dalam banyak2 kekecohan ini takder satu orang pun yang mempunyai pangkat menggunakan buku perlembagaan UMNO yang ada. "hiasan sekadar hiasan, mencantikkan apa yang cantik untuk memburukkannya"

Sekadar harapan yang menggunung tinggi, biarlah ada pemimpin yang berada di barisan hadapan daripada ada pemimpin di antara golongan kita, janganlah pula bila dihadapan hancur segala harapan.

TUN sesungguhnya saya berharap perdana global peace akan betul2 menunjukkan protesnya terhadap british.

malaysia youth  
shah\_nd

By pulau\_sibu on August 12, 2008 4:50 AM

Most former leaders of Asia have their lives ended in a miserable way, but not Mahathir. Well known Marcos went to exile and other male presidents of Philippines were jailed, Suharto of Indonesia was under corruption charges, Presidents of Korea all went to become monks as a kind of self punishment, and we heard of Thaksin went to exile in UK.

Mahathir has been clean. Perhaps Abdullah has been finding faults on him in order to punish him, such as using that correct, correct, correct cases. I must say he is relatively clean compared to other corrupted world leaders. You may say that Singaporean leaders are cleaner, but that is a different story since the media is under control (who dares to expose any wrong doing)?

By RonoRene on August 12, 2008 6:01 AM

A'kum Tun!

Sebenarnya saya sedang berkira2 utk mengajukan isu ini kpd Tun & ingin meminta pandangan & cadangan Tun berkenaan isu yg sama. Terus terang,saya sedang membantu rakan2 pemuda Bentong utk mengetengahkan seorang calon yg mengikut perkiraan kami jauh lebih sesuai daripada calon yg kononnya direstui oleh pemimpin atasan bahagian. Memang jelas seperti apa yg Tun katakan, betapa sengsaranya kami menghadapi dugaan utk memperjuangkan hak kami sebagai ahli yg masih ingin melihat UMNO terus utuh dan disegani seperti sebelumnya. Begitu kuat kekangan untuk memastikan calon yg kami pilih tidak mendapat cukup pencalonan untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda Bahagian pd pemilihan kali ini. Rasuah berleluasa. Ada kes dimana penduduk kampung berpecah belah akibat dari pengaruh luar yg bertindak menyogok kumpulan tertentu(yg tak pernah mengambil berat hal2 kemasyarakatan) bagi memastikan hasrat mereka tercapai. Berbagai2 cara & taktik kotor yg telah dilakukan termasuk pengiraan undi,penetapan tarikh mesyuarat,penguasaan dalam bilik mesyuarat dll lagi.

Sebenarnya, sebahagian besar dari golongan yg dipengaruhi ini adalah terdiri dari mereka yg baru nak berjinak2 dgn politik dan tak tahu arah tujuannya. Jadi kita boleh bayangkan jenis pelapis pemimpin yg macam mana yg kita ada sekarang. Tekanan lebih hebat bila mereka mengetahui yg kumpulan kami adalah merupakan penyokong Dato' Mukhriz. Syukur alhamdulillah, akhirnya kini calon kami telah mendapat cukup pencalonan walau pun tanpa sogokan diberikan. Kami sedar, walau sebanyak mana pun jumlah sogokan kalau ingin diberikan, tidak mungkin akan dapat menandingi tawaran Tingkat 4.

Sebenarnya mungkin sudah terlambat Tun!...sudah tiada maaf bagi mereka-mereka ini. Satu saja cara untuk mengajar dan menyedarkan mereka...iaitu bila UMNO tidak berkuasa langsung!.. Pada ketika itu mereka akan insaf.

By hafizans on August 12, 2008 9:46 PM

Salam Tun,  
harap sentiasa sihat.  
Tun,

isu rasuah politik ni dah jadi semakin serius sejak kepimpinan Pak Lah.majoriti cawangan2 UMNO dah disogok oleh Pak Lah dan kroni. Tapi pelik, mcm ahli2 UMNO dah buta.takde mata utk lihat, takde telinga nk dengar.Benda yg nyata & jelas depan mata takde tindakan nak ambik,kononnya takut..berani kerana benar!

Pak Lah takut dengan bayang2 sendiri, bglah peluang pd orang lain nk tanding jwtn Presiden.kalu betul2 amalkan demokrasi CEMERLANG GEMILANG dan TERBILANG..bglah orang lain rebut jawatan tue. Nak betulkan keadaan?Pasti ke peralihan kuasa pd TPM sekarang tahun 2010?Boleh percaya ke ngn kata2 manis Pak Lah? Nanti Pak Lah kata "saya tak tahu..".

Kepincangan dlm politik bukan 100% datang dr Tun Dr M..Tun Dr M adalah mantan PM. 22tahun jd PM ada ke UMNO berpecah belah? Tun byk selamatkan UMNO.Tp Melayu mudah lupa..dan terus lupa. Berilah orang lain utk memimpin UMNO.utk kepentingan bangsa Melayu kita..

By libzimAuthor Profile Page on August 12, 2008 10:16 PM

Pak Lah kata TDM mengaku gagal menukar orang Melayu. Sekarang Pak Lah nak tukar sikap orang Melayu. Tak tahulah macam mana dia nak buat. Takut-takut lagi rosak jadinya.

By sdahenanAuthor Profile Page on August 12, 2008 10:34 PM

ASSALAMUALAIKUM AYAHANDA TUN DAN BONDA SITI HASMAH

Anakanda tumpang lalu

TO CSI DAN SESIAPA YANG SELALU MNAGATAKAN RASUAH BERMULA DARI ERA TUN DR.MAHATHIR.

Bab rasuah ini telah pun di ceritakan di dalam Al Qur'an dan hadis Nabi.Menceritakan perilaku orang2 yang terdahulu dan untuk TAULADAN bagi orang2 di zaman mendatang.

PERSOALAN NYA APAKAH TUN MAHATHIR ADA DAHULU BARU AL QUR'AN ITU ADA? APAKAH TUN MAHATHIR SUDAH WUJUD SEBELUM NABI MUHAMMAD ITU ADA? APA KAH BERIBU2 TAHUN DAHULU TIDAK WUJUD BAB RASUAH INI DAN HANYA BERLAKU MULAI ZAMAN TUN MAHATHIR SAJA?

DI MANA KEPALA HOTAK KAU ORANG! KAU ORANG BERCAKAP PAKAI KEPALA LUTUT KE? ATAU KAU ORANG SEMUA SEMEMANG NYA JENIS BEBAL ,SUKA MENCARI KEBENCIAN ORANG KEPADA KAU ORANG.

TU LAH KECIK2 TAK NAK MAMPUS ,DAH BESAR MENYUSAHKAN OREANG.

Kata diri tu PROFESSIONAL .PROFESSIONAL TAIK KUCIN KAU ORANG.

DAH TAU DIRI TU BODOH,JANGAN LAH DOK MENYUSAHKAN ORANG LAIN DALAM BLOG INI. KALAU BERANI DAN GENTLEMAN,BUAT BLOG SENDIRI DAN BAGI ALAMAT NYA KAT AKU SUPAYA AKU BOLEH BAGI KOMEN DAN NASIHAT YANG BAIK KAT KAU ORANG.

NI SEKOX LAGI NAMA "ANBA". WHAT ARE YOU TRYING TO PROVE? THAT YOU'RE GOOD WRITER?,GOOD COMMENTATOR?

AREN'T YOU FEEL SHAMEFUL?. IF THE BLOG ADMINISTRATOR DO NOT WANT TO PUBLISH YOUR COMMENT ,SO WHAT? START THREATENING ARE YOU?

WHO GIVES A DAMNED ABOUT YOUR COMMENT

WHAT WE WANT IS A PIECE OF MIND FROM OUR BELOVED TUN,NOT A RUBBISH FROM YOU,SO BEAR THAT IN MIND. TRY TO ASK IN A POLITE WAY.NOT LIKE A MORON.

Maaf ayahanda terpaksa.

Semoga Ayahanda Tun dan Bonda selalu berada di dalam limpahan rahmat ALLAH SWT

WASSALAM

By abu sayab on August 12, 2008 11:23 PM

NEP abused!!

Skandal Bank Buruh.  
Skandal Bank Bumi.  
Skandal Perwaja.  
Skandal MAS  
Skandal Proton  
Skandal MRR2  
UEM  
Bakun  
Bernas  
Felda  
Felcra  
Putera Jaya  
Twin Tower  
Monsoon Cup  
Jabatan2 Menteri  
Tentera  
Kebanyakan GLCs...  
etc. etc... ai yoh...infinity!

Mengapa Melayu takkan maju?  
Cuma waiting dan hoping tak pakai otak.  
Ikut Tun keluar UMNO form another Malay party!!

(ex-BN)

By millionaire on August 12, 2008 11:53 PM

Dearest Tun.

I am not a malay but i understand in order to maintain unity in our lives here in malaysia it is very simple for simple people but i cannot understand those who have high (opposition) esteem to the extreem.UMNO have to be strong and very strong to lead and to be leading and i sense a weak link.I care because my simple living depends on how strong it is.cannot belive the glory days are gone. how i lived my carefree days upon your administration days.  
mungkin kita sudah lupa,  
millionare.

By suraksakhAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:47 AM

UMNO memang sedang berdepan dengan ajal. Mungkin kerana Allah menyayanginya. Sikap pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO yang telah menjadi tradisi kekal dan tidak dapat diubah. Mereka masih tidak mengenal erti logik. Mereka masih percaya cerita kolot Paklah. Sebenarnya saya percaya tiada guna lagi siapa yang akan menjadi president UMNO, organisasi yang sudah tiada harapan. Begitu juga dengan parti komponen BN yang masih tidak sanggup menerima kenyataan. Kepada mereka yang kalah teruk memang telah menerima kenyataan. Pihak pembangkang yang merupakan opportunist akan mendapat peluang yang besar untuk memenangi kerusi pentadbiran. Apa akan berlaku sekiranya Anwar Ibrahim menjadi PM? Adakah beliau betul-betul berpegang pada prinsip meritocracy? Adakah beliau betul-betul mampu memimpin? Mengapa pula beliau cuba membawa Malaysia ke kancang hutang IMF/World Bank pada tahun 1998? Boleh harap ke nih? Saya tidak peduli apa yang beliau buat peribadi(sodomi ke, disodomi ke...), kerana perkara itu tidak akan menjejaskan ekonomi negara. Pemimpin-pemimpin lain juga tiada bezanya, kalau tak liwat pun mesti ada perangai buruk masing-masing, tidak perlu tuduh-menuduh, semua sama-sama manusia. Yang penting rakyat hidup selesa, setiap sen yang dibayar oleh pembayar cukai dapat dinikmati oleh semua sama rata. Rakyat inginkan pentadbiran yang lutsinar, tetapi rakyat tidak akan meminta supaya perkara peribadi pentadbir dilutsinar, tiada faedahnya. UMNO terlalu keruh, pembangkang pula terlalu lutsinar sampai projek

peribadi pemimpin pembangkang pun dilutsinarkan. Tiada satu pun yang boleh diharap oleh pembayar cukai. Apatah lagi pelabur, sekiranya mereka tiada apa-apa terikat di negara kita, masakan mereka akan terus melabur? Tetapi ada bagusnya UMNO begini, bukan setakat pemimpinnya, tetapi ahli-ahlinya juga memerlukan pengajaran. Sifat-sifat pemimpin yang kuat rasuah, kronisme, salahguna kuasa, sifat-sifat ahlinya pula yang kuat membodek, penakut, pak turut, tidak pandai berfikir dan menilai dengan minda sendiri, senang dibeli dengan harga murah... Siapakah yang menanam sikap ini di dalam UMNO? Pemimpin-pemimpin yang terdahulu juga. Mengikut hukum alam, setiap perkara yang terjadi akan ada karma di sebaliknya. UMNO sedang mengalami krisis yang memecah-belahkan kaum kesayangan sendiri. Memang inilah yang dinanti-nantikan oleh musuh-musuh UMNO. Seperti apa yang Khairi sebut, dia akan menghapuskan semua pembangkang. Sekarang senjata sudah makan tuan, kerana mulut jawatan binasa. Sebenarnya kita tidak perlu bermusuh dengan sesiapa pun, kerana musuh utama kita semua hanyalah satu, kemiskinan.

By luqman on August 13, 2008 5:18 AM

Dear Tun, just want to write something for the above commentar.

By Anba on August 12, 2008 7:37 AM

Blog Administrator,

Hi there.

1. I found that my comments on the topic 'Whither Malaysia' was not published at all.
2. I had a different take on issues written by Dr. Mahathir, does it mean that my comments will not be published?
3. Is this blog only for those supporting Dr. Mahathir's point of view only?

If I don't hear from you, I'll assume that your blog is biased towards Dr. Mahathir's point of view.

Anba

My comment:- Dear Anba, I too have my comments not published as yours. In fact quite a few. It was not against of what Tun has written. Rest assured, not only 'against' to what Tun has put forward was deleted, the 'for' also got deleted. I assume due to the contents not related to what was discussed, the choice of words used or it is a blatant lie or a worship towards Tun.

Thank you

By chekndak on August 13, 2008 9:55 AM

Assalammualikum YBhg Tun dan keluarga  
Sihat sejahtera hendaknya.

Kebelakangan ini, begitu banyak berita di dada2 akhbar dan media elektronik menceritakan tentang kepincangan politik negara terutamanya UMNO. Isunya berkaitan wang. Dulu tak dengar pun dalam UMNO berlaku perkara ini. Tidak dinafikan ada, tapi tidak seheboh ini. Sekarang ini bila benda ni dihebohkan, orang ramai mula mempertikai kredibiliti seseorang pemimpin. Malah menghilangkan rasa percaya pada pemimpin. Malah kepimpinan jadi lemah. Faktor dalaman UMNO yang kini lemah membuatkan saya jadi bosan. Bayangkan kalau dulu saya mampu berdebat untuk pertahankan UMNO jika ada sahabat mempertikai tentang UMNO tapi kini saya dah hilang kata - kata. Apa yang diperkatakan sahabat saya memang masuk akal. Kini saya dah bosan dengan politik. Bayangkan jika kawasan saya ada mesyuarat UMNO, saya malas rasa nak pergi. Dulu ya saya begitu bersemangat. Bayangkan YB tempat saya masa mengundi tak masuk kampung pun untuk jumpa rakyat. Poster je sampai. Saya salute kat pembangkang, dia masuk kampung bagi penerangan. Tak payah rai2. Nak jumpa orang kampung terus dia datang ja. Tapi untuk menyambung kesinambungan perjuangan UMNO saya terus kekal bersama UMNO. Namun bila jadi begini saya rasa bosan. Saya baca orang UMNO sesama sendiri pun gaduh pasal rebut jawatan. Nak berjuang, saya rasa tak perlu jawatan memadai jika niat dan keinginan kita kuat untuk sama- sama membantu mengangkat kembali martabat UMNO. Rasa nak nanggis bila perjuangan orang dulu kini tidak dihargai malah biar menjadi basi.

By anakpahang on August 13, 2008 11:35 AM

Salam Dr M,

Walaupun terdapat segelintir comment di atas yang mengutuk dan mengata Tun secara terus atau tidak, kami harap Tun tetap bersabar dengan serangan kurang matang sebegini. Sebenarnya zaman pentadbiran Tun juga tak 100% sempurna - itu kami faham. Tetapi selama 22 tahun kami hidup dalam kemakmuran sehinggakan anak cucu si pemberi komen kurang matang sebegini pun masih hidup dengan selamat hingga ke hari ini.

Hakikat yang perlu orang-orang Melayu sedar ialah kita tiada PEMIMPIN yang jujur dan berani mempertahankan nasib anak bangsa. Ini bukan sentimen perkauman, tetapi bila ada pemimpin sebegini, bangsa lain pun turut menghormati pemimpin tersebut dan tidak membuat apa apa tuntutan yang jelas melanggar kesefahaman yang dicapai bersama datuk nenek moyang mereka dulu. Perpecahan dan ketidakstabilan politik orang Melayu sekarang berpunca dari pemimpin utama yang lemah. Dan ternyata beliau sendiri masih tidak dapat menerima hakikat ini sehingga saat ini.

Sebenarnya kita malu dengan pemimpin-pemimpin bangsa kita. Kenapa semua berdiam dan duduk dalam ketakutan di saat rakyat memerlukan keberanian mereka? Mana perginya Tuah, Jebat, Teja?

Kami berjanji - Jika ini berterusan, tiada satu pun undi kita akan sampai kepada pemimpin pemimpin pengecut ini dalam pilihanraya akan datang.

By JEBAT KAMPUNG Author Profile Page on August 13, 2008 11:37 AM

Assalamualikum Tun,

Cerita pasal rasuah, mana - mana ada rasuah, tapi malaysia paling kuat sekali makan rasuah, kalau tak takan lah sampai ramai pendatang asing kat Malaysia nie. Kita buat tangkapan pendatang asing dari Indon tapi pendatang asing dari China & India, ada tak kita buat, hahhaa, nie adalah kerana pihak berkuasa kita tak dapat bezakan muka orang tempatan dengan pendatang dari negeri China & India.

"TAKKAN MELAYU HILANG DIDUNIA"

By kokoi on August 13, 2008 12:09 PM

saya sebenarnya dah hilang kepercayaan terhadap semua institusi kat msia ni. Politik, kehakiman, polis semua dah tak boleh dipercayai. Kalau boleh, rasanya nak berhijrah je macam Tun cakap. Makin lama makin teruk. Ada beberapa kemungkinan. Masalah ni dah lama tapi sekarang baru dibongkar. Keduanya, masalah ni makin teruk sejak pak lah perintah. Hanya tuhan saja yang tahu.

By acom Author Profile Page on August 13, 2008 12:28 PM

Permisi Tun,

UNTuk sesabua negara itu maju dan aman damai dasar2 asas yang telah digubal oleh Parlimen mestilah dijalan kan oleh kaki tangan kerajaan yang amanah dan berjiwa rakyat.

Kerajaan boleh bertukar ganti tetapi untuk mengubah apa 2 bil mestilah diluluskan oleh parlimen, jika sekira kerajaan yang akan datang lemah ,gagal mendapat dua pertiga majoriti ada baik juga TUN, apa2 dasar yang dibuat semasa TUN akan tetap dijalan kan oleh kaki tangan kerajaan.

Kaki tangan kerajaan mesti lah tiga per empat di penuh oleh orang melayu.

saya mula bertugas Jan 1978 , Ketua pengarah datang berjumpa saya dan meemberi perangsang supaya cepat ambil ijazah peringkat sarjana atau fellowship dan dia akan memberi sokongan. oleh kerana tindakan beliau ramai lah pegawai kerajaan melayu berpangkat tinggi.

Semasa saya mengambil ijazah peringkat fellowship di LONDON , ada juga biasiswa yang telah diberi kepada bukan melayu, mereka ini terang2 cabut lari dan menetap diUK kerana sikap mahu kan wang , kacang lupa kan kulit. Ramai tidak kembali keMesia.

Scholar ship Jpa hendak lah tidak diber kepada orang yang tamak kan wang ,sikap penyamun siang hari, kacang lupakan kulit.

Kita maseh ramai ada orang melayu yang berjawatan tinggi dalam kerajaan. Orang2 ini lah mesti membela anak bangsa, orang 2 inilah yang mesti tidak tunduk pada agenda politikus yang datang dan pergi.

Orang2 ini yang mesti kita tiup semangat mereka supaya tidak sama bersekongkol dengan politikus yang rakus dan kejam pada rakyat.

By emville on August 13, 2008 12:33 PM

Kain pelikat, duit RM50-100, sejadah? Itu saja ke harga org UMNO sekarang?

Klu dulu saya tertunggu2 komen Tun dlm berita 8 pm. Sekarang ni dah la jarang Pak Lah bercakap dlm TV, bila bercakap pun entah apa2. Tak ada isi langsung.

Penyokong kuat UMNO ni dah mula fed-up dgn gelagat pemerintah sekarang. Tolong lah berubah, kembalikan Malaysia ke landasan yg betul. Betulkan ekonomi negara. Kukuhkan semula ketuanan Melayu. Jgn biarkan bangsa sendiri menumpang tanahair sendiri!

By TPJAuthor Profile Page on August 13, 2008 12:51 PM

Asalamualaikum Tun.

Bottomline, mengadakan quota 30% samasekali adalah salah untuk seseorang yg hendak bertanding jawatan tinggi. Apakah Tun tidak yakin kepada kewarasan para perwakilan? Jika pun Tun mendapat pencalonan yang banyak tetapi undi yang di perolehi itu tidak setanding dengan pencalonan itu, bukankah itu hak perwakilan untuk bertukar fikiran? Bukankah itu demokrasi namanya di mana seseorang itu boleh buat pilihannya secara bebas walaupun ia di pengaruhi oleh pihak2 tertentu? Bukankah berkempen itu darah daging dalam politik?

Satu contoh yang hendak saya ingatkan kepada Ayahanda Tun. Di dalam dua pemilihan yang berturut2, kita perwakilan memberi undian yang tertinggi bagi Najib. Tetapi Tun berdegil juga untuk memberi laluan kepada Pak Lah sebelum Najib. Walaupun itu adalah hak Tun di masa itu tetapi ianya tidak begitu demokratik. Sekarang, you want to preach about something that is beyond our control but was very much at your disposal when you were in power. The very least you could have done was dismantle the 30% quota before you left just in case your named successor like the others you named before him turned into a worthless, good for nothing leader.

UMNO is in this predicament because of you Tun. If you read my blog, you will see that I, and there are many more like me, am not a yes men but we are subject to the constraints that you put forth during your prime. We are fighting a losing battle. UMNO is doomed not because of the current leader but because of one seriously bad decision made by his predecessor. Can we blame Najib for towing the line when he rightfully owes his position today to Pak Lah and not you?

By aku lah barua on August 13, 2008 1:34 PM

TUN, since you left the partie, abdullah does not have the guts to defend org melayu, org cina, org india and many more dlm malaysia ni, sbb tu melayu, india dan cina tolak habis pru12 hari tu. org yg si 'lah' badawi jaga adalah org2 yg bersekongkol dgn nya saja termasuklah anak beranak dia, dia telah menjual pulau batu putih tu kat s'pore (bagi saya) sbb benda tu dah lama sgt diam dan tak sapa pun dok kacau slama ni. tetiba saja timbul lps tu dia diam saja, mak saya ckp kalau ada bising2 dan org yg bertanggung jawab diam maknanya, ada sesuatu darinya yg kita tak tau. lagi satu saya ada dgr warwar yg mengatakan Al ni pi sampai filipina ambil module perintah kerajaan utk perintah m'sia bila jadi PM nanti. saya nak tanya sikit A.I. ni kepala dia betoi ka tak betoi. bagi saya kalau dia nak sgt perintah m'sia ni guna pakai proven track record la, maksud saya betulkan apa yg dah salah dan majukan lagi la sistem pemerintahan m'sia ni. yg tak betoi skrg adalah si 'lah badawi' bukan system pemerintahan sbb depa dah monopulasi, sistem kita dah diakui dunia mmg berkesan dan sgt baik utk kita. filipina tu tu hancus berdengus, mmg la baik sbb telunjuk amerika, kalau org pkr tak paham atau berhati2 maksudnya lagi hancus la negara ni. apa salah anak2 kita yg menanggung kerosakan yg dilakukan oleh org2 mcm ni. hari2 saya doakan depa ni mati cepat2, tak krala sakit jantung ka, sakit aids ka, janji mati cepat2. saya sgt sedih sbb dulu mak bapak kita berkorban berperang dgn jepun, komunis, lps tu bagi kta hidup dgn aman. skrg depa ni menghancurkan segala impian kita utk anak kita dan cucu kita. betul la dulu haji hadi ckp badawi m'sia bela babi, bukan bela dah mmg babi pun. dia tak rasa mak bapak dia siksa dlm kuburka jika org menangis suruh berenti dia bebal tak nak berenti.

By zainalo on August 13, 2008 1:56 PM

Salam Tun,

Saya tidak terkejut jika Pak Lah berperangai demikian kerana sejarah telah membuktikan bahawa tidak semestinya jika ayah ke atau datok kita seorang ulamak anaknya juga akan demikian... cuba hayati sejarah nabi Noh dan nabi Luth.... bezanya cuma zaman telah berubah.....

By Abdul HamidAuthor Profile Page on August 13, 2008 3:25 PM

Salam Tun,

Kenapa tidak Tun mencabar Prsiden UMNO pada bulan Oktober nanti?

Dengan jasa Tun pada 25 tahun dahulu, Tun memang dapat mencabar Presiden masa kini. Adakah Tun takut sekali lagi ahli-ahli UMNO disogok? Apakah ini maksud?

UMNO sekarang memang bukan UMNO dahulu lagi. Ahli-ahli UMNO bukan seperti dahulu lagi yang berani mengeluarkan pendapat, menegak pendirian dan menjaga hak-hak Melayu. Mereka lebih terpesona dengan wang.

Hal ini memang menyedihkan rakyat Malaysia. Jadi, adakah kita terus mengundi UMNO yang telah merosot dan berubah ini? Patutkah kita terus mengundi parti tang mengamal rasuah? Kejadian MRR2 merupakan salah satu contoh kesan-kesan mengundi parti yang rasuah!

Jadi, wajibkah kita mengundi UMNO sebagai seorng yang cinta akan tanah air kita? Atau patutkah kita membuat perubahan?

UMNO memang tidak dapat dibaiki lagi! Jika boleh, telah Tun sekarang mencalon mencabar Presiden masa ini dan bukan keluar dari UMNO.

Sedangkan Tun tidak dapat memulih keadaan ini, siapakah lagi yang bermampu? Seandainya kita terus undi kepada UMNO, amalan rasuah takkan disekatkan dan akan menjadi lebih serius! JUsteru, tindakan yang cerdik patut dilakukan.

Sekarang, kita memang memerlukan suatu perubahan! Negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hari ini, kita nak sekali lagi menuntut kemerdekaan dan "membentuk Malaysia yang baru". Pada 916, sekali lagi Malaysia akan dilahirkan dan kelajuan perkembangan dan kebersihan politik yang kita ada pada masa dahulu akan dipulihkan semula!

Oleh itu, berbuat bijaklah di Permatang Pauh! Nak terus mengundi parti yang telah di pinggir kematian ini atau undi kepada harapan baru, anda fikirlah masak-masak!

By khairuddin on August 13, 2008 10:32 PM

YABhg. Tun,

Salam hormat. Rasuah politik dalam pemilihan parti di peringkat cawangan, bahagian dan seterusnya dalam pemilihan jawatan semasa Perhimpunan nanti. Di peringkat Cawangan dan Bahagian, mesyuarat diperingkat cawangan banyak timbul kekecohan. Untuk mendapat jawatan dalam cawangan dan bahagian, ahli ahli yang tidak menyokong disekat menghadiri mesyuarat atau tidak dipanggil kononnya tidak bayar yuran. Mereka yang inginkan jawatan dan dipilih untuk jadi perwakilan sanggup membayar kepada penyokong penyokong. Apabila mereka berjaya menjadi perwakilan, mereka akan dapat bayaran yang lebih untuk mengundi calon dalam pemilihan semasa Perhimpunan Agong nanti. Inilah senario parti politik sekarang..

By abang\_chik on August 14, 2008 9:45 AM

salam buat tun sekeluarga...

Apa nak heran...rasuah politik ni bukan baru...  
dah lama dah...takkan baru sedar....  
ini namanya pelaburan bijak.....  
betul tak tun???

By R\_a\_m on August 14, 2008 11:44 AM

Saya tak setuju dengan quota yang diberi kepada calon-calon yang nak bertanding. Ini menyebabkan mereka boleh membeli dengan wang untuk nama mereka dicalonkan yang mana ini lah menyebabkan adanya politik wang.

By R\_a\_m on August 14, 2008 11:47 AM

Untuk renungan tun,

Saya tak setuju dengan quota yang diberi kepada calon-calon yang nak bertanding. Ini menyebabkan mereka boleh membeli dengan wang untuk nama mereka dicalonkan yang mana ini lah menyebabkan adanya politik wang.

By anakteja2 on August 14, 2008 1:39 PM

Salam Tun;

"tak memberi" dan "Tak ada yang menerima", masalahnya ACA masuk bila ada aduan awam dari "pemberi", ini yang payahnya ...manupulasi kerja dan "manupulasi definasi".

Di US, bila manupulasi begini dipanggil "pelobi", tubuh dana - 1 year presidensi perion, kat sini - "politik wang" sama aje, masalahnya panggila, tapi jelas sekali salah baik hukum akal dan agama.

Payah betui Malaysia skrg nie

Wasalam

Anakteja-pemerhati

By ajoiz on August 14, 2008 3:31 PM

Salam Tun,

Saya bersetuju bahawa sistem kouta telah berjaya menghalang sebarang usaha oleh ahli-ahli yang sekadar untuk meraih populariti dgn brtanding sedangkan mereka bukannya serius. Itu ketika di zaman pentadbiran Tun dulu ianya sesuai. Lagipun ketika itu, pemimpin yang berkhidmat utk rakyat memang jarang dikacau dek ahli. Tetapi, kini di bawah kepimpinan Presiden Paklah ni ternyata sistem kouta ini pulak telah dibiarkan untuk disalahguna sewenang-wenangnya samada di peringkat cawangan, bahagian malahan diperingkat nasional.

Saya tidak bercakap tanpa asas kerana saya sendiri mengalaminya.

Tahun ini adalah tahun pemilihan dan saya turut menawarkan diri untuk bertanding salah satu jawatan terpenting di dalam pemuda bahagian.

Apabila bermulanya mesyuarat di peringkat cawangan, saya sendiri mengalami masalah untuk mendapatkan pencalonan bagi mencukupkan kouta untuk bertanding. Sedangkan saya memang telah dikenali di kalangan baik pemuda mahupun ketua-ketua cawangan. Saya sendiri ketika ini memegang jawatan di dalam kepimpinan bahagian dan telah mendampingi pemuda sejak saya terpilih pada pemilihan 2004. Saya dilihat mempunyai potensi untuk ke hadapan lebih-lebih lagi ketika ini negeri saya telah dirampas oleh PR. Dengan profession yang saya ada, anak tempatan dan mempunyai sejarah keluarga mendukung UMNO yang lama, saya masih merasai kepayahan untuk menawarkan diri untuk

setakuk lagi memimpin pemuda.

Rasuah politik RM 500 untuk pencalonan diberikan kepada KP cawangan. Tak cukup dengan itu, ahli-ahli pemuda cawangan sekitar 10-15 orang diperuntukkan RM 50 seorang bagi memastikan pencalonan diperolehi. Jika tak boleh jugak, Ketua Cawangan dipergunakan pula dgn imbuhan dan janji. Tak dapat jugak, Wakil Pemuda Bahagian ke cawangan digunakan dengan bayaran RM 500- RM 1000 untuk satu pencalonan. Campurtangan daripada kepimpinan bahagian turut digunakan semata-mata bagi menghalang pencalonan diberikan kepada saya.

Satu peristiwa menarik untuk renungan: Pemuda-pemuda daripada suatu cawangan ini memang rapat dengan saya memandangkan cawangan mereka berjiran dengan cawangan saya. Kejutan; Ketua cawangan pada awalnya hanya minta seramai 6 org pemuda aje yang hadir bertujuan supaya mesyuarat tidak cukup kourum dan kebiasaannya, belas ehsan wakil pemuda bahagian diperlukan untuk mesyuarat diteruskan. Semasa ini, siapa yang menjadi pilihan ketua cawangan dan/atau wakil pemuda bahagian akan dicalonkan barulah wakil tersebut akan mengesahkan mesyuarat. Tapi, bila pemuda yang hadir melebihi 9 org pada hari tersebut, Ketua Cawangan memanggil pemuda-pemuda meminta supaya dicalonkan pilihannya dan pemuda ditawarkan RM 500 jika dapat mencalonkan pilihannya. Alhamdulillah, pemuda-pemuda ini nampaknya matang dan tahu siapa yang perlu dicalonkan. Tawaran itu ditolak mentah-mentah dgn jawapan "kami tak pandang duit la bang!".

Syukur, disebalik kepayahan ini saya berjaya melepasi kouta pencalonan selepas hampir 40 cawangan bermesyuarat. Dan, saya akan teruskan perjuangan saya di dalam UMNO..

Itulah rintihan dan pengalaman saya untuk tatapan pembaca.

By aconite on August 14, 2008 4:42 PM

A'kum, Ybhg Tun. Semoga Ybhg Tun & keluarga sihat serta dirahmati Allah.

Gejala rasuah politik bukanlah perkara rahsia dan malu untuk disorokkan lagi, malahan menjadi bualan dan sembangx di kedai kopi. Terutama di musim pemilihan ketua cawangan, ketua bahagian ect. Malahan menjadi satu trend pula masingx ingin mencari pengaruh supaya dipilih, maka ramailah yang menjadi 'ulat' yang makan kiri dan kanan. Macam satu budaya pula, saya percaya tentu mereka yang di bawah ini belajar daripada mereka yang di atas. Tiada rasa bersalah kerana telah dihalalkan secara terhormat oleh mereka yang di lihat sebagai pemimpin.

Justeru itu, adalah sukar untuk menghapuskan gejala rasuah di luar badan sedangkan ianya merebak macam api dalam sekam di dalam badan sendiri. Tanpa sedar ianya dibajai dan disirami hanya untuk kepentingan dan cita-cita politik peribadi.

Seperkara yang menjadi pelik pada saya ialah tiada masalah rasuah merasuah di dalam parti seperti PAS (kerana saya mendiami di kawasan di mana orang melayu yang kuat menyokong parti PAS, malahan arwah bapa mertua saya juga orang kuat Pas). Mereka tidak pernah bercakap mengenai masalah membeli undi dengan wang ringgit. Kalau pujuk dan merayu itu adalah saya dengar tetapi tidaklah sampai 'menabur baja' kepada 'ulat-ulat'. Mungkin UMNO kena belajar dari sahabat/musuh mereka demi untuk mengembalikan maruah bangsa dan agama.

Wallahwualam.

By threesixtynine on August 14, 2008 7:50 PM

kenapa perlu khususkan kepada politik sahaja, sedangkan rasuah di malaysia merangkumi pelbagai perkara?

By sjankanAuthor Profile Page on August 14, 2008 10:26 PM

Wow ada orang tak sedar diri cakap ttg rasuah lah dan hak untuk bersuara....plz lah macam ketam mengajar ank dia jalan ngan lurus!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!

[www.chedet-unlimited.blogspot.com](http://www.chedet-unlimited.blogspot.com)

By mindabuana on August 14, 2008 11:17 PM

Salam semua,

Semua perkara dan benda didunia ini punyai campur dan tolaknya, hitam dan putihnya. Pokoknya, pertentangannya. Begitu juga sistem kuota ini. Perkara yang subjektif akan berubah nilainya mengikut masa, keadaan dan beberapa faktor lain. Oleh itu ketika memuktubkan sesuatu perkara pelulah kita rujukkan juga kepada faktor faktor ini yang akan mengubah nilainya kelak. Konsep agama sendiri banyak bersifat umum supaya perubahan cabang dan rantingnya tetap tertakluk dibawah konsep pokoknya. Bagaimanapun konsep asas memerlukan orang yang jujur dan berilmu untuk menerangkan kpd ramai apa yang tersurat dan tersirat. Kalau hendak disuratkan kpd ramai, perlulah konsep itu diperjelaskan dgn faktor faktor perubahannya. Pendapat saya, kalau kita berprinsip, perlulah prinsip itu tidak terlalu mengikat sehingga tiada jalan keluar ketika faktor perubahan telah berlaku. Kalau makan babi tidak diharuskan ketika terdesak, maka membunuh dirilah orang yang beriman itu dimana dosa membunuh diri itu langsung tidak terampun. Pilihlah yang kurang buruknya drp semua keburukkan yang ada. Sekian.

By luqman on August 15, 2008 1:46 AM

Salam Tun, maaf, saya nak cakap sikit dengan mamat nama sjankan

sjankan, hang yang kurang ajar dekat blog ni rasa puas hati ka tuduh Tun yang bukan bukan. Sila bagi bukti yang Tun pernah rasuah. Kalau tak, diam saja. Jasa tak ada pada negara cakap banyak..... cuba bagi alamat rumah... kita jumpa. Jangan kurang ajar sangat. Ingat boleh sembunyi dalam komputer... ingat tak boleh trace ka IP address. Jangan melebihi lebih...

By jadi on August 15, 2008 1:17 PM

Assalamualaikum Tun Dr Mahathir,

Bercakap pasal UMNO ni, saya dah letih. Di peringkat cawangan pun walaupun PAS dah memerintah Kedah, berkelahi merebut jawatan. Saya juga ada bertanyakan, siapa calon Ketua Cawangan tempat saya tu? Rupa rupanya seorang ahli perniagaan. Saya tanyakan kenapa nak angkat dia sebagai Ketua Cawangan? Kata kempen manager dia, dia selalu bagi sumbangan. Saya tanya pula p/raja hari tu tak nampak muka calon tu pun? Kata mereka tak apa. Saya tanya, tak pernah nampak kat majlis2 khenduri, masjid, dll, mereka jawab tak apa. Yang penting nak buat perubahan. So..saya cakap ok le dan selamat bersidang.

Saya telah membuat keputusan untuk tidak ke mesyuarat UMNO cawangan kerana saya diminta memilih ular sawa.

Pak Lah yang kini bersekutu dengan Najib akan buat apa saja untuk kekal berkuasa.

Sememangnya ramai yang kagum dengan Tun kerana melepaskan kuasa sesenang mungkin. Adakah Tun memikirkan rakyat pada masa Tun melepaskan jawatan? Atau Tun hanya percaya lapuran lapuran perisikan?

Sekarang Tun boleh melihat sendiri, walaupun di rentap, Pak Lah masih berpaut. Kuasa, wang adalah mainan beliau sekarang.

Kesian rakyat yang memberikan Tun beberapa penggal dengan majoriti 2/3...Tun tinggalkan mereka. Kata Tun berhenti sebelum kenyang ke atau berhenti semasa makan tengah sedap. Tak pasti pula saya. Tapi Pak Lah makan sedap sehingga kenyang dan tak mahu tahu bila nak berhenti. Inilah dikatakan makan keliling.

Saya dah tak nampak jalan lagi. Ahli ahli UMNO dah macam tak peduli yang mereka bermesyuarat itu untuk pilih Pak Lah sebagai Presiden lagi.

By jamallyna on August 15, 2008 2:25 PM

Salam Tun dan kawan2 blogger,

This article is quoted from mSTAR Online:

Pemimpin amal rasuah politik sekadar nilai kain pelikat  
15-08-2008 11:59:48 AM

KUALA LUMPUR: Murahnya nilai seseorang pemimpin Umno jika benar undi pencalonannya ke suatu jawatan dalam parti boleh dibeli dengan harga serendah RM500, walaupun tidak sekadar sehelai kain pelikat.

Menyedihkan, namun itu antara laporan yang diterima Badan Pencegah Rasuah (BPR) membabitkan senario rasuah politik yang mewarnai pemilihan Umno kali ini.

Sekalipun baru bermesyuarat pada peringkat cawangan, dakwaan demi dakwaan yang diterima sama ada oleh BPR mahupun dikhabarkan secara tidak rasmi kepada pucuk pimpinan, membayangkan suasana lebih buruk mungkin berlaku apabila Persidangan Perwakilan Bahagian bermula Oktober ini.

Ia menjurus kepada satu kesimpulan iaitu pucuk pimpinan tertinggi parti belum berupaya menangani gejala itu, sekalipun telah mengetatkan peraturan dengan meminda tata etika pemilihan sejurus sebelum mesyuarat cawangan bermula 17 Julai lepas.

Veteran Umno, Tan Sri Abdul Aziz Tapa berkata, rasuah politik akan tetap berlaku dalam parti itu selagi persepsi bahawa jawatan dan kuasa menjanjikan kekayaan mencorakkan pemilihan.

"Dulu perjuangan nombor satu adalah hendak merdeka. Bila sudah merdeka, hendak membangunkan negara pula. Masa inilah banyak projek pembangunan dan kita tidak boleh nafi yang dapat projek-projek ini kebanyakan orang Umno.

"Jadi daripada situlah wujud persepsi mahu kaya, hendak projek, masuklah Umno," katanya kepada Bernama.

Menurut Abdul Aziz, keadaan itu mula berlaku selepas tahun 1978 apabila Umno menarik perhatian warga korporat yang mengintai peluang kekayaan menerusi projek pembangunan yang semakin melimpah.

"Sebelum tahun '78, dalam Umno ini ramai guru yang rata-rata berjuang untuk kebaikan bangsa Melayu. Tapi bila orang korporat masuk keadaan mula berubah," katanya.

Keadaan dalam parti diburukkan lagi apabila mereka yang lama memegang jawatan enggan berundur dan ini turut mendorong kepada gejala tidak sihat termasuk rasuah politik.

"Inilah namanya mainan politik. Susah nak duga sebab macam-macam boleh jadi. Macam peralihan kuasa, ini bukan tradisi parti tetapi sudah menjadi amalan," katanya.

Abdul Aziz, 85, tidak menolak kemungkinan Umno akan "tenggelam" sekiranya pemimpin gagal mendengar luahan akar umbi dan tidak melakukan perubahan seperti yang dituntut anggota.

"Pada pengamatan saya, orang risau dengan Umno. Baru-baru ini saya ke Pahang, ke Terengganu...rata-rata meluahkan rasa bimbang mereka. Orang risau sangat walaupun sekarang keadaan sudah kendur sedikit.

"Kendur sikit sebab sudah ada kepastian bila Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) hendak berundur, kendur sebab orang dengar ada muqabalah dengan PAS demi kesejahteraan ummah tapi orang masih risau," katanya.

Abdul Aziz berkata, tenggelam atau timbulnya Umno pada masa depan boleh dilihat pada keputusan pilihan raya kecil kerusi Parlimen Permatang Pauh 26 Ogos ini.

"Saya fikir di situ akan jadi kayu pengukurnya nanti. Kalau (Datuk Seri) Anwar (Ibrahim) menang, jumlah

undinya bagaimana. Kalau majoriti dia lagi besar daripada sebelum ini, maknanya sokongan terhadap Umno semakin kurang.

"Tetapi jika BN dapat lebih banyak undi (berbanding dulu) ataupun menang, maka Umno masih ada harapan," katanya yang bersetuju dengan pandangan bahawa rasuah politik menyebabkan orang Melayu khususnya semakin menolak Umno.

Penganalisis politik, Prof Datuk Ibrahim Ahmad Bajunid berkata, negara sekarang memerlukan pemimpin yang hebat dalam semua bidang, bukan yang terpilih kerana sogokan.

"Malaysia sekarang berada di persimpangan jalan. Selepas 50 tahun merdeka, kita kini mempunyai banyak cabaran luar yang akan menyebabkan kita jauh ketinggalan berbanding negara jiran dan negara membangun lain jika cabaran ini tidak ditangani.

"Sebab itu kita perlukan pemimpin yang benar-benar berkaliber, yang boleh memimpin dan dipilih berasaskan politik yang bersih dan beradab," kata bekas Dekan Fakulti Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial Universiti Tun Abdul Razak (Unitar) itu.

Ibrahim berkata, sekarang bukan masanya untuk pemimpin negara dan parti bertelagah sesama sendiri kerana berebut kuasa sehingga lupa tugas hakiki mereka.

"Kita bercakap mengenai cabaran ekonomi dan bagaimana ketidakstabilan politik akan menjejaskan ekonomi kita. Politik yang tidak stabil akan menakutkan pelabur untuk datang ke sini.

"Jika ini berlaku, bagaimana kita mahu menjana kekayaan untuk dinikmati rakyat? Yang pasti pembangunan negara tidak akan dapat dilakukan jika pemimpin terlalu asyik bergaduh," katanya.

Tambahan pula, kata Ibrahim, rakyat kini sudah jelak dengan putarbelit pemimpin politik yang sanggup mempertaruhkan kepentingan rakyat demi diri sendiri.

"Tak kiralah pemimpin Umno mahupun pembangkang, para pemimpin harus perjuangkan untuk rakyat dan negara. Ini yang rakyat mahu tengok sekarang. Mereka tidak mahu tengok lagi dakwaan konspirasi, politik wang, rasuah dan macam-macam lagi. Mereka hendak ketelusan, hendak tengok satu proses demokrasi yang bersih dan beradab," katanya.

Abdul Aziz dan Ibrahim bukan orang yang pertama meluahkan pandangan mereka mengenai rasuah politik dalam Umno. Isu ini sudah terlalu kerap dibangkitkan termasuk oleh pemimpin parti itu sendiri.

Namun seperti mencurahkan air ke daun keladi, rasuah politik atau politik wang terus berleluasa setiap kali musim pemilihan parti.

Barangkali seperti yang pernah disuarakan oleh bekas Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Zainal Kling, bahawa orang Melayu ini terikat dengan amalan "terhutang budi".

Namun, persoalannya mahukah orang Melayu khususnya anggota Umno, membenarkan diri mereka dipimpin oleh pemimpin murahan yang membeli undi?

Atau adakah mereka mahu dipimpin oleh mereka yang benarbenar berkualiti dan ikhlas memperjuangkan nasib Melayu? Tepuk dada tanya selera. BERNAMA

Semoga Tun sentiasa dikurniakan kesihatan yg baik oleh Allah SWT...demi berjuang utk rakyat & negara tercinta...Pak Lah, tolong letak jawatan dgn cara terhormat, jgnlah nak pecah rekod jadi "PERDANA MENTERI MALAYSIA PERTAMA DIGULING OLEH RAKYAT"...

By mohd zainal abidinAuthor Profile Page on August 17, 2008 2:53 PM

Assalamualaikum Tun dan semua pembaca...

Kenyataan Tun memang tepat. Saya lebih tertarik membaca kenyataan Tun yang menyentuh untuk berhijrah ke negara lain seandainya DSAI menjadi PM. Percalonan dah di buat, adakah DSAI-pematang pauh akan menang dan seterusnya menjadi PM malaysia?

<http://popitsokmofx-trader.blogspot.com/>

maju bersama....

By mohd zainal abidin Author Profile Page on August 17, 2008 2:54 PM

Assalamualaikum Tun dan semua pembaca...

Kenyataan Tun memang tepat. Saya lebih tertarik membaca kenyataan Tun yang menyentuh untuk berhijrah ke negara lain seandainya DSAI menjadi PM. Percalonan dah di buat, adakah DSAI-pematang pauh akan menang dan seterusnya menjadi PM malaysia?

<http://popitsokmofx-trader.blogspot.com/>

maju bersama....

By ghanimu88 on August 17, 2008 9:01 PM

Every UMNO election year, we hear on money politics. It has become an UMNO culture. Every members knows about it and the top leaderships are also involved.

As the old saying "If we can not change the leaders, we change party.

Chermerlang. Terbilang, Gemilang ..... akan Hilang.

By Seti on August 18, 2008 11:39 AM

Saya baru pulang bercuti dan membaca Walaupun topik ini bertarikh 11/8/2008.

Topik No 7 : Saya mengesahkan kerana ada ketua bahagian Kuala Muda pun menyertai, tinggal dihotel mewah, dapat kain pelikat dan sebagainya. (besok dia m'kata Tun buat sibok saj)

Topik No 8 : Ini merupakan rasuah yang paling besar daripada tun Presiden.

Soalan mengapa, bagaimana selalu difikiran rakyat, tetapi ketua bahagian amnya dah termakan gula.

Bagaimana caranya !!!!!!!

By marbl3s Author Profile Page on August 18, 2008 5:17 PM

Dr.M,

You have made your mistake about the selection of Badawi. Also, regarding all this corruption (rasuah), it is not something new.

Please bare in mind that this issue arise since your time knowing that there are many (especially government servants such as Customs and police) that have been taking bribes but you as a PM never really took my initiative resolving this issue.

Whatever than happens now ballooned right from your time and now you are against all this? Isn't this a little too late?

Maybe not. During March's election, i stood in between the government party (racist/corruted) or Opposition, (Corruption/Racist vs Unproven). How do one choose? How did it all come to this?

Basically it was a wrong handling and choice made by you Dr.M. I respected the fact that during your time, although corruption and racism do exist, it was well in control. But you have forgotten that nobody are alike. All you need is one rotten fruit to spoil a hard days work.

With this negligence, our country is currently not only humiliating ourselves locally but the entire world.

Since i have to choose between a proven party with full of corruption and racism vs an unproven one, i will have to go for the unproven one.

By abuzarAuthor Profile Page on August 19, 2008 1:13 AM

Semoga Tun sekeluarga sentiasa sihat dan dilindungi Allah.

Memang menyedihkan UMNO hanya menunggu masa untuk dihancurkan, bukan sebab orang lain tetapi orang-orangnya sendiri terutama ketua-ketua atau yang berminat nak jadi ketua.

Saya sendiri adalah salah seorang AJK salah satu cawangan UMNO, kini menjadi bekas AJK saja kerana saya enggan hadir ke mesyuarat agung yang baru berlangsung minggu lepas. Saya enggan hadir kerana meluat dengan aktiviti merasuah ahli oleh seorang calon ketua cawangan, dan dia menang. Yang sedihnya beliau adalah seorang guru yang sepatutnya mempunyai maruah yang lebih tinggi. Lebih menyedihkan selepas memenangi ketua cawangan, ketika bersembang di warung makan, beliau beriya-iyanya benar menunjukkan sokongan kepada pemimpin PKR yang sedang dalam kepayahan.

Tidak menghairankan sekiranya UMNO akan hancur, selagi AAB terus dibuai kuasa Presiden dan kuasa PM. Dan tidak hairan juga NTR akan terus bermimpi untuk menjadi PM kerana nampaknya UMNO akan hancur tak lama lagi, melainkan jika AAB cepat-cepat berundur dan UMNO dipulihkan.

By wirawati on August 19, 2008 11:05 AM

Tun,

Kalau tegur kerana berani, nanti kena buang UMNO! Ambil tindakan disiplin, abih tu, camno nak bercakap. Dah terbukti dah sebelum ni...contohnya anak Tun la. Ada cara lain nak suruh pak Lah step down? Kenapa ego sangat, kalau tak tau cara, lowered down and ask your opinion tak boleh ka? Dari awal, Tun, turun, macam2 depa buat, saya setuju sangat kalau Tun cakap, depa layan Tun macam pariah....pemimpin la ni, UMNO ramai jadi Pak Turut, mak saya kata, orang jantan, kalau takut, takdak, te\*\*q!

By Ceaserax on August 19, 2008 7:20 PM

Tun, bagi pendapat saya sepatutnya kita sebagai orang melayu menubuhkan parti lain. Kita tidak boleh terlalu mengharapkan UMNO yang sedang menuju kehancuran. Kita tidak boleh megubati UMNO yang telah dijangkiti barah rasuah yang kian merebak. Kita jugak tidak boleh menyerahkan kepimpinan negara kepada PKR kerana keadaan Anwar Ibrahim yang tidak menentu. Sepatutnya kita menubuhkan parti lain untuk membantu negara dan seluruh rakyat menerajui negara.

Saya cadangkan Tun sendiri yang memimpin parti tersebut supaya kita dapat belajar dari Tun selok belok kepimpinan dan ideologi Tun yang ternyata dikagumi. Sebelum Tun pejam mata adalah lebih baik kita belajar dari Tun kerana hanya wujud satu Tun Dr.Mahathir Mohamad dan tidak ada yang keduanya.

Saya sendiri sanggup menjadi anak didik Tun jika diberi peluang demi agama, bangsa dan negara. Kita tidak boleh trus menerus hanya bercakap tetapi tidak bertindak. Terus mendiamkan diri dan membiarkan saja apa yang berlaku.Memang betul UMNO-BN dah tak boleh pakai dan PKR-BA tidak boleh dipercayai. Kita bukan ada dua parti politik itu sahaja. Kita masih boleh bertindak. Saya berharap sanga Tun tubuhkan parti politik baru untuk rakyat...

By sdahenanAuthor Profile Page on August 20, 2008 5:46 PM

ASSALAMUALAIKUM AYAHANDA TUN DAN BONDA SITI HASMAH

Anakanda tumpang lalu

To sjankan: Sekurang2 nya si ketam tu ADA HATI DAN KEAZAMAN juga untuk mengajar anak nya berjalan betul walaupun dia tahu dia tempang.dia tidak mahu anak2nya itu jadi macam dia dan berharap anak nya dapat berjalan lurus.

D A R I P A D A

Seorang/seekor yang macam BANGKAI,PERANGAI MACAM BANGKAI,HATI PERUT MACAM BANGKAI,OTAK TAK DAK DOK SYOK MENGATA KAT ORANG,PASTU DOK MENGAKU DIRI TU WANGI,PANDAI ,TAU SEMUA NYA,BLA,BLA,BLA. ORANG TU TERKENAL JUGAK TAPI KAT DALAM BLOG NI SAJA.ORANG TU YANG JADI BANGKAI TU PASAI LAMA2 DULU SEJAK KENA SODOK DENGAN anwar SAMPAI LA NI TAK JUGAK2 MANDI JUNUB.

O R A N G T U H A A A N N G L A

Semuga Ayahanda Tun dan Bonda Siti Hasmah selalu sihat2 saja

WASSALAM

By Yana Trazam on August 22, 2008 2:05 PM

Salam Tun,

saya dah bosan, muak, jelek ngn drama wak dol(pak lah) n najib nie.. mmg xde org lain bole ganti tempat Tun as a very1000x good PM. 1 more thing, hanya "ISLAM HADHARI" Pak Lah jer yg mmbenarkan rasuah..

By anakmiri on August 24, 2008 8:28 AM

Tun dan para blogger sekalian,

Saya maseh teringat kata2 Bush tika beliau berucap selepas 9/11. Di perhatikan setiap perkataan beliau mengatakan bahawa akan menggunakan semua cara dan kepandaian untuk membentras MUSUH mereka.

Adakah yang terjadi di Malayisia kini hasil dari kejayaan MEREKA. Saya yakin ini adalah rancangan dalam mereka. Jadi ORANG KITA sadarlah. Permusuhan kini adalah rancangan AMEREKA. Bersatu Kita Teguh, bermusuh kita Runtuh.

Sayang Malaysia KU yang menuju kehancuran, jika kita tak sedar. Ada tangan yang halus mempermainkan kita.

By kakee\_yop on August 26, 2008 1:41 AM

salam tun..

saya baru menjadi ketua pemuda umno cawangan pulau tiga..

cuba untuk membawa perubahan di peringkat cawangan sEkurang2nya..

tapi, selama hampir sebulan saya memegang jawatan ni, sy tau, saya tak boleh pi.. apa yang Tun & para bloggers katakan di atas terdapat 100% kebenarannya.. UMNO SEDANG MENURUN DARI MANA DULU DIA BERADA DIPUNCAK KEGEMILANGANNYA.. YANG SEDANG MENJAJAH BANGSA MELAYU ADALAH MELAYU ITU SENDIRI!! Melayu sanggup menjual kehormatan melayu cuma dengan nilai sehelai kain pelikat.. dan di luar sana.. ada yang menanti dengan SENYUMAN..

...anak kecil main api

...terbakar hatinya yang sepi

...air mata darah bercampur keringat

...akhirnya,, BUMI DIPIJAK MILIK ORANG.